2.1c. Apakah tahap proses pelaksanaan aktiviti pentaksiran guru dalam menganalisis evidens dan mengaplikasi maklumat pentaksiran?

2.1d. Apakah tahap proses pelaksanaan aktiviti pentaksiran guru dalam membuat perekodan dan pelaporan?

2.2. Murid

2.2a. Apakah tahap proses tanggungjawab murid dalam aktiviti pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah?

3. Apakah tahap pencapaian hasil jangka pendek (*outcomes*) pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga secara keseluruhan?

3.1. Guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1a. Apakah tahap peningkatan pengetahuan guru hasil jangka pendek daripada pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah?

3.1b. Apakah tahap peningkatan kemahiran guru hasil jangka pendek daripada pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah?

3.2. Murid

3.2a. Apakah tahap pembentukan sikap positif murid hasil jangka pendek daripada pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah?

4. Apakah tahap kekangan guru dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Apakah variabel yang menyumbang kepada peningkatan pengetahuan guru hasil pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam pelaksanaan kurikulum Mata pelajaran Sains Rumah Tangga?
6. Apakah variabel yang menyumbang kepada peningkatan kemahiran guru hasil pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam pelaksanaan kurikulum Mata pelajaran Sains Rumah Tangga?
7. Apakah variabel yang menyumbang kepada pembentukan sikap positif murid hasil pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam pelaksanaan kurikulum Mata pelajaran Sains Rumah Tangga?

1.7 Hipotesis Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian ke 5, 6 dan 7 penyelidik membentuk hipotesis kajian seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hipotesis Ho.1 telah dibina bagi menjawab persoalan kajian 5.

Ho.1 Input pengetahuan asas guru seperti Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, Jadual Spesifikasi Ujian, Kaedah Pemarkahan, Etika Penilaian, input kemudahan dan sumber, aktiviti pentaksiran seperti membuat perancangan, mentadbir, menganalisis evidens dan mengaplikasikan maklumat pentaksiran serta membuat perekodan dan pelaporan bukan merupakan faktor yang menyumbang kepada peningkatan pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT.

Hipotesis Ho.2 telah dibina bagi menjawab persoalan kajian 6.

Ho.2 Input pengetahuan asas guru seperti Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, Jadual Spesifikasi Ujian, Kaedah Pemarkahan, Etika Penilaian, input

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemudahan dan sumber, aktiviti pentaksiran seperti membuat perancangan, mentadbir, menganalisis evidens dan mengaplikasikan maklumat pentaksiran serta membuat perekodan dan pelaporan bukan merupakan faktor yang menyumbang kepada peningkatan kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT.

Hipotesis Ho.3 telah dibina bagi menjawab persoalan kajian 7.

Ho.3 Input pentaksiran seperti pengetahuan dan kefahaman, tanggungjawab murid dalam pelaksanaan PBD bukan merupakan faktor yang menyumbang kepada pembentukan sikap positif murid terhadap pelaksanaan PBD dalam kurikulum Mata pelajaran SRT.

1.8 Kepentingan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum MPEI mata pelajaran SRT mula diperkenalkan pada tahun 2017 kepada murid Tingkatan Empat selaras dengan pelaksanaan KSSM dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Kaedah pentaksiran yang digunakan dalam mata pelajaran SRT terbahagi kepada dua bahagian iaitu Pentaksiran Pusat dan Pentaksiran Bilik Darjah. Pelaksanaan PBD dalam kurikulum ini masih baharu dan memerlukan penilaian.

Oleh itu, kajian penilaian pelaksanaan PBD dalam kurikulum ini, pertama dapat memberi maklumat yang sangat berguna kepada pelaksana kurikulum iaitu guru dalam proses membuat keputusan ke arah penambah baik pelaksanaan PBD dalam kurikulum ini pada masa hadapan. Contohnya pada fasa input (*antecedents*) kajian ini meneliti pengetahuan asas guru dalam aspek Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, Jadual Spesifikasi Ujian, kaedah pemarkahan, etika penilaian, pengetahuan murid,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kefahaman murid serta kemudahan dan sumber. Maklumat ini dapat digunakan bagi membuat penstrukturan berkaitan input tersebut. Disamping itu, kajian ini turut meninjau aktiviti pelaksanaan PBD dalam aspek membuat perancangan, mentadbir ujian, menganalisis eviden dan mengaplikasikan maklumat, membuat perekodan dan pelaporan serta tanggungjawab murid dalam pelaksanaan PBD pada peringkat proses (*transactions*). Maklumat ini dapat digunakan dengan sewajarnya oleh guru supaya pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT berjalan dengan lancar dan berkesan. Manakala maklumat mengenai hasil jangka pendek (*outcomes*) dan kekangan dalam pelaksanaan dapat digunakan oleh guru SRT bagi penambah baik dalam pelaksanaan PBD supaya pencapaian matlamat pelaksanaan PBD kurikulum mata pelajaran SRT adalah seperti yang dirancang oleh pihak BPK, KPM.

Kedua, menambahkan lagi ilmu pengetahuan dalam bidang kajian pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT dan seterusnya menjadi rujukan kepada para penyelidik untuk menjalankan penyelidikan pelaksanaan PBD dalam kurikulum dan program pendidikan yang lain seperti yang dikemukan oleh Sander & Nafziger (2011) bahawa kajian pelaksanaan diakui oleh para penyelidik sebagai suatu kajian penting bagi memberi maklumat tentang pelaksanaan program, dasar dan kurikulum pendidikan.

Ketiga, kajian penilaian ini menyumbangkan satu contoh bentuk atau model penilaian kurikulum berasaskan model penilaian Model Stake *Countenance*. Justeru itu, kajian ini boleh dijadikan rujukan dan panduan pada masa hadapan kepada penyelidik yang berminat menjalankan kajian penilaian kurikulum menggunakan Model Stake *Countenance*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Batasan Kajian

Terdapat kekangan di luar kawalan penyelidik seperti faktor masa dan kewangan, maka penyelidik membataskan kajian ini dalam beberapa aspek, pertama kajian ini hanya dijalankan di Negeri Kelantan iaitu 35 buah sekolah menengah harian dipilih kerana 35 buah sekolah ini sahaja yang menawarkan MPEI SRT Tingkatan Empat. Kajian ini terbatas kepada guru yang mengajar mata pelajaran SRT sahaja dan murid tingkatan empat yang mengambil MPEI SRT Tingkatan Empat sahaja.

Kedua, penyelidik menggunakan matrik deskripsi (*Description Matrix*) sahaja daripada dua matrik penilaian dalam Model Stake *Countenance* di mana fasa input (*antecedents*), fasa proses (*transactions*) dan fasa hasil jangka pendek (*outcomes*) maktrik deskripsi sahaja yang dikaji. Aspek yang diberi tumpuan dalam penilaian setiap fasa adalah terhad seperti yang terkandung dalam kerangka konseptual kajian (Rajah 2.6).

Oleh kerana kajian penilaian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen dalam pengumpulan data, maka dapatan kajian ini bergantung kepada kejujuran responden dalam memberi maklum balas terhadap penyataan yang dikemukakan dalam soal selidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Definisi Operasional

1.10.1 Penilaian

Penilaian menpunyai pentarifan yang berbeza mengikut pendekatan yang digunakan dalam sesebuah kajian penilaian. Stufflebeam & rakan (1971) mentarifkan penilaian sebagai suatu proses mengumpul dan menggunakan maklumat yang diperoleh dan seterusnya membuat keputusan untuk meneruskan sesuatu program atau sebaliknya.

Penilaian dalam pendidikan dijelaskan sebagai suatu aktiviti yang dirancang secara sistematik dan dilaksanakan bagi membantu pihak pembuat dasar membuat keputusan dalam meningkatkan kualiti program pendidikan atau kurikulum pendidikan (Stufflebeam 2017). Dalam kajian ini, definisi yang digunakan adalah definisi yang digunakan oleh Stake (1967) yang menerangkan penilaian sebagai proses membuat huraian dan pertimbangan ke atas suatu program atau kurikulum pendidikan yang sedang dijalankan.

1.10.2 Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Pentaksiran Bilik Darjah adalah pentaksiran yang dirancang, dibina, ditadbir, diperiksa dan dilaporkan oleh pihak sekolah dalam bentuk formatif yang dijalankan selari dengan proses pengajaran dan pembelajaran seperti lembaran kerja, pemerhatian, kuiz, senarai semak, laporan tugasan, tugasan rumah dan ujian bertulis secara formatif dan sumatif yang dijalankan pada akhir setiap unit pembelajaran, penggal, bulan dan tahun (BPK, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan definisi PBD sebagai pentaksiran bertulis yang dirancang, ditadbir, diperiksa dan dilaporkan oleh pihak sekolah secara formatif dan sumatif yang melibatkan guru dan murid mata pelajaran SRT Tingkatan Empat di sekolah menengah harian (BPK, 2018).

1.10.3 Kurikulum Mata Pelajaran SRT

Kurikulum adalah satu pelan atau rancangan untuk tindakan atau satu dokumen bertulis yang mengandungi strategi untuk mencapai matlamat yang dihajati (Ornstein & Hankins 2013). Kurikulum mata pelajaran SRT dalam kajian ini merujuk kepada MPEI SRT yang ditawarkan kepada murid Tingkatan Empat di sekolah menengah kebangsaan harian, yang mula dilaksanakan pada tahun 2017 dalam KSSM sistem pendidikan kebangsaan (BPK, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.4 Input (*antecedents*)

Input adalah sumber yang digunakan untuk mengoperasikan suatu program atau kurikulum pendidikan yang dirancang termasuk manusia, kewangan, organisasi, komuniti, infra struktur atau kemudahan (Stake 1967).

Dalam kajian ini penyelidik mendefinisikan input sebagai sumber yang mendukung pelaksanaan PBD yang terdiri dari aspek pengetahuan asas guru berkaitan aspek Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, Jadual Spesifikasi (JSU), kaedah pemarkahan dan etika penilaian; aspek murid berkaitan dengan pengetahuan murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan kefahaman murid serta aspek kemudahan dan sumber. Ini dapat dihuraikan seperti berikut:

1.10.4.1 Pengetahuan Asas Guru

Dalam kajian ini pengetahuan asas guru merujuk kepada pengetahuan sedia ada guru berkaitan dengan ilmu pentaksiran yang diperoleh semasa mengikuti pengajian dalam program pendidikan sama ada diperingkat sijil pendidikan, diploma pendidikan atau ijazah pendidikan, kursus penataraan Pentaksiran Berasaskan Sekolah atau kursus yang diikuti sepanjang perkhidmatan yang berkaitan dengan pentaksiran seperti Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, Jadual Spesifikasi Ujian, kaeadah pemarkahan dan etika penilaian (Ramlah, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.4.2 Pengetahuan Murid

Dalam kajian ini, pengetahuan murid merujuk kepada pengetahuan murid terhadap aspek maklumat berkaitan PBD seperti pelaksanaan PBD tidak menyukar dan membebankan murid serta memudahkan murid untuk berjaya dan PBD akan lebih disukai oleh murid (Noraini & Zamri, 2016).

1.10.4.3 Kefahaman Murid

Dalam kajian ini kefahaman murid merujuk kepada kefahaman murid tentang tujuan PBD, band pentaksiran, skor pentaksiran, minat untuk belajar dan masa yang banyak digunakan bagi melakukan tugasan dalam PBD (Noraini & Zamri, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.4.4 Kemudahan dan sumber

Dalam kajian ini kemudahan dan sumber merujuk kepada kecukupan dan kekondusifan infrastruktur, kemudahan pencetakan, kesesuaian tempat untuk menyimpan bahan pentaksiran, kesesuaian Standard Kurikulum yang disediakan oleh pihak BPK, KPM dengan kebolehan dan keperluan murid, kecukupan bahan rujukan dan peruntukan kewangan yang disediakan bagi melaksanakan aktiviti PBD (Ramlah, 2016).

1.10.5 Proses (*transactions*)

Proses merupakan segala aktiviti, perkhidmatan dan kaedah penyampaian yang disediakan dalam suatu program atau kurikulum pendidikan kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program atau kurikulum tersebuat dalam mencapai matlamatnya. Dalam kajian ini, proses merujuk kepada aktiviti guru dan tanggungjawab murid dalam melaksanakan PBD.

1.10.5.1 Aktiviti

Aktiviti adalah proses, alat, peristiwa, teknologi dan tindakan yang merupakan sebahagian komponen dalam pelaksanaan program atau kurikulum pendidikan yang membawa kepada perubahan terhadap program atau kurikulum kurikulum tersebut (Kellogg 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini aktiviti merujuk kepada aktiviti pentaksiran yang dilakukan oleh guru dalam melaksanakan PBD seperti membuat perancangan, mentadbir ujian, menganalisis eviden dan mengaplikasi maklumat pentaksiran serta membuat perekodan dan pelaporan (Ramlah, 2016).

1.10.5.2 Tanggungjawab Murid

Tanggungjawab merujuk kepada kemampuan seseorang untuk melakukan sesuatu kewajiban atau tugasan atas dorongan dari dalam dirinya sendiri. Agus (2012) mendefinisikan tanggungjawab sebagai tingkah laku seseorang dalam melaksanakan tugas dan kewajibannya sama ada terhadap dirinya sendiri, masyarakat dan alam sekitar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, tanggungjawab merujuk kepada tanggungjawab murid dalam proses pelaksanaan PBD dari aspek menghadirkan diri dalam taklimat mata pelajaran SRT, mengetahui kriteria pentaksiran, kaedah penskoran, berbincang dengan guru tentang pelaksanaan pentaksiran dan menunjukkan bahan bukti dalam sesuatu bidang yang ditaksir.

1.10.6 Hasil Jangka Pendek (*outcomes*)

Penilaian hasil (*outcomes*) merupakan perubahan khusus yang berlaku pada setiap individu yang terlibat dalam pelaksanaan sesuatu program atau kurikulum pendidikan seperti perubahan sikap, tingkah laku, pengetahuan, kemahiran (Stake 1967). Penilaian jangka pendek sepatutnya dicapai dalam masa 1 hingga 3 tahun, manakala

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hasil jangka panjang harus dicapai dalam jangka masa 4 hingga 6 tahun (Kellogg 2004).

Dalam kajian ini, penilaian hasil jangka pendek merujuk kepada hasil jangka pendek yang berlaku akibat daripada penyertaan guru dan murid dalam pelaksanaan PBD dari aspek peningkatan pengetahuan dan peningkatan kemahiran guru serta pembentukan sikap positif murid.

1.10.6.1 Peningkatan Pengetahuan

Rockwell & Bennett (2004) mentarifkan peningkatan pengetahuan sebagai kesedaran, kefahaman dan keupayaan untuk menyelesaikan masalah. Dalam kajian ini, penyelidik merujuk pengetahuan sebagai pencapaian standard pengetahuan guru dalam melaksanakan PBD berdasarkan Standard yang ditetapkan dalam *Standards for Teacher Competence in Educational Assessment of students* (1990) oleh National Education Association of United States dan *Standards for Teacher Competence in Educational Assessment of students* (Sanders & Vogel, 1993) seperti membuat pentaksiran sebelum, semasa dan selepas pentaksiran, membuat jangkaan untuk mencapai prestasi murid yang jelas, mengemas kini rekod prestasi murid, meggunakan maklumat untuk merancang dan mengubah suai pengajaran serta pembangunan akademik dan emosi murid secara berterusan.

1.10.6.2 Peningkatan Kemahiran

Kemahiran merujuk kepada kebolehan lisan atau fizikal yang ada pada seseorang (Rockwell & Bennett, 2004; Rockwell & rakan, 2012). Dalam kajian ini, penyelidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendefinisikan peningkatan kemahiran sebagai pencapaian standard kemahiran guru merujuk kepada pencapaian standard kemahiran guru dalam melaksanakan PBD dalam pelaksanaan kurikulum mata pelajaran SRT Tingkatan Empat seperti yang ditetapkan di dalam *Standards for Teacher Competence in Educational Assessment of students* (1990) oleh National Education Association of United States dan *Standards for Teacher Competence in Educational Assessment of students* (Sanders & Vogel, 1993) seperti kemahiran mentadbir, mentafsir dan menggunakan prosedur penggredan murid yang sah, menggunakan hasil pentaksiran untuk membuat keputusan, membangunkan kaedah pengajaran yang sesuai mengikut pentaksiran, berkomunikasi tentang keputusan pentaksiran kepada murid, ibu bapa atau pentadbir dan menggunakan Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

1.10.6.3 Sikap Positif Murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini penyelidik mendefinisikan sikap positif murid seperti yang dicadangkan oleh Kamisah & rakan (2007) iaitu persedian mental yang neutral yang disusun mengikut pengalaman yang memandu tindakan seseorang terhadap rangsangan yang diberi bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran dalam aspek tingkah laku murid yang positif yang ditonjolkan oleh murid hasil dari pengetahuan dan kefahaman murid dalam pelaksanaan PBD seperti menghadirkan diri dalam taklimat PBD, membuat latihan dan tugasan, merancang aktiviti tugasan, tekun belajar, mendapatkan bantuan guru dalam mendapatkan band yang terbaik, segera memperbaiki hasil kerja setelah disemak oleh guru, melakukan aktiviti pembelajaran bersama rakan dan berupaya memberi tunjuk ajar pada rakan, menggunakan bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rujukan dan laman web ketika membuat pentaksiran dan seronok dalam melaksanakan tugasan pentaksiran serta berfikir dengan mendalam membuat PBD.

1.10.7 Kekangan

Ramlah (2016) mendefinisikan kekangan sebagai menghalang supaya sesuatu jangan berlaku, menahan, menyekat atau mencegah. Dalam kajian ini, kekangan didefinisikan sebagai halangan yang menyekat, menahan, atau mencegah pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT bagi mencapai matlamatnya seperti aspek pelaksana (guru), pentadbiran, murid mata pelajaran SRT dan masa.

1.11 Kesimpulan

Kajian terhadap penilaian pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT dalam kalangan guru dan murid sekolah menengah harian adalah bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan dan kekangan bagi mengemukakan cadangan penambah baik pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT pada masa hadapan.

Bab ini telah membincangkan perkara yang menjadi asas kepada kajian seperti latar belakang kajian, permasalahan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian. Akhir sekali, beberapa definisi operasional diberi bagi menjelaskan istilah yang digunakan terutama di dalam kerangka konsep kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan aspek kajian berkaitan definisi dan konsep penilaian, perbezaan penyelidikan pendidikan, penilaian program dan penilaian kurikulum, model-model penilaian, Model Stake *Countenance* dan justifikasi pemilihan model penilaian serta kajian lepas yang menggunakan Model Stake *Countenance*. Seterusnya memandangkan kajian ini adalah kajian penilaian pelaksanaan kurikulum fokus kepada pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), tinjauan literatur merangkumi amalan pentaksiran, PBD, perubahan dan pelaksanaan kurikulum, pendidikan vokasional, kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga (SRT). Kerangka teori dan konseptual turut dibincangkan.

2.2 Definisi Penilaian

Tyler (1942) mendefinisikan penilaian sebagai satu proses penentuan pencapaian objektif. Definisi penilaian yang dikemukakan oleh Tyler dalam konteks '*Eight Year of Study*' merupakan definisi terawal penilaian. Semenjak itu, pelbagai definisi penilaian telah wujud (Tenbrink, 1974). Definisi penilaian yang pelbagai dan mempunyai banyak makna kerana pendekatan yang digunakan adalah berbeza tahun demi tahun (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Rossi (2018) menyatakan penilaian adalah satu proses yang menawarkan maklumat untuk membuat keputusan. Tambah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

beliau lagi penilaian juga menjelaskan satu standard atau kriteria yang digunakan untuk mengadili sesuatu perkara yang dinilai.

Harlen (1980), menegaskan bahawa penilaian bukan sahaja meliputi pengumpulan maklumat tetapi juga mengenal pasti kriteria serta penggunaan kriteria tersebut untuk membuat pengadilan berkaitan maklumat yang dikumpul. Definisi penilaian menurut The Joint Committee (1994) dalam Fournier (1994) merupakan satu kaedah penaksiran secara sistematik untuk menentukan nilai atau merit sesuatu objek.

Menjelang tahun 1970-an penilaian memberi lebih penumpuan kepada pertimbangan profesional dan sejak dari itu, kepercayaan mula meningkat bahawa penilaian adalah satu proses pengumpulan dan analisis maklumat yang berkualiti oleh pembuat keputusan (Stufflebeam & Shinkfield, 2012). Menurut Mertens & Wilson (2018), penilaian adalah satu proses penyiasatan yang digunakan untuk mengumpul dan mensintesiskan bukti bagi membuat keputusan tentang merit, nilai, kepentingan, kualiti program, produk, cadangan atau pelan.

Berdasarkan kepada kesemua definisi yang dibincangkan, dapat dibuat kesimpulan bahawa penilaian adalah suatu aktiviti yang dijalankan secara sistematik dan berurutan yang melibatkan proses pengumpulan, penyediaan dan analisis maklumat yang diperolehi terhadap pelaksanaan sesebuah kurikulum bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi dan seterusnya membuat penambah baik terhadapnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Konsep Penyelidikan Pendidikan, Penilaian Program dan Penilaian Kurikulum

Sebelum melaksanakan kajian, adalah penting bagi penyelidik mengenal pasti sama ada kajian yang akan dijalankan merupakan satu penyelidikan pendidikan, penilaian program atau penilaian kurikulum. Ini kerana setiap kajian memerlukan pendekatan yang sesuai bagi memberikan dapatan yang tepat. Justeru itu, penyelidik mendalami konsep penyelidikan pendidikan, penilaian program dan penilaian kurikulum.

2.3.1 Penyelidikan Pendidikan

Menurut Creswell (2012), penyelidikan yang tepat akan menjurus seseorang dalam membuat keputusan atau penilaian. Tambah beliau lagi, keputusan yang dibuat tanpa membuat penyelidikan akan menimbulkan ketidakpastian dan berisiko. Skala risiko yang akan dihadapi pada masa hadapan bergantung kepada keputusan yang diambil pada masa kini. Contohnya pada tahun 2017 KPM melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang dianggap tidak lagi relevan selaras dengan perkembangan pendidikan semasa abad ke-21. Pelaksanaan kurikulum baharu yang bukan saja melibatkan jumlah perbelanjaan yang besar tetapi juga akan mempengaruhi pembentukan generasi masa hadapan.

Justeru itu, bagi mengurangkan risiko, penyelidikan perlu dilakukan terlebih dahulu bagi membolehkan sesuatu keputusan yang dibuat tepat berdasarkan kepada fakta dan bukti yang dikumpul, dianalisis dan ditafsir melalui proses penyelidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidikan adalah langkah yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis maklumat untuk meningkatkan pemahaman seseorang tentang sesuatu topik atau isu (Creswell & Creswell, 2017). Mereka menekankan bahawa terdapat tiga langkah dalam penyelidikan. Langkah pertama adalah menimbulkan soalan, langkah kedua, mengumpul data untuk menjawab soalan dan langkah ketiga mengemukakan jawapan kepada soalan. Punch (2013) mendefinisikan penyelidikan sebagai satu proses yang tersusun, sistematik dan logik bagi menjawab persoalan yang timbul dalam kehidupan seharian berdasarkan maklumat empirikal yang dikumpul melalui proses penyelidikan.

Manakala Gay & rakan (2012) menyatakan penyelidikan sebagai satu proses berdasarkan kefahaman dan penjelasan yang membawa kepada generalisasi tentang sesuatu isu atau amalan pendidikan dan seterusnya membawa kepada pembangunan teori. Menurut mereka tiga sebab utama penyelidikan penting dilaksanakan iaitu pertama, penyelidikan menambah maklumat sedia ada penyelidik tentang sesuatu isu.

Kedua, penyelidikan adalah untuk memperbaiki amalan. Ini bermakna melalui penyelidikan, pendidik boleh belajar amalan baru yang diuji dalam penyelidikan dan persekitaran yang berbeza. Secara tidak langsung dapat meningkatkan profesionalisme guru.

Ketiga, penyelidikan menawarkan maklumat kepada pembuat dasar. Ini membantu mereka melihat dalam pelbagai sudut dan perspektif dalam membuat keputusan dan tindakan. Hujah ini selari dengan Stangor (2015) yang menyatakan penyelidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sering dijadikan rujukan kepada pembuat dasar dalam membuat keputusan dan tindakan.

Kesimpulannya penyelidikan pendidikan adalah satu pendekatan inkuiri saintifik, empirikal dan berdisiplin untuk mengkaji masalah kajian. Ia bukan semata-mata melibatkan pengumpulan data tetapi melibatkan satu proses yang perlu dilaksanakan dengan objektif, logik, sistematik, tersusun, tekun dan kritikal kerana penyelidikan dianggap sebagai satu bidang yang mampu membantu menyelesaikan masalah amalan pendidikan yang berkesan.

2.3.2 Penilaian Program

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian program didefinisikan sebagai satu himpunan maklumat yang sistematik berkenaan matlamat, objektif, aktiviti dan hasil program bagi membuat pertimbangan berkaitan dengan keberkesanan program, meningkatkan keberkesanan program atau memaklumkan mengenai keputusan pembangunan program pada masa hadapan (Stufflebeam & Shinkfield, 2007).

Joint Committee on Standard for Education Evaluation (2018) mendefinisikan penilaian program adalah satu aktiviti yang disediakan secara berterusan mencakupi aspek berikut, pertama satu aktiviti yang dirancang secara sistematik. Kedua, bertujuan bagi matlamat yang telah ditetapkan. Ketiga, individu, kumpulan atau organisasi terlibat telah dikenal pasti. Keempat, menggunakan sumber yang telah diuruskan. Kelima, berlaku dalam konteks. Keenam, hasil *output*, *outcome* dan impak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

didokumenkan. Ketujuh, melibatkan kos dan memberi faedah dan kelapan, berdasarkan model penilaian atau teori yang berkaitan.

Menurut Trochim & Urban (2016) maksud penilaian program bergantung kepada tujuan, fungsi, cara melaksanakan penilaian, model penilaian yang dipilih dan digunakan serta perbezaan dari segi standard yang diguna pakai dalam membuat kesimpulan hasil daripada satu penilaian yang dibuat.

Penilaian program menekankan reka bentuk program, pelaksanaan program, hasil program atau gabungan ketiga-tiganya. Reka bentuk program merujuk kepada operasi program, sumber yang digunakan bagi menyokong program dan kakitangan yang digunakan bagi menjalankan program. Manakala aktiviti merujuk kepada tindakan yang perlu diambil dalam usaha untuk menjalankan program dengan betul. Contohnya amalan pengajaran, strategi dan kaedah pengajaran, tingkah laku guru, tingkah laku murid, interaksi guru-murid, interaksi murid-murid dan kerja murid (Anderson & Postlethwaite, 2007).

Daripada penerangan di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa penilaian program merupakan satu aktiviti penilaian terhadap satu program yang sedang berjalan, intervensi yang dirancang bertujuan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan, bertindak bagi menyelesaikan masalah yang timbul dan melibatkan individu, kumpulan, organisasi dan sumber yang ada dalam memberikan perkhidmatan atau penambah baik sesebuah program.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3 Penilaian Kurikulum

Tyler (1949) mendefinisikan kurikulum sebagai pelajaran yang dirancang, dikelola dan dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi mencapai matlamat pendidikan yang telah ditetapkan. Menurut beliau lagi objektif pelajaran hendaklah merangkumi dua aspek yang berkaitan iaitu; (i) Perkembangan tingkah laku kendiri pelajar dan (ii) Isi kandungan mata pelajaran yang beroperasi dengan tingkah laku pelajar.

Ornstein & Hankins (2013) mendefinisikan kurikulum sebagai satu pelan atau rancangan untuk tindakan atau satu dokumen bertulis yang mengandungi strategi untuk mencapai matlamat yang dihajati. Menurut Fauzian & Fauziah (2015) kurikulum merupakan bentuk penulisan yang dirancang mengandungi senarai topik pembelajaran yang akan dilaksanakan dalam pembelajaran dan semua pengalaman yang berlaku di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Rohana & rakan (2017) mentakrifkan kurikulum berdasarkan kepada tiga asas utama iaitu; (i) Kurikulum adalah satu rancangan pendidikan yang yang melalui satu proses dan usaha atau kegiatan dalam mencapai sesuatu tujuan. (ii) Bagi mencapai tujuan tersebut kegiatan disusun dan diatur. (iii) Ada pihak atau organisasi yang bertanggungjawab menyusun dan mengatur rancangan pendidikan bagi melaksanakan rancangan tersebut di sesebuah organisasi mengikut acuan yang telah ditetapkan.

Kurikulum ialah segala rancangan pendidikan (akademik dan kokurikulum) yang dikendalikan oleh sesebuah institusi pendidikan untuk mencapai matlamat pendidikan. Ia suatu rancangan yang meliputi segala ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan norma, unsur kebudayaan dan kepercayaan masyarakat untuk diwariskan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ahlinya. Kurikulum kebangsaan yang ditetapkan hendaklah menentukan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dijangka akan diperolehi oleh murid pada akhir tempoh persekolahan masing-masing (Akta Pendidikan 1996).

Penilaian kurikulum didefinisikan sebagai satu proses pengumpulan dan penggunaan maklumat bagi membuat keputusan mengenai program pendidikan dengan mempertimbangkan nilai merit kurikulum yang dibangunkan (Hamilton, 1976; Lawton, 2014; Wiseman, 1969; Wiseman & Pidgeon, 1970). Menurut McCormick & James (1988) penilaian kurikulum adalah satu proses pengauditan tentang apa yang berlaku dalam bilik darjah seperti apa yang diajar, aktiviti pengajaran dan hasil pembelajaran.

Manakala Saylor & Alexander (1974) menegaskan penilaian kurikulum terbahagi kepada dua iaitu pertama menilai keseluruhan kurikulum pendidikan itu termasuk matlamat, objektif, keberkesanan pengajaran dan pencapaian pelajar. Kedua menilai sama ada matlamat dan objektif pengajaran kurikulum itu dipenuhi atau tidak. Ia juga turut disokong oleh Gay (1991) menyatakan bahawa penilaian kurikulum adalah satu aktiviti penilaian keseluruhan kurikulum atau hanya menilai sesuatu aspek dalam sesuatu kurikulum itu.

Kesimpulannya, penilaian kurikulum adalah satu penilaian yang dilaksanakan bagi membuat penentuan sama ada bahan pengajaran dan kaedah yang digunakan adalah memenuhi perancangan dan pelaksanaan sesuatu kurikulum. Ia melibatkan pengubahsuaian bahan, kaedah dan strategi pelaksanaan serta berperanan dalam membuat keputusan berkaitan pencapaian dan prestasi seseorang murid di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.4 Perbezaan antara Penyelidikan Pendidikan, Penilaian Program dan Penilaian Kurikulum

Penyelidikan pendidikan dan penilaian program sering disalah tafsirkan antara satu sama lain. Fitzpatrick & rakan (2011) menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang nyata antara keduanya. Perbezaan tersebut merangkumi tujuan, fokus, generalisasi keputusan kajian, kegunaan keputusan kajian dan persediaan pihak yang terlibat dalam kajian.

Menurut Gay & rakan (2012) matlamat penyelidikan pendidikan adalah untuk mencari pengetahuan atau pemahaman yang baharu dalam sesuatu topik atau bidang. Justeru itu, berbeza sama sekali dengan penilaian program yang bermatlamat untuk membuat keputusan mengenai nilai dan merit keberkesanan kualiti atau program pendidikan, produk atau amalan. Seterusnya keputusan dibuat sama ada sesuatu program hendak diteruskan atau diberhentikan.

Penilaian program memerlukan kepada pengumpulan dan permintaan data yang tinggi daripada kajian yang dilaksanakan bagi tujuan untuk membuat keputusan oleh individu atau organisasi yang terlibat terhadap program tertentu. Di samping itu, penilaian program melibatkan perbandingan dilakukan. Manakala penyelidikan pendidikan adalah bertujuan untuk menghasilkan pengetahuan yang boleh digeneralisasikan dan mungkin tiada keperluan atau permintaan yang tinggi terhadap data yang diperolehi daripada kajian (Royse & rakan, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat perbezaan yang ketara antara penilaian kurikulum dengan penyelidikan pendidikan dan kajian penilaian yang lain. Menurut Payne (2012) terdapat beberapa aspek yang membezakan penilaian kurikulum dengan penyelidikan pendidikan iaitu; (i) Penilaian kurikulum lebih menekankan aspek proses dan tingkah laku berbanding dengan kandungan subjek. (ii) Penilaian bukan sahaja melihat kepada perbezaan objektif dalam kandungan tetapi ia melibatkan fenomena lain yang terlibat. (iii) Hasil penilaian lebih kompleks di mana ia membawa kepada perubahan dalam kehidupan dan peningkatan pengetahuan yang berlaku hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran. (iv) Fokus kajian penilaian lebih menekankan kepada pembangunan individu murid berbanding dengan jumlah program. (v) Penilaian berlaku dalam konteks persekitaran naturalistik iaitu keadaan sebenar di mana pendidikan itu berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian kurikulum sering disalah erti dengan penilaian program. Menurut Pratt (1994) kedua-dua kajian penilaian ini mempunyai konsep yang berbeza. Tambah beliau lagi penilaian kurikulum merujuk kepada penilaian dokumen kurikulum yang sedang dalam pelaksanaan manakala penilaian program berlaku selepas sesuatu kurikulum itu dilaksanakan.

Berdasarkan kepada hujah yang dikemukakan, dapat dibuat satu kesimplan bahawa kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik merupakan satu kajian penilaian kurikulum kerana ia menepati kriteria kajian penilaian kurikulum yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh penilaian kurikulum dan bercanggah dengan kriteria yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh penilaian program dan penyelidikan pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Model-Model Penilaian Kurikulum

Model merupakan gambaran konseptual yang dapat menjelaskan hubungan antara aktiviti dengan elemen-elemen lain yang berkaitan (Razali, 1991). Manakala model penilaian program atau kurikulum didefinisikan sebagai satu teori penilaian yang dikonsepikan oleh pakar teori dalam melaksanakan sesuatu penilaian program (Stufflebeam & Shinkfield, 2012). Menurut Mohammad Hazrul (2018) aktiviti penilaian dapat dilaksanakan dengan lebih lengkap dan bermakna dengan adanya satu model penilaian sebagai garis panduan.

Miller (2013) menegaskan bahawa objektif model penilaian adalah untuk meneroka masalah, menjana hipotesis tentang masalah dan memahami faktor yang menimbulkan masalah dengan lebih baik dan berkesan. Model penilaian bukan sahaja memberi keseluruhan rangka untuk menilai tetapi juga memberi bentuk kepada persoalan kajian, menyusun, mengatur dan memfokuskan penilaian (Ramlah, 2016). Tambah beliau lagi penggunaan model dalam membuat penilaian sesuatu program pendidikan adalah sangat penting supaya penilaian dapat dilakukan dengan sistematik berdasarkan parameter, konsep dan prosedur tertentu.

Menurut Fitzpatrick & rakan (2017) terdapat pelbagai pendekatan yang digunakan dalam penilaian kurikulum. Tambah beliau lagi terdapat empat jenis pendekatan yang sering digunakan pada masa kini iaitu pendekatan berorientasikan objektif, pendekatan berorientasikan pengguna, pendekatan berorientasikan keputusan dan pendekatan berorientasikan pelanggan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1 Pendekatan Berorientasikan Objektif

Pendekatan ini biasanya digunakan secara dalaman oleh pihak penggubal kurikulum untuk menentukan sama ada objektif program tercapai atau tidak (Stufflebeam, 2001). Menurut Fitzpatrick & rakan (2017) pendekatan ini menjadi pilihan dalam kajian penilaian program kerajaan bagi memastikan program yang diperkenalkan kepada orang awam dapat dikenal pasti tahap pencapaiannya.

Pendekatan ini memberi fokus kepada tujuan dan objektif khusus yang telah ditetapkan awal sebelum bermulanya pelaksanaan sesuatu kurikulum pendidikan dan seterusnya mengumpul maklumat bagi melihat serta setakat mana tujuan dan objektif tersebut telah dicapai. Antara model penilaian dalam kategori ini adalah Model Penilaian Tyler (1949) dan Model Penilaian Diskrepensi Provus (1969).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1.1 Model Penilaian Tyler

Tyler dilihat sebagai pelopor kepada pendekatan berorientasikan objektif. Model Tyler (1949) digunakan untuk melihat pencapaian matlamat dan objektif sesuatu kurikulum. Menurut beliau penilaian adalah perbandingan antara hasil yang dikehendaki dengan hasil sebenar. Model ini menekankan kepada pengukuran perubahan tingkah laku murid berdasarkan kepada objektif pengajaran yang ditetapkan pada awal sebelum pengajaran dilaksanakan.

Justeru itu, jika objektif pengajaran tercapai maka proses pengajaran berjaya dan jika sebaliknya itu menunjukkan terdapat kelemahan di peringkat pelaksanaan. Penilaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Tyler mempunyai tujuh langkah berikut; (i) Menentukan tujuan dan objektif. (ii) Mengklasifikasi tujuan dan objektif. (iii) Mentakrifkan objektif dari segi tingkah laku. (iv) Mengenal pasti situasi dimana pencapaian objektif dapat dilihat. (v) Membangun dan memilih kaedah pengukuran. (vi) Memungut data dan, (vii) Membandingkan prestasi dengan objektif yang telah ditetapkan.

Model ini merupakan penilaian sumatif yang menfokuskan kepada hasil pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, model ini mengenepikan dimensi proses dalam pelaksanaan penilaian. Kekurangan model ini dijadikan asas oleh Malcolm Provus untuk membentuk Model Penilaian Diskrepensi Provus (1969).

2.4.1.2 Model Penilaian Diskrepensi Provus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 1969 Malcolm Provus memperkenalkan model ini hasil daripada adaptasi dan penambah baik Model Tyler setelah beliau melihat terdapat kelompangan atau ketidaksamaan antara objektif dan pencapaian kurikulum (Provus, 1969). Menurut beliau model ini dibangunkan bagi menilai pencapaian objektif adalah selari dengan standard yang telah ditetapkan dalam sesuatu kurikulum. Namun, model ini memerlukan prosedur yang panjang bagi melengkapkan satu proses penilaian menyebabkan masa yang lama diperlukan bagi membuat keputusan. Justeru itu, kekurangan ini dilihat sebagai satu kelemahan dalam penggunaan model penilaian ini (Gredler, 1996).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2 Pendekatan Berorientasikan Pengguna

Penilaian pendekatan berorientasikan pengguna mula mendapat perhatian pada pertengahan tahun 1960-an apabila berlaku perkembangan pesat dalam penggunaan buku teks (Fitzpatrick & rakan, 2017). Pendekatan ini memberi fokus kepada keberkesanan produk dan perkhidmatan yang memberi kepuasan kepada pengguna. Menurut Fitzpatrick & rakan (2017) pelbagai produk dan perkhidmatan pendidikan di pasaran seperti pakej kurikulum, bengkel, media pengajaran, latihan dalam perkhidmatan, prosedur, teknologi baru, perisian dan peralatan.

Justeru itu, penilaian ini memberi peluang kepada guru, kaunselor dan pentadbir memilih produk dan program pendidikan yang bersesuaian dengan keperluan murid. Namun begitu, pendekatan ini kurang digunakan dalam bidang penilaian kurikulum, ini mungkin disebabkan oleh tujuan penilaian kurikulum adalah lebih kepada untuk menghuraikan kualiti yang diperolehi oleh mereka yang terlibat dalam sesebuah kurikulum (Stake & Schwandt, 2006). Model yang menggunakan pendekatan ini ialah Model *Goal Free Evaluation*.

2.4.2.1 Model *Goal Free Evaluation*

Model penilaian ini diperkenalkan oleh Michael Scriven pada tahun 1967 bagi membuat perbezaan antara penilaian formatif dan sumatif (Fitzpatrick & rakan, 2017). Mereka menekankan kepada konsep penilaian matlamat bebas di mana penilai perlu berada dalam kurikulum yang dinilai dan kajian dibuat bagi melihat semua output (Scriven, 1967).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model *Goal Free Evaluation* adalah satu model penilaian dimana penilai menjalankan penilaian tanpa mempunyai maklumat atau pengetahuan dan rujukan yang khusus terhadap matlamat dan tujuan penilaian. Dalam pelaksanaan penilaian sesuatu program yang menggunakan model penilaian ini penilai bebas untuk memerhati dan mengukur semua hasil, kesan, atau impak yang sebenarnya berlaku dalam program tersebut. Penilai biasanya akan mempunyai beberapa persoalan dalam melaksanakan penilaian tersebuat seperti apakah program itu sebenarnya? apakah yang hendak dilakukan oleh program itu sebenarnya? (Scriven, 1967).

Model penilaian ini menentukan merit dengan menghubungkan kesan program terhadap keperluan yang berkaitan dengan mereka yang terlibat dalam pelaksanaan sesuatu program (Scriven, 1967). Penilaian yang dilakuan adalah menyeluruh dan pengumpulan data dilakukan serentak dari awal pelaksanaan program. Penilai harus menyediakan segala catatan berkaitan apa yang berlaku dalam program tersebut dan melaporkan apa yang sebenarnya berlaku supaya maklumat yang diperoleh adalah tepat (Alkin, 2004).

Model penilaian ini mempunyai empat ciri utama iaitu pertama, sebelum penilaian berlaku penilai akan mengelak dari mendapat maklumat mengenai matlamat program, kedua penilai tidak menetapkan matlamat penilaian bagi mengelak daripada berlakunya kurang tumpuan dalam melaksanakan penilaian, ketiga penilai mempunyai hubungan yang minimum dengan mereka yang terlibat dengan sesuatu program yang dinilai dan keempat, tanpa maklumat mengenai matlamat penilaian, penilai lebih cenderung untuk melihat kesan program yang tidak dijangka (Alkin, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.3 Pendekatan Berorientasikan Keputusan/Akauntabiliti

Menurut Stufflebeam (2001) pendekatan ini digunakan untuk menilai program pendidikan bagi tujuan penambah baik. Tambah beliau lagi pendekatan ini berbentuk objektif dan berfokus kepada semua perkara penting yang memberi maklumat dalam membuat keputusan dan menyediakan rekod yang mempunyai akauntabiliti.

Pendekatan ini berbentuk komprehensif kerana ia memenuhi keperluan semua pihak seperti penggubal dasar, guru, pentadbir, murid dan ibu bapa. Tambahan lagi ia memenuhi keperluan konteks, input, proses dan produk (Stufflebeam & Shinkfield, 2012). Model penilaian yang dikategorikan dalam pendekatan ini adalah Model Penilaian CIPP (*context*, *Input*, *Process*, *Product*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.3.1 Model Penilaian CIPP

Model penilaian ini diperkenalkan oleh Stufflebeam & rakan pada tahun 1971. Konsep utama model ini adalah penilaian *context*, penilaian *input*, penilaian *process* dan penilaian *product* atau lebih dikenali dengan singkatan CIPP (Stufflebeam & Shinkfield, 2012).

Penilaian *context* berfokus kepada persekitaran, di mana perubahan akan berlaku dan masalah persekitaran yang dihadapi. Tujuan penilaian ini adalah untuk menentukan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian *input* pula tertumpu kepada strategi dan sumber yang akan digunakan dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif kurikulum pendidikan. Ini termasuklah mengenal pasti sistem, strategi dan prosedur yang membantu pelaksanaan kurikulum.

Penilaian *process* tertumpu kepada bagaimanakah strategi dan proses yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kurikulum telah dijalankan. Maklumat ini perlu diketahui dari masa ke masa untuk mengawal pelaksanaan kurikulum.

Manakala penilaian *product* pula tertumpu kepada hasil kurikulum di mana adakah matlamat yang telah ditetapkan telah tercapai atau tidak (Stufflebeam & Shinkfield, 2012).

Menurut Stufflebeam & rakan (2012) tujuan utama model penilaian ini adalah untuk mengaitkan matlamat, konteks, input dan proses dengan hasil kurikulum atau program pendidikan. Beliau menyatakan penilaian ini juga adalah bertujuan bagi menentukan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif kurikulum atau program pendidikan. Tambah beliau lagi penilaian ini dibuat untuk memperbaiki sesuatu kurikulum atau program dan bukan berfokus untuk membuktikan sesuatu kebenaran.

2.4.4 Pendekatan Berorientasikan Pelanggan

Pendekatan ini mula berkembang pada awal tahun 1970an. Perkembangan ini disebabkan timbulnya kesedaran tentang perlunya orientasi penilaian yang baru yang lebih menekankan pengalaman sebenar peserta yang terlibat dalam aktiviti harian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu kurikulum. Ini disebabkan penilaian yang dijalankan sebelumnya lebih menumpukan kepada aspek angka, carta dan jadual dan kekurangan aspek humanistik (Fitzpatrick & rakan, 2017).

Pendekatan ini melibatkan pelbagai pemegang taruh (*multiple stakeholder*) seperti penggubal kurikulum, pentadbir, guru, murid, ibu bapa, pembayar cukai, pegawai undang-undang dan pembiaya kewangan yang dianggap sebagai pelanggan kerana mereka menyokong, memperkembangkan, mentadbir atau terlibat secara langsung dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum yang dinilai (Stufflebeam, 2001). Beliau turut menyatakan bahawa semua pihak akan memberi pendapat tentang matlamat, pelaksanaan, kekangan dan masalah yang dihadapi khususnya pada kurikulum baru yang diperkenalkan. Keutamaan pendekatan ini adalah untuk memahami pengalaman peserta kurikulum tersebuat. Antara model yang menggunakan pendekatan ini adalah Model Penilaian Stake *Countenance*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.4.1 Model Stake *Countenance*

Model ini dikemukakan oleh Robert E. Stake pada tahun 1967. Beliau mentakrifkan penilaian sebagai perbandingan antara apa yang diperhatikan atau dilaksanakan dengan piawaian yang ditetapkan. Tambah beliau lagi, untuk membuat penilaian, penilai perlu memahami program yang dilaksanakan melalui temu bual dengan mereka yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum. Model ini mempunyai hubungan dengan pemegang taruh untuk mendapatkan maklumat dan perbezaan perspektif nilai dalam kalangan pemegang taruh membantu dalam membuat penilaian sesuatu kurikulum (Stake, 1967).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Justifikasi Pemilihan Model Penilaian Kurikulum

Berdasarkan kepada penerangan beberapa model penilaian yang telah dihuraikan, dapat dilihat bahawa setiap model dan pendekatan mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri. Setiap model penilaian memberi penekanan dan fokus tertentu dan tidak ada satu model penilaian yang sentiasa terbaik dalam penilaian program pendidikan atau kurikulum (Conrad & rakan, 1985; Nevo, 1989).

Menurut Fitzpatrick & rakan (2017) perbezaan pendekatan dalam penilaian program pendidikan atau kurikulum adalah satu perkara yang semula jadi dan tidak perlu disatukan atau disintesiskan. Perbezaan yang wujud adalah disebabkan oleh tujuan dan konteks penilaian yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu, penilai perlu bijak bertindak secara aktif dalam membuat pertimbangan dalam menentukan jenis model dan pendekatan yang akan digunakan dalam sesebuah penilaian bagi memberi hasil penilaian yang menepati tujuan, soalan dan objektif kajian. Oleh itu, bagi memilih model yang sesuai bagi kajian yang akan dijalankan, penyelidik telah membuat sedikit perbandingan berdasarkan tujuan dan ciri model.

Model penilaian pendekatan berorientasikan objektif mempunyai ciri bagi menentukan objektif yang diukur, menggunakan alat yang bersifat objektif untuk mengumpul maklumat dan data. Ia sesuai digunakan bagi penyelidikan yang bertujuan untuk menentukan sejauh mana pencapaian objektif dicapai. Selain itu, jika tujuan kajian yang dibuat ada mempunyai kaitan dengan perkembangan atau pembentukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurikulum atau pengawasan terhadap pencapaian pelajar, maka model ini juga dianggap sesuai.

Model penilaian pendekatan berorientasikan pengguna pula ia mempunyai ciri yang memberikan kelebihan kepada pihak pengguna di mana ia memberikan maklumat berkaitan hasil pengeluaran sesuatu produk. Ia sesuai digunakan bagi penyelidikan yang bertujuan untuk memberikan maklumat tentang keluaran produk atau perkhidmatan pendidikan bagi membantu pengguna membuat keputusan tentang pembelian atau penerimaan perkhidmatan pendidikan.

Manakala model penilaian pendekatan berorientasikan keputusan atau akauntabiliti sesuai digunakan jika tujuan penyelidikan adalah untuk memberikan maklumat yang berguna bagi membantu pentadbir, pengurus, pembuat dasar, jabatan atau pengamal membuat keputusan yang terbaik sama ada untuk meneruskan, memperbaiki atau menamatkan sesuatu program.

Akhir sekali model penilaian pendekatan berorientasikan pelanggan sesuai digunakan jika tujuan penyelidikan adalah untuk menggambarkan pelbagai keperluan, nilai dan perspektif pihak pelaksana kurikulum untuk membuat pertimbangan berkaitan sesuatu kurikulum sama ada bernilai atau sebaliknya.

Daripada penghuraian di atas, penyelidik berpendapat bahawa model penilaian pendekatan berorientasikan pelanggan adalah paling sesuai digunakan selari dengan tujuan kajian yang akan dijalankan iaitu untuk menilai pelaksanaan kurikulum mata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajaran SRT di peringkat sekolah menengah harian dan menggunakan maklumat tersebut untuk menambah baik pelaksanaan kurikulum mata pelajaran SRT.

Sehubungan itu, penyelidik telah memilih Model Stake *Countenance* sebagai model kajian ini. Ini kerana model tersebut mempunyai kelebihan berbanding dengan model serta memberi panduan yang mudah dan boleh difahami oleh penyelidik bagi melaksanakan penyelidikan penilaian secara sistematik. Ringkasan perbandingan justifiksai pemilihan model adalah seperti dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1 Ringkasan Perbandingan Justifikasi Pemilihan Model Penilaian

Pendekatan Berorientasikan Objektif	**Pendekatan Berorientasikan Pengguna**	**Pendekatan Berorientasikan Keputusan/Akauntabiliti**	**Pendekatan Berorientasikan Pelanggan**
Digunakan untuk menentukan sama ada objektif program tercapai atau sebaliknya (Stufflebeam, 2001).	Memberi fokus kepada keberkesanan produk dan perkhidmatan yang memberi kepuasan kepada pengguna (Fitzpatrick & rakan, 2017).	Digunakan untuk menilai program pendidikan bagi tujuan penambah baik (Stufflebeam, 2001).	Menekankan pengalaman sebenar peserta yang terlibat dalam aktiviti harian sesuatu kurikulum (Stake, 1967).
Model Penilaian Tyler (1949) Model Penilaian Diskrepensi Provus (1969)	Model *Goal Free Evaluation*	Model Penilaian CIPP (*Context, Input, Process, Product*)	Model Penilaian Stake *Countenance*

2.6 Model Stake *Countenance*

Model Stake *Countenance* merupakan satu model penilaian kurikulum yang dikemukakan oleh Stake pada tahun 1967. Stake (1967) menegaskan bahawa proses penilaian yang menggunakan model ini adalah satu penilaian formal yang sangat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bergantung kepada penggunaan senarai semak, lawatan penilai secara berstruktur, perbandingan terkawal dan pengujian pelajar secara standard.

Penilaian formal adalah satu penilaian yang dilakukan oleh pihak luar yang tidak terlibat dalam kurikulum tersebut. Model penilaian ini berdasarkan kepada dua matrik iaitu deskripsi (*description matrix*) dan pertimbangan (*judgment matrix*). Matrik pertimbangan hanya boleh dilaksanakan setelah lengkap proses matrik deskripsi dilaksanakan (Stake, 1967).

Matrik deskripsi terdiri daripada dua kategori iaitu tujuan (*intents*) dan pemerhatian (*observations*). Tujuan adalah sesuatu yang dirancang dan diharapkan oleh penggubal kurikulum dalam pengembangan sesuatu kurikulum manakala pemerhatian adalah berkaitan dengan apakah yang sebenarnya berlaku dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum yang dirancang itu (Stake, 1967).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Matrik pertimbangan terdiri daripada kategori piawaian (*standards*) dan pertimbangan (*judgments*). Kategori piawaian adalah kriteria yang harus dipenuhi oleh suatu kurikulum yang dibuat penilaian. Piawaian tersebut dapat dikembangkan daripada ciri ketepatan yang dimiliki sesuatu kurikulum *(fidelity)* dan dapat juga dikembangkan dari yang lain *(pre-ordinate, mutually adaptive, proses).*

Manakala pada kategori pertimbangan, penilai dikehendaki melakukan pertimbangan terhadap apa sahaja yang telah dilakukan dalam kategori pertama dan kedua matriks deskripsi serta kategori pertama dari matriks pertimbangan (Stake, 1967).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Stake terdapat tiga fasa dalam matrik deskripsi dan matrik pertimbangan bagi penilaian kurikulum iaitu fasa *antecedents*, fasa *transactions* dan fasa *outcomes*. Input atau *antecedents* merupakan keadaan yang wujud sebelum pengajaran dan pembelajaran yang mempunyai kaitan dengan hasil contohnya persekitaran institusi atau sekolah, tradisi dan nilai institusi atau sekolah, tingkah laku murid, pengalaman lalu murid, minat murid, dan kesediaan murid.


Proses merupakan satu interaksi dan aliran komunikasi antara pelajar dengan guru, pelajar dengan pelajar, pelajar dengan bahan kurikulum, pelajar dengan persekitaran pembelajaran, guru dengan ibu bapa dan pelajar dengan ibu bapa. Manakala hasil pula adalah pencapaian pelajar dari segi kongnitif, kemahiran dan tingkah laku (Wood, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu, bagi membantu membuat pertimbangan, penilai perlu memeriksa setiap piawaian yang digunakan sama ada telah dipatuhi, tercapai atau tidak. Hasil penilaian menggunakan model ini diperolehi dengan membandingkan *antecedents*, *transactions* dan *outcomes* dengan piawaian yang digunakan bagi membuat keputusan (Stake, 1967). Untuk lebih jelas model ini ditunjukan dalam Rajah 2.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1 Model Stake *Countenance*


Sumber: Stufflebeam, & Shinkfield, 2012. Systematic Evaluation: A Self-Instructional Guide to Theory and Practice (Vol. 8).

Menurut Stake (Stake, 1967) penilaian kurikulum menggunakan model ini, penilai bukan hanya melaksanakan matriks deskripsi dan matriks pertimbangan sahaja, akan tetapi juga mencari kontingensi (*contingency*) dan kesesuaian (*congruence*) daripada data yang telah diperolehi. Kontingensi terdiri daripada kontingensi logik dan kontigensi empirikal. Kontigensi logik adalah hasil pertimbangan penilai terhadap kesesuaian logik antara *antecedents*, *transactions* dan *outcomes*. Ini adalah pertimbangan pertama yang harus dilakukan oleh penilai. Seterusnya penilai akan membuat pertimbangan empirikal berdasarkan data yang diperoleh di tempat kajian,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antara *antecedents*, *transactions* dan *outcomes*. Selain mencari kontingensi, penilai kemudian memberikan pertimbangan mengenai perbezaan atau kesesuaian yang berlaku antara apa yang dirancang dengan apa yang sebenarnya berlaku dalam kajian. Untuk lebih jelas cara kerja model Stake dapat dilihat dalam Rajah 2.2.



Rajah 2.2 Cara Kerja Model Penilaian Stake *Countenance*

Sumber: Stufflebeam, & Shinkfield, 2012. Systematic Evaluation: A Self-Instructional Guide to Theory and Practice (Vol.8).

Dalam konteks kajian yang akan dijalankan ini, Model Stake *Countenance* (Stake, 1967) diadaptasi untuk dijadikan kerangka konseptual model kajian bersesuaian dengan objektif dan tujuan kajian iaitu untuk menilai pelaksanaan PBD dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurikulum mata pelajaran SRT di peringkat sekolah menengah kebangsaan harian seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.6.

Oleh kerana kurikulum mata pelajaran Sains Rumah Tangga merupakan satu kurikulum baharu, penggunaan Model Stake *Countenance* (Stake, 1967) adalah sangat bersesuaian. Justeru itu, penyelidik memilih model ini kerana model ini bukan sahaja akan membantu penyelidik menjalankan kajian dengan yakin selari dengan tujuan kajian tetapi juga membantu penyelidik untuk memberi cadangan bagi tujuan penambah baik pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT di peringkat sekolah menengah harian.

2.6.1 Kajian Lepas Menggunakan Model Stake *Countenance*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Stake *Countenance* banyak digunakan dalam bidang pendidikan bagi menilai pelaksanaan kurikulum pendidikan seperti kajian dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak oleh Fatima dan rakan (2016) yang menilai pencapaian pembacaan dan penulisan Bahasa Inggeris dan Urdu dalam kalangan kanak-kanak istimewa masalah pendengaran di Punjab, Pakistan.

Manakala dalam bidang pendidikan teknologi maklumat dan komputer Deepwell (2002) melakukan penilaian terhadap pelaksanaan persekitaran pembelajaran virtual (VLE) di Coventry Universiti, United Kingdom. Beliau menfokuskan kepada motivasi, pencapaian dan kepuasan dalam kalangan kakitangan dan pelajar universiti dalam pelaksanaan pembelajaran maya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesemua program pendidikan dan kurikulum yang menggunakan Model Stake *Countenance* sebagai model penilaian menyediakan satu proses yang sistematik, berstruktur dan berkesan dalam membincangkan fasa utama dalam model tersebut iaitu input, proses dan hasil (Wood, 2001).

Wood (2001) menggunakan Model Stake *Countenance* (1967) dalam menerangkan kesesuaian antara apa yang dirancang dan apa yang sebenarnya berlaku sebelum, semasa dan selepas pengajaran pendidikan persekitaran ke atas sekumpulan guru menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif dalam mengumpul data.

Dalam bidang teknologi pendidikan, penilaian kurikulum menggunakan Model Stake *Countenance* dilakukan oleh Treagust & Rennie (1993). Mereka melakukan penilaian di enam buah sekolah menengah teknologi di Western Australia bagi melihat penggunaan teknologi dalam pelaksanaan kurikulum pengajaran dengan menfokuskan kepada tiga aspek utama iaitu pertama tujuan kurikulum dirancang berdasarkan polisi, silibus dan bahan pengajaran, kedua pelaksanan kurikulum di sekolah menggunakan teknologi dalam pengajaran dan ketiga pencapaian kurikulum berdasarkan kepada darjah perbezaan antara tujuan dan pelaksanaan sebenar kurikulum tersebut. Penekanan kajian mereka selari dengan penilaian Model Stake *Countenance* yang menekankan aspek *antecedents*, *transactions* dan *outcomes* dalam setiap penilaian kurikulum (Stake, 1967).

Di Jamaica, Joan (2013) melakukan penilaian terhadap pelaksanan kurikulum mata pelajaran sains sekolah rendah yang disemak semula dan enakmen pembangunan profesional dalam kalangan guru dan pelajar. Kajian beliau berbentuk *sequential*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mixed methods QUAL-*qual* yang mengkaji pencapaian reformasi kurikulum mata pelajaran sains yang dirancang agar murid sekolah rendah mempunyai asas kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis serta penyelesaian masalah yang diperlukan dalam menghadapi cabaran abad ke 21. Kajian penilaian beliau menggunakan Model Stake *Countenance* secara penuh dengan menfokuskan kepada proses matrik deskripsi dan matrik pertimbangan.

Di negara kita Malaysia kajian penilaian kurikulum menggunakan Model Stake *Countenance* dilakukan oleh Thanabalan & rakan (2015) yang mengkaji pelaksanaan penggunaan modul literasi digital dalam kalangan pelajar orang asli di dua buah sekolah di semenajung Malaysia yang menfokuskan kepada matrik deskripsi dan matrik pertimbangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Gondikit (2018) melaksanakan kajian penilaian terhadap program selepas Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dengan melihat tujuan awal program pada *transaction* dan *outcomes* dengan apa yang sebenarnya berlaku dalam pelaksanaan program tersebut. Ini selari dengan penilaian menggunakan Model Stake *Countenance* di mana penyelidik boleh memilih untuk menggunakan sepenuhnya cara kerja Model Stake *Countenance* atau memilih sama ada matrik deskripsi atau matrik pertimbangan atau fasa input, proses atau hasil (Stake, 1967).

Berdasarkan penerangan di atas jelas menunjukkan bahawa Model Stake *Countenance* banyak digunakan sebagai model dalam membuat kajian penilaian pelaksanaan kurikulum sejak mula diperkenalkan oleh Stake pada tahun 1967 sehingga masa kini. Justeru itu, penyelidik berpendapat bahawa pemilihan Model Stake *Countenance*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai model bagi kajian ini adalah masih relevan dan sangat bertepat dengan tujuan dan objektif kajian yang dijalankan.

2.7 Perubahan dan Pelaksanaan Kurikulum

Perkembangan kurikulum tidak berlaku dengan sendiri tanpa sebab yang mempengaruhinya. Ia berlaku sejajar dengan kemajuan masyarakat dan negara seperti perkembangan teknologi dan ia dianggap sebagai satu proses yang dinamik dan seimbang. Untuk menjadikan pendidikan negara bertaraf dunia, perubahan yang hendak dibuat mestilah sesuai dengan tuntutan semasa.

Justeru, dalam kontek Malaysia sistem pendidikan mesti dibangunkan dan dibuat pembaharuan supaya ia dapat memenuhi tuntutan wawasan 2020 kerana wawasan ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa pembangunan sumber manusia dari segi kuantitif dan kualitif. Perubahan dan pembaharuan adalah berdasarkan kepada hakikat bahawa tanpa sistem pendidikan yang bertaraf dunia, impian untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara maju tidak mungkin dapat dicapai.

Oleh itu, KPM membuat pembaharuan yang disifatkan sebagai sesuatu yang mesti menjangkau tempoh masa yang agak lama. Ia mestilah bersifat sistematik dan diolah berdasakan komponen pendidikan iaitu *educational content*, *educational tools* dan infrastruktur pendidikan supaya perubahan menjadi lebih bersepadu, holistik serta komprehensif. Transformasi pendidikan sekolah menengah dilaksanakan dengan memperkenalkan KSSM pada tahun 2017 yang berasaskan kepada enam tunjang utama iaitu komunikasi, perkembangan fizikal dan estetika, kemanusiaan, ketrampilan diri, sains dan teknologi serta kerohanian sikap dan nilai (PPPM, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum adalah rancangan pendidikan yang sentiasa mengalami perubahan. Kurikulam pendidikan yang mantap amat diperlukan bagi negara yang sedang membangun. Menurut Sharifah & T Subahan (2006) inovasi atau perubahan kurikulum adalah satu pengubahsuaian kepada kurikulum sedia ada ke arah penambah baik, peningkatan, kemajuan, peninggian mutu, kesesuaian dengan keperluan semasa, memenuhi permintaan dan keperluan serta seiring dengan trend semasa.

Perubahan kurikulum atau lebih dikenali sebagai satu tranformasi kurikulum adalah suatu perkara yang memang dijangka akan berlaku sejajar dengan perubahan arus permodenan negara yang menuju ke arah sebuah negara maju serta mempunyai rakyat yang berpendapatan tinggi contohnya pelaksanaan KSSM pada 2017 menunjukkan satu perubahan sedang berlaku untuk melonjakan lagi sistem pendidikan negara ke arah kecemerlangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kejayaan satu perubahan atau inovasi bergantung kepada pelaksanaannya. Menurut Fullan (1992) salah satu sebab kegagalan inovasi adalah pengabaian pelaksanaan. Justeru, perubahan atau inovasi sesuatu program pendidikan akan berjaya memberi hasil seperti yang diharapkan sekiranya pelaksanaan mengikut seperti yang dirancang. Hujah ini disokong oleh Ornstein & Hunkins (2016) yang menyatakan bahawa pelaksanaan menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu perubahan atau inovasi dalam sesuatu kurikulum.

Pelaksanaan sesuatu kurikulum atau program pendidikan boleh didefinisikan sebagai pengamalan sebenar sesuatu perubahan atau inovasi secara praktikal yang merupakan sesuatu fenomena tersendiri yang melibatkan enam komponen iaitu konteks,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peruntukan masa, peruntukan ruang, prosedur tugasan, pengurusan kelas dan kebebasan murid (Fullan & Pomfret, 1977).

Menurut Doll (1995) pelaksanaan idea kurikulum adalah pengoperasian sesuatu idea kurikulum secara cepat, mahir dan cekap. Manakala Fullan (2015) menyatakan bahawa pelaksanaan perubahan pendidikan melibatkan perubahan dalam kebiasaan. Berdasarkan perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan perubahan pendidikan adalah satu proses tindakan yang berdasarkan kepada teori dan dasar sesuatu perubahan dalam konteksnya tersendiri.

2.7.1 Faktor-Faktor Mempengaruhi Perubahan dalam Pelaksanaan Pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manusia merupakan elemen yang penting dalam pelaksanaan sesuatu perubahan atau inovasi. Justeru itu, dalam konteks sekolah guru dilihat sebagai pelaksana sesuatu program pendidikan. Hujah ini disokong oleh Wyatt-Smith & rakan (2010) yang menyatakan bahawa guru bertanggungjawab menghidupkan sesuatu kurikulum. Guru adalah pelaksana kurikulum, mereka merupakan individu yang diamanahkan untuk menyampaikan kurikulum dalam bilik darjah setiap hari dan mereka serta murid dilihat sebagai pembentuk sesuatu kurikulum itu (Olson, 2000).

Menurut Fullan (2000) menegaskan bahawa kepentingan seorang guru yang kompeten adalah selari dengan kemajuan teknologi. Tambah beliau, ini kerana teknologi hanya boleh menghasilkan maklumat tetapi tidak mempunyai suatu pedagogi tertentu yang sesuai mengenai bagaimana untuk membentuk kefahaman seseorang murid yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seterusnya membawa kepada kefahaman yang mendalam tentang sesuatu perkara. Oleh itu, guru harus haruslah sentiasa mempersiapkan diri mereka dengan pengetahuan pedagogi semasa kerana pembelajaran murid bergantung kepada mereka (Fullan, 2007).

Manakala, polisi, dasar, agensi pelaksana dan kumpulan sasaran juga dikenal pasti sebagai faktor penting yang mempengaruhi pelaksanaan sesuatu perubahan. Sumber kewangan yang mencukupi, sokongan pelaksana dan suasana tempat kerja juga mempengaruhi kejayaan dan kegagalan pelaksanaan sesuatu perubahan (Gunasegaran, 2014).

Menurut Fullan & Pomfret (1977) untuk melihat keberkesanan pelaksanaan perubahan sosial memerlukan masa, interaksi dan perhubungan peribadi, kursus dalam perkhidmatan serta sebarang bentuk sokongan. Kegagalan penggubal dasar menyedari perkara sebenar yang dihadapi oleh pelaksana semasa melaksanakan sesuatu perubahan merupakan salah satu punca yang menyebabkan kegagalan pelaksanaan perubahan sesuatu program pendidikan (Fullan, 2015).

Kesimpulannya, kejayaan atau kegagalan sesuatu perubahan atau inovasi bergantung kepada kerjasama semua pihak. Jelas di sini menunjukkan bahawa peringkat pelaksaan sangat penting dalam menentukan kejayaan sesuatu perubahan program pendidikan. Oleh tu, kajian penilaian pelaksanaan PBD dalam kurikulum MPEI SRT boleh memberi maklumat mengenai kedudukan pelaksanaannya pada masa sekarang, kekangan yang dihadapi pada peringkat pelaksanaan serta apa tindakan yang boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibuat untuk mencapai objektif pelaksanaan seperti yang diharapkan dan mengikut perancangan.

2.7.2 Pendekatan Pelaksanaan Kurikulum

Pada tahun 1977 Fullan dan Promfret mengemukakan dua jenis pendekatan pelaksanaan iaitu pertama *fidelity* dan kedua *process*. Pendekatan pertama, *fidelity* membawa maksud ketepatan sesuatu idea yang diamalkan (Fullan & Pomfret, 1977).

Menurut pendekatan ini, kajian dilakukan untuk melihat sejauh mana pelaksanaan sesuatu perubahan kurikulum mengikut seperti yang dirancangkan. Pendekatan ini juga dikenali sebagai perspektif pengurusan yang mengandaikan pelaksana perubahan sebagai penasihat dan bukan sebagai pembuat keputusan dalam pelaksanaan sesuatu perubahan (Gunasegaran, 2014).

Menurut Fullan & Pomfret (1977) sejauh mana sesuatu perubahan dilaksanankan mengikut yang dirancang bergantung kepada tiga perkara berikut; (i) Kefahaman dan kompetensi pelaksana untuk melaksanakan perubahan dan sama ada peralatan yang dibekalkan mencukupi. (ii) Perubahan yang dilaksanakan sesuai dengan struktur organisasi dan, (iii) Motivasi pelaksanan dalam melaksanakan tugas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuan pendekatan ini adalah lebih kepada menilai keberkesanan sesuatu perubahan kurikulum. Justeru itu, instrumen yang disediakan terlebih dahulu digunakan dalam pendekatan ini (Fullan & Pomfret, 1977).

Pendekatan kedua, *process* yang merujuk kepada kerumitan atau proses perubahan yang berlaku dalam sesuatu perubahan kurikulum yang dikaji (Fullan & Pomfret, 1977). Oleh itu, pelbagai aspek yang menjadi tumpuan kajian dalam pendekatan ini seperti strategi pengajaran, persepsi guru terhadap sesuatu kurikulum, tingkah laku guru dan tingkah laku murid hasil daripada pelaksanaan sesuatu perubahan kurikulum (Fullan & Pomfret, 1977).

Menurut Pratt (1994) sekiranya ketepatan perancangan asal sesuatu program pendidikan tidak dilakukan, guru tidak akan melaksanakan perubahan seperti yang dicadangkan dan ini akhirnya akan memyebabkan perubahan itu akan hilang.

Berdasarkan perbincangan di atas, perancangan sesuatu perubahan atau inovasi sangat bergantung kepada pelaksanaannya. Sejauh mana guru memahami dan kompeten untuk melaksanakan perubahan serta bermotivasi dalam melaksanakan tugas mempengaruhi pelaksanaan sesuatu perubahan yang dirancang. Selain itu, kemudahan dan sumber juga merupakan faktor penyumbang kepada kejayaan atau kegagalan sesuatu perubahan. Justeru itu, faktor guru, murid serta kemudahan dan sumber kaji dalam kajian penilaian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.3 Kepentingan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum

Perkembangan dalam pelbagai bidang ilmu menyebabkan meningkatnya keperluan untuk menilai semula kurikulum sedia ada (Fitzpatrick & rakan, 2011; Ornstein & Hunkins, 2016). Pelaksanaan kurikulum sangat kritikal bagi memastikan kurikulum yang disampaikan menepati objektif dan tujuan pendidikan yang telah ditetapkan.

Menurut Sarason (1990) terdapat dua perkara asas untuk memahami sesuatu pelaksanaan. Pertama, ialah memahami perubahan organisasi. Kedua, memahami hubungan antara kurikulum dengan konteks sosial-institusi di mana kurikulum tersebut dilaksanakan. Mereka yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum perlu memahami ciri kurikulum atau perubahan yang dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu, perubahan kurikulum yang sedia dilaksanakan memerlukan strategi perancangan pelaksanaan yang teliti bagi memastikan keberkesanaan pelaksanaannya. Hujah ini disokong oleh Van Dusen & Worthen (1994) yang menegaskan bahawa proses pelaksanaan perubahan yang sukar dan tidak menentu akan menyebabkan terhasilnya keputusan yang mengecewakan.

Menurut Rossi (2018) terdapat program pendidikan yang dilaksanakan bukan seperti yang dirancang dan dihasratkan. Beliau menegaskan ada masa ketiadaan kakitangan atau kemudahan rosak dan adakala kakitangan yang melaksanakan program tidak mempunyai kepakaran yang cukup dan kurang bermotivasi.

Oleh itu, fungsi penilaian program atau kurikulum pendidikan adalah penting bagi mentafsir pelaksanaan sebenar program pendidikan yang dijalankan. Dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dirumuskan bahawa pelaksanaan sesuatu kurikulum perlu dikaji bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut spesifikasi reka bentuk program.

2.8 Pendidikan Vokasional

Pendidikan vokasional adalah satu pendidikan yang berbentuk praktikal dan teori yang direka khas untuk memberi persediaan kepada murid sebelum memasuki sesuatu bidang pekerjaan. Menurut Mimi Mohaffyza & rakan (2014) pendidikan vokasional adalah pendidikan yang berorientasikan kepada aktiviti untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan sesuatu tugas tertentu dalam sesuatu bidang pekerjaan. Perkataan vokasional itu sendiri yang berasal dari perkataan Inggeris *vocation* yang bermaksud pekerjaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan vokasional membantu pelajar membuat persediaan kerjaya yang memerlukan kepakaran dalam bidang kemahiran tertentu. Kerjaya ini merangkumi kemahiran teknikal atau vokasional seperti pertukangan kayu sehinggalah kepada jawatan dalam bidang kejuruteraan dan pekerjaan lain. Berbeza dengan aliran teknikal yang membantu pelajar membuat persediaan untuk pendidikan lanjutan, aliran vokasional lebih berorientasikan kerjaya (KPM, 2012).

Pendidikan vokasional ditafsir sebagai pendidikan pembangunan kemahiran yang berkaitan dengan pelbagai bidang pekerjaan, pengeluaran dan perkhidmatan. Pendidikan vokasional boleh berlaku di peringkat menengah, pasca menengah dan tertiari (UNESCO, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Laugho & Lillis (1988) pendidikan vokasional bermaksud satu usaha sesebuah organisasi bagi melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan, kemahiran asas dan juga mempersiapkan mereka untuk menjadi pekerja mahir pada masa hadapan.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, pendidikan vokasional boleh dirumuskan kepada sebarang bentuk pendidikan di mana peringkat pendidikan yang bertujuan untuk menyediakan murid memasuki pasaran kerjaya dalam bidang tertentu.

Justeru itu, KPM memperkenalkan MPEI dalam KSSM peringkat menengah atas seperti mata pelajaran SRT bagi menyediakan pelajar memasuki pasaran pekerjaan sebagai pekerja mahir dan separuh mahir.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8.1 Perkembangan Pendidikan Vokasional

Pendidikan teknik dan vokasional telah diperkenalkan di Malaysia sebelum negara mencapai kemerdekaan. Mata pelajaran pendidikan teknik dan vokasional yang berbentuk pertukangan telah diperkenalkan di beberapa buah sekolah di Negeri Melayu Bersekutu yang dikenali sebagai Sekolah Pertukangan pada tahun 1918 (Sarimah, 2011). Manakala pendidikan vokasional berbentuk pertanian pula mula diperkenalkan pada tahun 1926 di Federated Malay State Trade School dan di Junior Technical Trade School serta di Sekolah lanjutan (Mohd Nordin, 2011).

Pada tahun 1951 British telah memperkenalkan Laporan Barnes yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Latihan Sosial, Universiti Oxford iaitu L.J. Barnes. Beliau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah menyatakan hasrat untuk mendirikan sekolah vokasional moden yang mengutamakan mata pelajaran Sains, Seni Perusahaan dan Sains Rumah Tangga. Namun, rancangan beliau gagal kerana laporan beliau gagal untuk mencadangkan penambah baik kepada sekolah-sekolah Melayu tanpa merombak semula sistem pendidikan secara keseluruhan (Yahya, 2005).

Selepas negara mencapai kemerdekaan, pendidikan vokasional terus menjadi tumpuan terutamanya dalam Laporan Rahman Talib. Laporan ini mencadangkan murid yang gagal melanjutkan pelajaran ke peringkat akademik ditawarkan tempat di Sekolah Lanjutan yang menawarkan pelbagai kursus vokasional selama 3 tahun (Laporan Jawatan kuasa Pendidikan, 1960). Laporan Rahman Talib dibentangkan di Parlimen dan diluluskan, kemudian dikuatkuasakan dalam Akta Pelajaran 1961 (Akta Pendidikan 1961, 1961).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 1964 Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional ditubuhkan di bawah KPM bagi melaksanakan menentukan pelaksanaan dan kemajuan pendidikan teknikal dan vokasional secara berterusan di negara ini seperti memberi khidmat menyelidik, merancang, melaksana, menyelaras, menyelia dan memantau perkembangan pendidikan teknikal dan vokasional di peringkat KPM (Faizah, 2019).

Perkembangan pendidikan vokasional bukan saja berlaku di peringkat KPM sahaja, namun turut berlaku di peringkat Kementerian Sumber Manusia. Pada tahun 1964 Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur (ILPKL) ditubuhkan dibawah Jabatan Tenaga Manusia bagi mengendalikan latihan vokasional secara formal dalam beberapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bidang ketukangan tertentu seperti elektrikal, jurugegas, percetakan dan pertukangan kayu (ILPKL, 2019).

Seterusnya dibawah Rancangan Malaysia Pertama 1965-1970, empat buah Institut Latihan Kemahiran Mara ditubuhkan di Melaka, Alor Setar, Kuala Terengganu dan Petaling Jaya bagi menawarkan kursus vokasional seperti perdagangan dan kemahiran kraftangan kepada kaum melayu (Gunasegaran, 2014).

Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 telah mencadangkan sukatan pelajaran mata pelajaran elektif di peringkat sekolah menengah rendah digubal semula bagi menyediakan pendidikan teknik dan vokasional kepada murid bagi memenuhi keperluan tenaga mahir yang semakin meningkat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mata pelajaran elektif seperti Perdagangan, Ekonomi, Perakaunan, Komputer, Reka cipta, Kejuruteraan, Sains Pertanian dan Sains Rumah Tangga merupakan mata pelajaran elektif yang menyediakan kemahiran vokasional kepada murid bagi memasuki pasaran pekerjaan sebagai pekerja mahir dan separuh mahir (KPM, 1979).

Laporan Jawatan kuasa Kabinet 1979 juga mencadangkan sekolah menengah vokasional dibina dengan lebih banyak lagi bagi menampung lebih ramai bilangan murid. Justeru itu, tujuh buah sekolah vokasional dibina pada tahun 1983 di seluruh negara dengan pinjaman daripada Bank Pembangunan Asia sebanyak RM108 juta dibawah Rancangan Malaysia keempat (Rancangan Malaysia Ke-4 1981-1985, 1980).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan teknik dan vokasional terus menjadi fokus utama dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang diperkenalkan pada tahun 1987. Aspek keusahawanan mula diterapkan dalam mata pelajaran pra vokasional seperti mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di peringkat sekolah menengah rendah (KPM, 1987).

Pada 23 Jun 1999 satu inovasi telah dilakukan dalam pendidikan vokasional iaitu mata pelajaran vokasional Teknologi Asas Industri telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri untuk dilaksanakan pada tahun 2002, namun kemudiannya mata pelajaran ini didaftarkan sebagai mata pelajaran vokasional (Mohd Nordin, 2011). Mata pelajaran vokasional diperkenalkan di sekolah menengah kebangsaan harian di peringkat menengah atas tingkatan empat dan lima dalam empat bidang utama asas pendidikan vokasional iaitu Pembinaan, Pembuatan dan Kejuruteraan, Pertanian, Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Ekonomi Rumah Tangga (PPK, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 2001, pendidikan vokasional mengukir satu lagi perkembangan baharu dalam sistem pendidikan Malaysia dengan tertubuhnya 10 buah Kolej Komuniti di seluruh negara (Mohd Ariffin & rakan. 2012). Kolej Komuniti merupakan institut pendidikan yang menyediakan latihan vokasional dan kemahiran di peringkat sijil kepada murid lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (Razzian, 2017).

Pada 6 Januari 2012, Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) telah dilancarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Antara inisiatif utama pelaksanaan Program Transformasi Pendidikan Vokasional adalah pengenalan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan menaik taraf Sekolah Menengah Vokasional (SMV) kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kolej Vokasional (KV). Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah melaksanakan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) bagi menaik taraf Mata pelajaran Vokasional (MPV) mulai tahun 2016 (KPM, 2011).

Melalui pelan transformasi tersebut, pendidikan vokasional di negara ini tidak lagi dianggap sebagai kelas kedua, sebaliknya pendidikan vokasional menuju ke arah konsep pendidikan untuk semua dengan berasaskan kompetensi dengan jalinan industri yang mantap seperti yang dilaksanakan di negara-negara maju. Pelaksanaan pelan transformasi ini telah melonjakkan kedudukan pendidikan vokasional dalam sistem pendidikan negara (Asnul & rakan, 2012).

Pada tahun 2017 MPEI dilaksanakan dalam KSSM bagi memperkasakan lagi pendidikan vokasional di sekolah menengah kebangsaan harian dan seterusnya menyediakan kemahiran asas kepada murid bagi menceburi kerjaya sebagai pekerja separuh mahir atau mahir (Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 9 Tahun 2016; Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2017, 2016).

Maka, perkembangan pendidikan vokasional di Malaysia dapat dilihat dengan jelas seiring dengan perubahan dasar kerajaan, perkembangan dan kemajuan semasa. Transformasi Pendidikan Vokasional merupakan satu langkah kerajaan dalam menyediakan modal insan yang berupaya untuk berinovasi dan meneroka pelbagai bidang baharu bagi mencapai hasrat kerajaan untuk menjadi negara maju.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu, penilaian kurikulum dan penambah baik setiap kurikulum pendidikan vokasional merupakan satu keperluan yang tidak harus diabaikan supaya hasrat kerajaaan untuk melahirkan tenaga kerja yang kompetitif dan berdaya saing tercapai.

2.8.2 Masalah dalam Pendidikan Vokasional

Pendidikan vokasional memainkan peranan yang amat mencabar pada abad ke 21 berikutan dengan perkembangan teknologi, gelombang transformasi semasa dan cabaran revolusi industri 4.0. Pendidikan vokasional mempunyai tanggungjawab yang besar bagi merealisasikan pelbagai dasar transformasi pendidikan yang telah ditetapkan oleh KPM ke arah menghasilkan modal insan berkualiti yang diperlukan untuk pembangunan ekonomi negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), kerajaan terus menunjukkan komitmen dengan meneruskan agenda menghasilkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan memiliki sikap positif untuk terus maju dalam ekonomi global melalui transformasi pendidikan teknik, vokasional dan latihan kemahiran untuk memenuhi permintaan industri (RMK ke-11, 2017). Namun begitu, menurut KPM peratusan murid yang menceburi bidang vokasional di peringkat sekolah menengah atas masih lagi rendah iaitu 7 peratus (Utusan, 2017).

Menurut Norpadzlihatun & rakan (2017) jumlah kemasukan yang kecil adalah berpunca daripada bilangan institusi yang menawarkan program pendidikan vokasional yang masih tidak mencukupi berbanding dengan permohonan kemasukan. Melalui agenda transformasi pendidikan vokasional dalam PPPM 2013-2025, bilangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah menengah harian yang menawarkan Pendidikan Asas Vokasional pada tahun 2012 adalah sebanyak 15 buah sekolah telah meningkat kepada 85 buah sekolah pada tahun 2017 (PPPM 2013-2025, 2018).

Selain itu, guru juga merupakan tunjang utama dalam merealisasikan falsafah pendidikan negara. Guru memainkan peranan utama untuk menyalurkan ilmu dan kemahiran dalam pendidikan formal (Saedah Siraj & Mohammed Sani, 2012).

Justeru itu, dalam melaksanakan agenda transformasi pendidikan vokasional guru merupakan pemangkin utama. Menurut Faridah & rakan (2014) cabaran utama dalam melaksanakan program pendidikan vokasional di sekolah menengah harian adalah untuk mendapatkan guru yang mencukupi, berkelayakan dan berpengalaman bagi melaksanakan program pendidikan vokasional secara berkesan. Tambah beliau lagi masih terdapat guru baharu yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada lima tahun mengajar program pendidikan vokasional di sekolah menengah kebangsaan harian yang menawarkan Program Pendidikan Asas Vokasional. Latihan guru yang mencukupi dan memenuhi keperluan pelaksanaan program pendidikan vokasional adalah sangat perlu.

Menurut Minghat & rakan (2013a) pengajar dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional perlu memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam bidang yang diajar. Ini perlu agar seseorang pengajar itu lebih yakin dalam pengajaran di dalam bengkel pendidikan teknik dan vokasional dan memberi kesan kepada pelajar yang diajar dan berkualiti. Persoalannya adakah latihan dalam melaksanakan petaksiran bagi melahirkan murid yang berkualiti yang disediakan oleh pihak KPM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mencukupi dan memenuhi keperluan pelaksanaan pendidikan vokasional di sekolah menengah harian? Ini adalah kerana program pendidikan vokasional yang dilaksanakan di sekolah menengah harian menggunakan sumber tenaga yang sedia ada, termasuklah kemudahan infrastrukturnya.

Masalah yang menjejaskan kualiti pendidikan vokasional di sekolah adalah didapati guru kurang mahir dalam pedagogi bagi tujuan pemindahan pengetahuan yang berkesan (Faridah & rakan 2014). Guru merupakan individu yang bertanggungjawab untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Hasil daripada proses pembelajaran yang berlaku adalah merupakan perubahan tingkah laku murid.

Justeru itu, guru perlu memahami idea perubahan dengan sempurna dan menyusun strategi pengajaran dengan rapi untuk memastikan perubahan yang diharapkan berlaku dengan jayanya (Yahya & Lailinanita, 2012). Pengintegrasian strategi pengajaran seperti penerapan kemahiran sosial di samping kurikulum yang sedia ada kepada pelajar adalah sangat perlu supaya mereka jelas dalam tugasan teknikal di samping kerja amali bagi membolehkan mereka boleh membuat jangkaan terhadap kerjaya masa depan (Ramlee & Rahmat, 2013).

Manakala menurut Krathwohl (2002) melalui strategi pengajaran, pelajar digalakkan untuk memahami, menemui, menganalisis, mensintesis isu-isu atau cabaran. Kemahiran mengajar guru pula adalah perlu mengikut kesesuaian pelbagai aspek seperti mata pelajaran dan objektif pengajaran yang ingin dicapai. Bagi mata pelajaran pendidikan vokasional yang melibatkan banyak kemahiran perlu melibatkan gabungan teori dan praktikal serta mengintegrasikan teknologi dalam proses pengajaran supaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

selaras dengan trend semasa untuk memberi pengalaman yang baru kepada pelajar dan memotivasikan mereka untuk terus belajar tanpa rasa bosan dan jemu (Mohd Azilan & rakan, 2018). Pandangan ini selari dengan pendapat Norhafiz (2013) yang menyatakan bahawa di dalam memastikan negara mempunyai tenaga mahir yang mencukupi, aspek latihan dan pengaplikasian teori perlu disatukan di dalam memastikan para pelajar menguasai dan mampu mempraktikkan ilmu yang mereka perolehi.

Pendidikan vokasional adalah pendidikan yang menggabungkan pembelajaran teori dan amali. Proses pengajaran dan pembelajaran amali berlaku di bengkel atau di bilik khas (Nur Hazwani & Jamalul Lail, 2018). Justeru itu, bagi membolehkan pembelajaran berlaku dalam suasana yang kondusif dan selamat pentadbir sekolah dan guru pendidikan vokasional perlu memastikan peralatan mencukupi dan berfungsi dengan baik. Namun, menurut (Faridah & rakan, 2014) penyediaan sumber, bahan dan peralatan pendidikan vokasional adalah satu cabaran kerana ia melibatkan kos yang tinggi. Latihan vokasional bagi setiap murid di peringkat sekolah menengah adalah mahal berbanding dengan kos setiap murid yang mengikuti aliran akademik biasa (Gunasegaran, 2014).

Dalam menangani cabaran ini Bahagian Pendidikan Teknik dan Vakosional dipertanggungjawabkan bagi mengkaji dan merombak kurikulum pendidikan vokasional supaya selari dan relevan dengan keperluan industri serta meningkatkan kolobarasi dengan pihak industri (Gunasegaran, 2014). Tambah beliau lagi perubahan kurikulum baharu membawa kepada peningkatan latihan dalam institusi pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perubahan ketara dalam kurikulum baharu pendidikan vokasional sekolah menengah adalah pelaksanaan dua jenis pentaksiran iaitu pentaksiran iaitu Pentaksiran Bilik Darjah dan Pentaksiran Pusat. Perubahan pentaksiran dalam pendidikan vokasional ini memperlihatkan satu lagi inovasi dalam pendidikan.

Justeru itu, pentaksiran untuk pengajaran dan pembelajaran mestilah secara berterusan bagi memastikan setiap pelajar memahami dan menterjemahkan kehendak tugasan. Melalui pentaksiran ini bukan sahaja dapat menilai kemajuan pelajar, malahan proses pembinaan modal insan yang holistik (Ramlah, 2016). Namun, menurut Faridah & rakan (2014) pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah merupakan satu cabaran kepada guru pendidikan vokasional di sekolah menengah harian kerana kurang kemahiran dan pengalaman dalam melaksanakan sistem pentaksiran yang baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu, timbul persoalan di sini ialah adakah guru menjalankan pentaksiran terhadap pembelajaran (*assessment of learning*) atau pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) dalam menilai kemahiran pelajar yang mengikuti pendidikan vokasional.

Kesimpulannya, cabaran utama pendidikan vokasional adalah untuk meningkatkan kualiti pendidikan vokasional. Langkah peningkatan kualiti pendidikan vokasional adalah sejajar dengan langkah kerajaan dalam menyediakan pekerja yang berkualiti dan berdaya saing seperti yang dihasratkan dalam PPPM 2013-2025. Peningkatan kualiti pendidikan vokasional penting bagi melahirkan pekerja mahir dan separuh mahir yang mampu bersaing pada peringkat tempatan dan peringkat global. Perkara ini penting bagi memastikan pendidikan vokasional dapat memberi pulangan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maksimum kepada kos pelaburan negara yang tinggi dikeluarkan terhadap pendidikan vokasional berbanding dengan pendidikan akademik. Oleh itu, adalah sangat penting untuk memastikan setiap program pendidikan vokasional yang digubalkan bagi peringkat sekolah menengah dilaksanakan pada peringkat optimum.

2.8.3 Pendidikan Vokasional dan Pembangunan Modal Insan

Modal insan adalah pemacu, penggerak dan penjana ekonomi, pembangunan dan kemajuan negara khususnya dalam menuju wawasan 2020. Pengertian modal insan dalam pendidikan meliputi manusia yang memiliki keseluruhan ilmu yang lahiriah dan ilmu yang dipelajari. Modal insan yang dimaksudkan itu adalah merujuk kepada individu yang dapat memperkasakan dirinya baik dari segi ilmu pengetahuan mahupun berdaya saing dari segi teknikal dan profesional (Irwan, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut pakar ekonomi Schultz (1961) modal insan mempunyai hubung kait dengan ekonomi masyarakat dan negara. Beliau juga menyatakan bahawa wujud hubungan antara pelaburan modal insan dengan pendapatan seseorang individu. Pendapatan yang tinggi, kesihatan yang baik serta pembentukan nilai yang baik akan memberikan kesejahteraan hidup.

Justeru itu, pelaburan modal insan sesebuah negara perlu lebih memberi tumpuan kepada dua elemen penting iaitu pelaburan dalam pendidikan dan latihan serta kesihatan. Menurut Model Pembangunan Modal Insan Schultz (1971) proses pendidikan mampu membangunkan manusia untuk jangka masa panjang dalam meningkatkan produktiviti dan tenaga kerja yang efisien demi kepentingan ekonomi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

negara. Masyarakat yang mempunyai tahap pendidikan yang baik akan menjadi masyarakat yang produktif.

Manakala Model R.M. Solow (1956) meletakkan pendidikan, kesihatan dan teknologi sebagai komponen utama dalam pembangunan modal insan. Menurut beliau kesan penggabungan teknologi dan pendidikan terhadap keseluruhan masyarakat dilihat sebagai satu unit yang menyeluruh. Tambah beliau lagi sesebuah negara hanya akan mencapai pertumbuhan yang kekal menerusi inovasi dan pendidikan yang berteknologi tinggi.

Menurut Becker (2009) pertumbuhan dalam modal fizikal merupakan sebahagian kecil sahaja dalam pertumbuhan pendapatan. Tambah beliau negara memerlukan pekerja-pekerja terlatih, berkemahiran dan produktif dalam berbagai bidang. Mengikut teori yang dibincangkan, pendidikan adalah satu bentuk pelaburan yang memberi pulangan pada masa hadapan dalam bentuk pendapatan tinggi kepada individu, masyarakat dan negara keseluruhannya.

Pendidikan teknik, vokasional dan latihan melalui institusi pendidikan teknik dan vokasional memainkan peranan penting dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dan meningkatkan daya saing tenaga kerja sesebuah negara, terutamanya di negara sedang membangun yang kekurangan saintis, ahli teknologi dan jurutera (Saidatul & Irdayanti, 2018).

Pelaburan dalam bidang pendidikan teknik, vokasional dan latihan bukan sahaja melibatkan perbelanjaan dalam bentuk wang yang dilaburkan tetapi juga kos lepas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seperti masa guru dan murid yang digunakan. Hasilnya diukur dalam bentuk pendapatan tambahan yang akan diperoleh seseorang yang berpendidikan sepanjang hayatnya berbanding dengan individu yang kurang atau tidak berpendidikan (Woodhall, 2004).

Oleh sebab itu, pendidikan bukan merupakan satu aktiviti ekonomi yang tulen yang mengharapkan keuntungan seperti konsep pengeluaran dalam bidang ekonomi yang lain iaitu fungsi input dan output tetapi mempunyai banyak objektif yang lain. Menurut Denison & Stein (2012) pendidikan dianggap sebagai penyumbang kepada peningkatan ekonomi sesebuah negara secara amnya tetapi sumbangan pendidikan kepada pelbagai faktor lain sukar dikenal pasti dan diukur. Tambah beliau lagi output atau hasil dalam pendidikan sukar untuk diukur berbanding dengan output sesebuah kilang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Woodhall (2004) output pendidikan boleh diukur dalam bentuk pencapaian murid dalam ujian dan peperiksaan atau dalam bentuk yang lain untuk mengukur pencapaian pendidikan bergantung kepada objektif program pendidikan tersebut. Tambah beliau lagi perubahan sikap atau tingkah laku murid, kemahiran perhubungan dan komunikasi antara murid dengan guru dan antara murid dengan murid juga merupakan hasil atau output pendidikan.

Kesimpulannya, sumber ekonomi yang terhad mestilah digunakan dengan cekap bukan sahaja dalam kilang tetapi juga dalam pelaksanaan sesuatu program pendidikan di sekolah supaya hasil yang optimum dicapai. Hasil daripada sesuatu program pendidikan seperti pendidikan vokasional di sekolah menengah harian memberi kesan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

langsung kepada pembangunan modal insan dan seterusnya pembangunan negara secara keseluruhannya. Sehubungan dengan itu, kurikulum MPEI SRT yang dikaji dalam kajian penilaian ini menjadi fokus utama perbincangan dalam bahagian berikutnya.

2.9 Kurikulum Mata Pelajaran SRT

Kurikulum Mata pelajaran SRT adalah satu daripada 10 kurikulum MPEI dalam kelompok Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Mata pelajaran SRT merupakan penjenamaan semula bagi mata pelajaran Ekonomi Rumah Tangga (ERT) Tingkatan 4 dan 5 yang telah dilaksanakan mulai tahun 1992. Mata pelajaran SRT menyediakan pengajian dalam empat komponen utamanya iaitu pengurusan sumber keluarga dan tempat kediaman, pakaian dan jahitan, makanan dan pemakanan serta penyediaan dan penyajian makanan (DSKP, 2015).

Pelaksanaan KSSM yang bermula secara berperingkat pada tahun 2017 bagi semua sekolah menengah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan mengikut Seksyen 18 di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

Pelaksanaan KSSM MPEI di sekolah menengah pada peringkat menengah atas bermula pada hari pertama sesi persekolahan tahun 2017 berdasarkan kepada Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 19 Tahun 2016. Pelaksanaan KSSM sepuluh mata pelajaran Elektif Ikhtisas adalah bagi menggantikan sepuluh Mata Pelajaran Elektif dalam KBSM bagi memenuhi keperluan dan perkembangan teknologi semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum Standard Sekolah Menengah MPEI telah ditambah baik dengan berasaskan kepada enam tunjang iaitu komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, keterampilan diri, perkembangan fizikal dan estetika serta sains dan teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang saling menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif bagi tujuan untuk melahirkan modal insan yang seimbang dan seterusnya mengamalkan budaya kerja yang profesional dalam menghadapi cabaran abad ke 21.


Kurikulum MPEI digubal berdasarkan kompetensi yang merujuk kepada standard industri, badan profesional serta badan pensijilan kebangsaan dan antarabangsa. Ini bertujuan bagi menyediakan asas yang kukuh bagi murid melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama ke peringkat tertiari atau menceburi kerjaya yang dapat memberi sumbangan yang bermakna ke arah kemajuan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum mata pelajaran SRT digubal berdasarkan kepada Kerangka KSSM seperti dalam Rajah 2.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.3 Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

Sumber: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata pelajaran Sains Rumah Tangga Tingkatan 4, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2015)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.1 Matlamat Mata Pelajaran SRT

Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas SRT dilaksanakan bagi melahirkan murid yang berkemahiran asas dalam bidang kerjaya yang releven bagi membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan, memulakan perniagaan atau melanjutkan pendidikan dan latihan kemahiran ke peringkat yang lebih tinggi.

Secara khusus, matlamat mata pelajaran SRT adalah untuk melahirkan murid yang berpengetahuan, mempunyai kemahiran asas dan kemahiran insaniah bagi tujuan untuk meningkatkan kualiti hidup kendiri, keluarga serta komuniti, seterusnya membolehkan mereka melanjutkan pengajian dalam bidang yang sama ke peringkat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tertiari atau menceburi kerjaya yang memberi sumbangan yang bermakna ke arah kemajuan negara (DSKP, 2015).

2.9.2 Objektif Mata Pelajaran SRT

Berdasarkan kepada DSKP yang diterbitkan oleh BPK, KPM (2015), mata pelajaran SRT yang dilaksanakan pada tahun 2017 mempunyai sebelas objektif seperti berikut; (i) Berkomunikasi secara berkesan dengan menggunakan pelbagai kaedah lisan dan bukan lisan. (ii) Memberi sumbangan secara berkesan dalam kumpulan, boleh memimpin dan bekerjasama untuk melaksanakan pelbagai bidang tugas. (iii) Mematuhi peraturan keselamatan di bengkel dan tempat kerja serta mengamalkan budaya kerja selamat. (iv) Menjaga kebersihan dan kekemasan diri serta tempat kerja. (v) Mengenal, memilih, mengguna dan menyimpan bahan serta peralatan dengan cara yang betul dan selamat. (vi) Memperoleh dan mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran berkaitan bidang SRT untuk meningkatkan kesejahteraan hidup diri, keluarga dan masyarakat. (vii) Mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang timbul dengan mengikut cara yang betul untuk membuat keputusan yang berkesan. (viii) Mengaplikasi kemahiran keusahawanan melalui pendekatan Pembelajaran Berasaskan Produk. (ix) Menguruskan aktiviti atau program mengikut prosedur, garis panduan serta arahan langkah kerja yang ditetapkan untuk mendapatkan hasil yang berkualiti. (x) Meningkatkan kesedaran keperluan pembelajaran sepanjang hayat bagi perkembangan kerjaya. (xi) Mengamalkan kemahiran insaniah seperti kemahiran berfikir kritis, kreatif dan inovatif serta sikap dan nilai murni, untuk berjaya sebagai seorang individu profesional dalam kerjaya dan juga kehidupan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.3 Pelaksanaan Mata Pelajaran SRT Di Sekolah

Mata pelajaran SRT dilaksanakan di sekolah menengah kebangsaan harian di peringkat menengah atas tingkatan 4 dan 5 dengan peruntukan masa minimum 160 minit seminggu, 96 jam setahun (Pekeliling Ikhtisas KPM bilangan 9 Tahun 2016. Pelaksanaan KSSM secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2017, 2016).

Setiap sekolah boleh menawarkan mata pelajaran SRT dengan menggunakan infrastruktur, peralatan dan guru mata pelajaran elektif Ekonomi Rumah Tangga Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sedia ada bagi memenuhi kurikulum mata pelajaran.

Berdasarkan kepada Pekeliling Ikhtisas Pelaksanaan KSSM (2016) sekolah yang ingin menawarkan mata pelajaran SRT perlu memenuhi syarat pelaksanaan berikut; (i) Mempunyai bilangan bilik darjah atau ruang fizikal dan bengkel yang mencukupi dan sesuai untuk melaksanakan pengajaran teori dan kelas amali.(ii) Mendapat kebenaran penawaran mata pelajaran daripada Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru di negeri masing-masing. (iii) Mempunyai peralatan yang sesuai dan mencukupi. (iv) Mempunyai guru yang berkelayakan dalam bidang pendidikan Sains Rumah Tangga. (v) Mempunyai minimum 15 orang murid memilih untuk mengikuti MPEI SRT.

2.9.4 Bahan-Bahan Kurikulum Mata Pelajaran SRT

Sekolah yang menawarkan mata pelajaran SRT hendaklah menggunakan DSKP MPEI SRT tingkatan empat yang diterbitkan oleh BPK, KPM (Pekeliling Ikhtisas KPM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bilangan 9 Tahun 2016. Pelaksanaan KSSM secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2017, 2016).

2.9.5 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran SRT

Kandungan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran mata pelajaran SRT Tingkatan Empat adalah seperti berikut:

1. Kerja Sepasukan

Komponen ini adalah bertujuan untuk menyediakan murid dengan pengetahuan dan kemahiran insaniah melalui aktiviti kerja sepasukan ke arah peningkatan kendiri. Standard kandungan komponen ini adalah seperti berikut:

1.1 Organisasi kerja

1.2 Semangat kerja sepasukan

1.3 Peningkatan kendiri

2. Pengurusan Sumber Keluarga dan Tempat Kediaman

Komponen ini adalah bertujuan untuk menyediakan peluang kepada murid untuk mengetahui dan memahami pelbagai isu dan cabaran dalam mengurus sumber keluarga, seterusnya meneroka dan mencadangkan penyelesaian bagi meningkatkan kesejahteraan kendiri dan keluarga dengan lebih berkesan. Standard kandungan komponen ini adalah seperti berikut:

2.1 Pengurusan sumber keluarga

2.2 Pengurusan sumber kewangan keluarga

2.3 Pengurusan konflik dalam keluarga

2.4 Pengurusan tempat kediaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Pakaian dan Jahitan

Komponen ini adalah bertujuan untuk membekalkan murid dengan pengetahuan serta kemahiran asas tentang fabrik, prinsip pemilihan pakaian, menghasilkan pakaian dan membuat pengiraan kos. Standard kandungan komponen ini adalah seperti berikut:

3.1 Pemilihan pakaian

3.2 Mendraf pola rompi/blaus

3.3 Penyediaan bahan jahitan

3.4 Penghasilan rompi/blaus

4. Makanan dan Pemakanan

Komponen ini adalah bertujuan untuk membekalkan murid dengan pengetahuan dan kemahiran tentang amalan makanan dan pemakanan untuk kesihatan, sistem pencernaan dan penyerapan, diet seimbang, peruntukan diet harian yang disarankan, indeks jisim badan, label makanan dan merancang menu. Standard kandungan komponen ini adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Keperluan makanan, nutrien dan fungsinya

4.2 Sistem pencernaan dan penyerapan

4.3 Diet seimbang

4.4 Peruntukan diet harian yang disarankan dan indeks jisim badan

4.5 Label makanan

4.6 Perancangan menu

5. Perniagaan dan Keusahawanan

Komponen ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada murid tentang pengetahuan, pemahaman dan prosedur memulakan perniagaan, seterusnya menggunakan daya kreativiti mereka untuk merancang perniagaan. Standard kandungan komponen ini adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pengenalan kepada perniagaan dan keusahawanan

5.2 Prosedur memulakan perniagaan

5.3 Perancangan perniagaan

2.10 Kerangka Teori Kajian

Pelaksanaan sesuatu program atau kurikulum pendidikan dianggap berjaya apabila program atau kurikulum pendidikan tersebut dilaksanakan seperti yang dirancang dan mengikut teori yang bersesuai dengan jenis program atau kurikulum pendidikan tersebut (Worthen & Sanders, 1987).

Menurut Muhammad (2017) penilaian pelaksanaan program pendidikan yang bertujuan untuk melihat sejauh mana pencapaian matlamat sesuatu program tersebut, penyelidik perlu mengambil perhatian terhadap dua faktor penting iaitu faktor pelaksanaan program dan faktor teori. Tambah beliau lagi penilaian program mencapai matlamat adalah disebabkan oleh sama ada kegagalan diperingkat pelaksanaan ataupun kegagalan pada teori.

Fitzpatrick & rakan (2017) menjelaskan bahawa perkaitan antara pelaksanaan dan pencapaian matlamat program dapat dilihat sekiranya teori program atau kurikulum pendidikan tersebut dilakukan di peringkat awal sebelum sesebuah program tersebut dijalankan.

Teori program merupakan satu proses yang melibatkan komponen dalam sesebuah program atau kurikulum pendidikan yang dijangka akan menghasilkan impak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(*outcomes*) serta keadaan yang menjelaskan cara setiap komponen yang terlibat dalam sesebuah program atau kurikulum iaitu input, proses dan hasil yang berjalan secara selari (Donaldson, 2007).

Justeru itu, penilaian pelaksanaan PBD yang melibatkan komponen input, proses dan hasil jangka pendek memerlukan teori yang sesuai dan tepat dalam mendasari kajian penilaian ini. Penggunaan teori yang berkaitan memudahkan penyelidik menjelaskan perkaitan antara teori dan kesan perubahan pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT.

Beberapa teori dan model digunakan dalam kajian ini bagi menjelaskan kesediaan guru dan murid terhadap perubahan yang berlaku dalam pelaksanan kurikulum khususnya dalam pelaksanaan PBD antaranya, Teori Perubahan Lewin, Teori Tingkah Laku Terancang, Teori Konstruktivisme dan Teori Faktor Penentu dan Hasil Kesediaan Organisasi Berubah.

Teori Perubahan Lewin merupakan teori perubahan terancang yang terawal diperkenalkan oleh Kurt Lewin pada tahun 1975. Mengikut teori ini perubahan akan dilaksanakan apabila berlaku dua keadaan iaitu pertama, tekanan untuk mempertahankan *status quo* dan kedua, tekanan untuk melakukan perubahan.

Perubahan boleh dilakukan sama ada untuk mempertahankan status quo atau meningkatkan usaha untuk melakukan perubahan atau gabungan keduanya. Tiga asas utama dalam teori perubanan ini iaitu peringkat pencairan, peringkat peralihan dan peringkat pembekuan semula.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peringkat pencairan akan berlaku apabila keadaan semasa tidak berkesan, kemahiran atau sikap kakitangan yang tidak sesuai dengan perkembangan dan semangat kerja yang terlalu rendah. Manakala peringkat peralihan akan berlaku apabila sesuatu program yang dilaksanakan menggerakkan kakitangan atau ahli organisasi ke arah yang lebih baik seperti perubahan nilai dan sikap yang menghasilkan perubahan secara keseluruhan dalam organisasi itu. Peringkat pembekuan semula keberkesanan atau hasil perubahan akan diberi perhatian dan dorongan untuk melakukan perubahan yang seterusnya akan dipertimbangkan (Syed Talib & rakan, 2018).

Oleh kerana kajian pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT dijalankan bagi melihat peningkatan pengetahuan, kemahiran guru SRT dan pembentukan sikap positif murid SRT hasil pelaksanaan PBD, penyelidik mendapati Teori Perubahan Lewin sangat bersesuaian untuk menjelaskan perubahan yang terancang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori Tingkah Laku Terancang dibangunkan oleh Ajzen (1985). Menurut teori ini, individu yang terlibat dalam sesuatu perubahan program menyedari implikasi tindakan mereka sebelum memutuskan untuk terlibat atau tidak dengan program tersebut. Oleh itu, setiap tindakan yang dilakukan oleh individu tersebut mempunyai sebab dan dilakukan dalam keadaan sedar.

Teori ini berdasarkan pada tiga andaian iaitu pertama, manusia secara umumnya melakukan sesuatu dengan cara yang masuk akal, kedua, manusia mempertimbangkan semua maklumat yang ada dan ketiga, secara jelas atau secara tidak langsung manusia mempertimbangkan kesan terhadap tindakan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam teori Tingkah Laku Terancang ini, keyakinan dipengaruhi oleh sikap terhadap tingkah laku tertentu, pada norma subjektif dan pada kawalan tingkah laku yang dihayati. Ketiga komponen tersebut saling bergantung dan menjadi penentu bagi niat yang akan menentukan sama ada kelakuan berkenaan akan dilaksanakan atau tidak.

Selain itu, pengawalan kelakuan secara langsung akan mempengaruhi niat untuk melaksanakan sesuatu kelakuan dan berkemungkinan juga secara langsung akan mempengaruhi kelakuan dalam keadaan di mana pengguna berniat untuk melaksanakan sesuatu kelakuan tetapi dihalang daripada melakukan tindakan tersebut (Ajzen, 1985).

Sikap terhadap sesuatu tingkah laku itu dipengaruhi oleh keyakinan bahawa tingkah laku tersebut akan memberikan hasil yang diingini atau yang tidak diingini. Keyakinan mengenai tingkah laku adalah apa yang bersifat normatif iaitu apa yang diharapkan oleh orang lain dan merupakan motivasi untuk bertindak bersesuaian dengan harapan normatif tersebut yang membentuk norma subjektif dalam diri seseorang individu itu. Sikap adalah merujuk kepada penilaian seseorang individu sama ada pelaksanaan sesuatu kelakuan itu adalah positif atau sebaliknya (Ajzen, 1985).

Merujuk kepada teori Tingkah Laku Terancang ini, kelakuan seseorang individu dapat dijelaskan berdasarkan kepada niat kelakuan (*behavioral intention*) seseorang itu yang dipengaruhi juga oleh sikap (*attitude*), norma subjektif dan juga dipengaruhi oleh persepsi kawalan kelakuan (*perceived behavioral control*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu, tingkah laku perlu dikenal pasti bagi melaksanakan setiap tindakan dalam pelaksanaan program itu. Dalam teori ini niat dilihat sebagai faktor utama. Niat dapat ditentukan dengan faktor peribadi, pengaruh sosial dan kekangan tingkah laku. Faktor peribadi adalah sikap individu ke atas tingkah laku di mana penilaian positif atau negatif individu dalam melakukan sesuatu tindakan (Ajzen, 1991).

Oleh yang demikian, tindakan murid seperti pengetahuan, kefahaman dan tanggungjawab murid terhadap pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT didapati mempengaruhi pembentukan sikap positif (Noraini & Zamri, 2016; Gunasegaran, 2014).

Justeru, Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1985) bersesuaian bagai menjelaskan perubahan tingkah laku murid kerana pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT adalah satu kaedah pentaksiran yang dirancang oleh pihak BPK, KPM untuk mengukur pencapaian murid (BPK, 2018).

Teori Konstruktivisme merupakan teori yang menjadi panduan dalam bidang pendidikan. Mengikut teori ini murid membina pengetahuan sendiri berdasarkan pengetahuan yang sedia ada dan guru merupakan fasilitator dalam pembinaan pengetahuan murid. Murid melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran.

Oleh yang demikian, murid secara langsung membina kemahiran dan pemikiran yang kreatif dan kritis dalam diri. Murid berpeluang berkongsi dan menghormati pandangan orang lain serta menjalani aktiviti yang lebih *hands-on* dan *minds-on*. Di samping itu juga murid dapat mengaplikasikan idea baru dalam konteks yang berbeza untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengukuhkan kefahaman selain dapat menyampaikan sesuatu yang baru secara terus kepada orang lain (Syahida, 2016).


Teori Faktor Penentu dan Hasil Kesediaan Organisasi Berubah (Weiner, 2009). Faktor kontekstual yang berkemungkinan mempengaruhi kesediaan organisasi untuk menerima dan melaksanakan perubahan adalah pertama, budaya organisasi iaitu kepercayaan dan jangkaan yang menjadi norma yang mempengaruhi tingkah laku individu dan kumpulan dalam organisasi yang dijangka akan mempengaruhi kesediaan organisasi untuk melaksanakan perubahan.

Kedua, polisi dan prosedur. Ketiga, pengalaman lalu berkaitan perubahan yang ingin dilaksanakan. Keempat, sumber organisasi merujuk kepada sumber berbentuk fizikal seperti peralatan dan bangunan dan juga sumber manusia. Akhir sekali, struktur organisasi bagi menyokong perubahan (Nur Suraya 2015).

Secara ringkasnya kerangka teoretikal kajian ini digambarkan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.4 Kerangka Teoretikal

Sumber: Telah diubah suai dari Baharom Mohamad & rakan (2010)

2.11 Kerangka Konseptual Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang akan dijalankan adalah satu kajian penilaian berbentuk tinjauan terhadap pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT di sekolah menengah harian. Penilaian yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah proses yang dijalankan untuk menilai kelicinan perjalanan pelaksanaan kurikulum dan setakat mana kurikulum yang dijalankan mengikut perancangan awal pembentukan kurikulum tersebut.

Penilaian kurikulum atau program pendidikan merupakan satu proses penentuan sejauh mana sesuatu kurikulum atau program yang dilaksanakan telah mencapai matlamatnya (Tyler, 1942). Stufflebean (1968) menjelaskan penilaian merupakan satu proses menggambar, memperoleh dan menyediakan maklumat untuk membuat keputusan dan membuat pemilihan. Pelbagai jenis model penilaian yang boleh digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan penyelidikan penilaian kurikulum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seperti Model Tyler (1949), Model Stake (1967), Model *Goal Free Evaluation* Scriven (1974), Model penilaian CIPP (1971) dan sebagainya.

Model merupakan satu gambaran konseptual tentang sesuatu aktiviti atau proses yang dapat menunjukkan perkaitan antara pelbagai elemen yang terlibat dalam aktiviti atau proses tersebut (Azizi, 2001; Muhammad, 2017). Menurut Ramlah (2016) model boleh dianggap sebagai kerangka bagi melaksanakan tindakan secara sistematik. Ini kerana model mampu menerangkan setiap langkah yang terlibat dalam satu proses penilaian dengan terperinci dan lebih bermakna.

Memandangkan terdapat banyak model yang biasa digunakan dalam kajian penilaian, penelitian perlu dilakukan dalam menentukan model penilaian yang sesuai digunakan bagi memberi hasil dapatan yang tepat dan boleh dipercayai. Pemilihan model haruslah disesuaikan dengan tujuan kajian (Muhammad, 2017; Ramlah, 2016; Ura, 2012).

Justeru itu, dalam kajian yang dijalankan, penyelidik memilih untuk menggunakan model penilaian yang berorientasikan pelanggan kerana lebih menepati tujuan kajian untuk menilai pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT dalam kalangan guru mata pelajaran SRT dan murid Tingkatan Empat yang mengambil MPEI SRT di sekolah menengah kebangsaan harian untuk penambah baik pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT pada masa hadapan. Ia juga selari dengan matlamat model berorientasikan pelanggan yang dikemukakan oleh tokoh penilaian seperti Stake (1967).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menggunakan Model Stake *Countenance* untuk menilai pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT di sekolah menengah harian. Justeru itu, variabel kajian dibincangkan mengikut fasa pengumpulan data. Variabel atau kriteria perlu ditentukan dengan teliti sebelum sesuatu kajian penilaian dilakukan terhadap sesuatu kurikulum atau program pendidikan (Pratt, 1994).

Variabel seperti sekolah, pentadbir, guru, murid dan sokongan yang terlibat dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum atau program pendidikan yang dikaji perlu dikenal pasti dan kemudian penyelidik perlu mengaitkan variabel tersebut dengan keputusan kajian (Berk, 1979).

Pemilihan variabel untuk kajian penilaian pelaksanaan kurikulum ini dibuat berdasarkan tujuan kajian, Model Stake *Countenance* (1967) yang digunakan sebagai kerangka konsep kajian yang akan dijalankan, tinjauan kajian lepas serta temu bual dengan rakan guru yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan KSSM mata pelajaran SRT dan pengalaman penyelidik sendiri mengajar bidang pendidikan SRT di sekolah menengah. Variabel yang dibincangkan dipecahkan kepada tiga bahagian selari dengan fasa pengumpulan data iaitu fasa input (*antecedents*), fasa proses (*transactions*) dan fasa hasil jangka pendek (*outcomes*).

2.11.1 Fasa Input (A*ntecedents*)

Penilaian fasa input (*antecedents*) bertujuan bagi mengenal pasti dan mengukur keupayaan sesuatu sistem seperti sekolah yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu kurikulum pendidikan berdasarkan kepada tujuan atau rancangan awal penggubalan sesuatu kurikulum itu (Stake, 1967).

Input adalah pelbagai sumber atau elemen yang diperlukan bagi membolehkan sesuatu sistem berfungsi yang mencakupi bukan saja pentadbir, guru dan murid tetapi juga bahan pengajaran, kemudahan fizikal, peralatan serta bekalan (Stake, 1967; Wood, 2001). Input dalam kajian penilaian ini ada seprti yang dibincangkan dalam bahagian berikutnya.

2.11.1.1 Pengetahuan Asas Guru

Guru sebagai pelaksana sesuatu transformasi dan inovasi pendidikan merupakan individu yang sangat berpengaruh dalam memastikan kejayaan inovasi pendidikan tersebuat (Yahya & Lailinanita, 2012). Pengetahuan guru untuk melaksanakan sesuatu transformasi kurikulum baharu yang diperkenalkan adalah amat perlu bagi menentukan kejayaan atau kegagalan kurikulum tersebut.

Pengetahuan guru tentang kurikulum baharu itu dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman murid. Namun demikian, menurut Maxwell (2010) guru sering menghadapi pelbagai cabaran, terutamanya dari segi pengetahuan tentang kurikulum mata pelajaran dan kemahiran pedagogi apabila kurikulum baharu diperkenalkan. Hujah ini disokong oleh Tao & Gao (2017) yang menyatakan bahawa perubahan dalam kurikulum pendidikan memerlukan guru menguasai pengetahuan pengajaran yang baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Bentley (1977) guru pendidikan vokasional harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup, disamping itu mereka juga perlu mempunyai keupayaan untuk merangsang dan memperkembangkan sikap dan tingkah laku yang diperlukan oleh seseorang murid bagi tujuan kejayaan dalam kerjaya mereka pada masa hadapan.

Manakala Dunham (1989) menyatakan dalam pendidikan vokasional murid tidak boleh memahami kebanyakkan isi kandungan pelajaran mereka dengan hanya membaca buku tetapi lebih memahami sesuatu pengajaran sekiranya murid mengikut cara mereka sendiri dan secara praktikal dengan bimbingan dari guru. Murid vokasional banyak menggunakan pembelajaran berdasarkan masalah dalam menguasai sesuatu kompetensi dalam setiap topik pembelajaran amali (Noor H & Hafezali Iqbal, 2019)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, bagi memastikan murid terampil dalam setiap komponen pembelajaran, pentaksiran memainkan peranan yang penting. Guru harus tahu mendapatkan maklumat berkaitan kemajuan pembelajaran murid, keberkesanan strategi pengajaran dan pembelajaran serta keberkesanan suatu kurikulum.

Justeru itu, guru harus mempunyai pengetahuan asas dalam pentaksiran yang berkaitan dengan Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dan kaedah pemarkahan serta etika penilaian.

Dalam pentaksiran yang berperanan sebagai proses untuk mendapatkan maklumat tentang sejauh mana pengetahuan dan kefahaman murid terhadap sesuatu pembelajaran Standard Prestasi digunakan. Standard Prestasi digunakan untuk melihat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemajuan dan perkembangan pembelajaran serta pencapaian prestasi seseorang murid. Penyataan Standard Prestasi ditetapkan mengikut tahap-tahap penguasaan seperti yang dihasratkan dalam DSKP.

Manakala penilaian terhadap murid dilaksanakan secara adil dan saksama sebagai individu berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan orang lain (LPM, 2012). Guru yang melaksanakan pentaksiran menggunakan Standard Prestasi sebagai rujukan untuk menentukan aktiviti pentaksiran dilaksanakan secara adil dan berfokus. Justeru itu, guru harus ada pengetahuan dalam melaksanakan pentaksiran mengikut band yang telah ditetapkan dalam Standard Prestasi.

Menurut Bloom & rakan (1956) pengetahuan asas guru berkaitan Aras Taksonomi Bloom adalah amat penting bagi membantu guru dalam membina dan memilih item yang betul dan tepat mengikut aras seperti aras pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian supaya petaksiran yang dilakukan benar-benar mengukur pengetahuan dan kemahiran pelajar.

Penghasilan item pentaksiran yang seimbang dan mengukur semua aspek dalam kandungan suatu pembelajaran dapat dilakukan jika guru mempunyai satu panduan yang khusus. Menurut Gronlund (1971) JSU yang bertindak sebagai *blueprint* boleh memandu guru dalam menghasilkan item pentaksiran yang seimbang dan menyeluruh mengikut kandungan pembelajaran. Justeru itu, bagi melaksanakan pentaksiran yang berkesan guru harus mempunyai pengetahuan berkaitan JSU.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, menurut Gronlund (1971) kaedah pemarkahan terbahagi kepada dua bahagian iaitu kaedah analitik dan holistik di mana dua kaedah ini boleh diguna secara berasingan atau digabungkan bersama. Kaedah analitik merupakan kaedah pemarkahan yang menggunakan poin atau mata yang memerlukan skema pemarkahan yang mempunyai pemberatan terperinci.

Manakala kaedah holistik menggunakan rubrik pemarkahan untuk mencerap prestasi murid dengan cara pemeriksaan yang menyeluruh menggunakan skala yang boleh diterjemahkan sebagai cemerlang, baik, sederhana, lemah, lulus dan gagal.

Pelaksanaan pentaksiran yang telus, adil dan saksama akan berlaku jika guru mempunyai etika dalam melaksanakan suatu pentaksiran. Etika penilaian merupakan satu komponen yang penting dalam pelaksanaan PBD (Ramlah, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.11.1.2 Pengetahuan dan kefahaman Murid

Pengetahuan dan kefahaman murid adalah amat penting bagi menentukan kejayaan pelaksanaan PBD. Pengetahun dan kefahaman murid terhadap PBD memberi impak yang postif terhadap prestasi dan pencapaian murid. Menurut kajian yang dijalankan oleh Shamsiah & rakan (2010) tahap pengetahuan dan kefahaman murid yang tinggi terhadap pelaksanaan pentaksiran modul mata pelajaran Kemahiran Hidup telah meningkatkan markah kerja kursus murid sebanyak 40 peratus di mana markah tersebut telah menyumbang kepada markah keseluruhan murid bagi mata pelajaran itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Noraini & Zamri (2016) yang menjalankan kajian kesediaan murid sekolah menengah terhadap pelaksanaan PBS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mendapati tahap pengetahuan murid terhadap pelaksanaan PBD berada pada tahap sederhana di mana murid sangat bergantung kepada guru untuk mendapat maklumat berkaitan pelaksanaan PBD.

2.11.1.3 Kemudahan dan Sumber

Input sumber bukan manusia merupakan satu komponen penting dalam menjayakan pelaksanaan PBD. Kesediaan sumber dan kemudahan yang lengkap dan sesuai akan menghasilkan amalan yang positif dalam pentaksiran yang dilaksanakan. Kemudahan seperti capaian internet, bilik pengoperasian PBD, set komputer dan maklumat bercetak dapat meningkatkan kesediaan guru dalam melaksanakan PBD (Noorzeliana, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelaksanaan PBD sukar dilaksanakan sekiranyan guru tidak diberi sokongan sepenuhnya dari segi kesediaan bahan dan sumber yang digunakan dalam pelaksanaan pentaksiran. Dapatan kajian Suzana (2015) mendapati bahawa tahap penyediaan bahan seperti buku rujukan, manual PBD dan kemudahan pencetakan yang disediakan oleh pihak sekolah berada pada tahap sederhana.

Menurut Che Aleha (2015) Kemudahan asas dan infrastruktur sekolah yang baik adalah penting bagi memastikan pelaksanaan PBD dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dilaksanakan dengan berkesan, khususnya semasa proses penyimpanan eviden dan dokumen berkaitan. Tambah beliau lagi dokumen PBD perlu disimpan di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tempat yang selamat dalam bentuk *hard copy* dan *soft copy* sehingga enam bulan selepas keputusan peperiksaan SPM diumumkan. Pandang beliau selari dengan pendapat Puckett & Black (2000) yang menyatakan proses bagaimana maklumat dikumpul, disimpan dan digunakan merupakan salah satu kriteria penting yang harus dilakukan untuk mencapai satu bentuk pentaksiran yang autentik.

Justeru itu, kemudahan prasarana, pencetakan, tempat penyimpanan bahan pentaksiran, kesesuaian DSKP, bahan rujukan dan peruntukan kewangan merupakan aspek yang penting dalam memastikan pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT.

2.11.2 Fasa Proses (*Transactions*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian fasa proses (*transactions*) adalah untuk meninjau penglibatan guru dan murid dalam pelaksanaan PBD dalam kurikulum yang dirancang. Menurut Finch & Crunkilton (1999) maklumat penilaian proses sangat berguna kepada guru, ini kerana ia berkait rapat dengan aspek pengajaran guru. Manakala Werner (2004) menyatakan bahawa sesuatu program mungkin dilaksanakan tidak mengikut seperti apa yang dirancangkan walaupun mempunyai sumber dan bahan yang mencukupi. Justeru itu, tambah beliau kajian pelaksanaan sesuatu program adalah bertujuan untuk memerhati operasi program, mengukur sejauh mana sesuatu program itu beroperasi seperti yang dirancang, mengenal pasti masalah bagi tujuan penambah baik dan mencadangkan penyelesaiannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Wood (2001) pada peringkat pelaksanan atau proses sesuatu kurikulum atau program penilaian dilakukan bagi tujuan untuk menilai bagaimana interaksi tingkah laku guru, murid atau peserta yang terlibat dalam pelaksanan sesuatu program tersebut. Hujah beliau selari dengan Windham (1988) yang menegaskan bahawa penilaian proses adalah kajian interaksi pelbagai input dalam sistem pengajaran seperti tingkah laku pentadbir, tingkah laku guru dan tingkah laku murid.

Oleh itu, sebagai rumusan penilaian proses adalah berkait rapat dengan dengan aspek guru dan murid. Penilaian pada peringkat ini dapat mengenal pasti kelemahan dan kekurangan semasa proses pelaksanaan. Justeru itu, kajian ini akan memfokuskan kepada proses pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT di sekolah menengah harian dalam aspek aktiviti dalam pelaksanaan PBD oleh guru dan pelaksanaan tanggungjawab murid dalam pelaksanaan PBD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.11.2.1 Aktiviti Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah

Pentaksiran Bilik Darjah adalah satu proses penting dalam mengumpul maklumat bagi membuat keputusan mengenai pencapaian seseorang murid. Maklumat tersebut boleh digunakan oleh para guru untuk berkomunikasi dengan murid dan ibu bapa dengan lebih berkesan berkenaaan dengan pencapaian pengajaran dan pembelajaran (Tagele & Bedilu, 2015).

Menurut Bahgian Perkembangan Kurikulum, KPM (2018) PBD melibatkan proses pengumpulan maklumat yang autentik yang dilakukan oleh guru sama ada secara formatif atau sumatif. Pentaksiran autentik merujuk kepada pentaksiran yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijalankan dalam pelbagai bentuk seperti kerja kursus, membuat projek, melakukan persembahan, aktiviti jasmani, aktiviti kokurikulum, di samping membentuk sahsiah, budi pekerti dan pembinaan jati diri murid sebenar (Salmiah, 2013).

Manakala, Pentaksiran formatif atau pentaksiran untuk pembelajaran merujuk kepada semua aktiviti seperti kerja rumah, tugasan dalam kelas, pencerapan dan perbincangan dalam kelas atau kerja bertulis yang diberi oleh guru di dalam kelas dengan tujuan untuk menilai perkembangan dan masalah pembelajaran murid.

Pentaksiran sumatif atau pentaksiran tentang pembelajaran pula merujuk kepada tugasan yang diberi kepada murid untuk menentukan prestasi murid pada penggal, semester atau tahun persekolahan bagi tujuan pelaporan prestasi murid (Ramlah, 2016). McMillan (2013) menegaskan bahawa pentaksiran formatif dan sumatif perlu seimbang dan tidak boleh dipisahkan bagi memastikan pemantauan atau pengukuran pembelajaran sentiasa berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pentaksiran Bilik Darjah melibat pelbagai aktiviti seperti pengumpulan maklumat yang autentik tentang prestasi murid berdasarkan standard prestasi dengan menggunakan pelbagai kaedah, teknik, alat dan konteks yang sesuai dengan standard prestasi yang hendak ditaksir. Seterusnya para guru perlu merekod, menterjemah, melapor dan membuat pertimbangan tentang prestasi murid (LPM, 2011).

Manakala menurut MacMillan (2013) aktiviti yang perlu dijalankan oleh seorang guru dalam melaksanakan satu ujian adalah seperti membuat perancangan, mentadbir,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menganalisis *evidens* dan mengaplikasi maklumat pentaksiran serta membuat perekodan dan pelaporan.

Oleh itu, dengan menggunakan PBD sebagai salah satu komponen penilaian murid selain daripada pentaksiran lain di bawah SPPK dalam pelaksanaan KSSM, diharapkan dapat menghasilkan satu bentuk pentaksiran yang berkesan demi mencapai matlamat dan tujuan yang diharapkan.

2.11.2.2 Tanggungjawab Murid Dalam Pelaksanaan PBD Mata Pelajaran SRT

Pentaksiran Bilik Darjah yang bertujuan untuk mengesan dan memantau perkembangan serta pencapaian murid dalam pembelajaran menerusi Modul Perekodan Perkembangan Pembelajaran Murid. Pentaksiran yang dilaksanakan secara holistik dan berterusan berdasarkan Standard Prestasi diharapkan dapat mencungkil potensi dan bakat murid dalam pelbagai bidang selain akademik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pentaksiran Bilik Darjah bagi mata pelajaran SRT dilaksanakan berpandu kepada DSKP yang mengandungi kriteria pencapaian yang berasaskan setiap kelompok standard kandungan dan standard pembelajaran yang ditetapkan. Standard Prestasi digunakan sebagai rujukan guru untuk menentukan pencapaian murid dalam menguasai standard kandungan dan standard pembelajaran.

Bagi mata pelajaran SRT, Standard Prestasi mengandungi enam tahap penguasaan yang disusun secara hieraki dari Tahap Penguasaan 1 yang menunjukkan pencapaian terendah sehingga pencapaian tertinggi iaitu Tahap Penguasaan 6. Setiap tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penguasaan ditafsir secara generik yang menggambarkan pencapaian murid secara holistik (DSKP, 2015).

Menurut Wolf (1995) murid dan pihak ketiga haruslah jelas berkenaan pentaksiran yang dilaksanakan dari segi objektif dan apa yang ditaksir. Tambah beliau lagi pentaksiran haruslah dilaksanakan dengan telus.

Kajian yang dijalankan oleh Tierney (2013) menjelaskan konsep keadilan dalam dalam melaksanakan pentaksiran dalam kalangan guru seperti ketelusan, persekitaran bilik darjah dan layanan sama rata kepada murid. Penjelasan beliau membuktikan bahawa hak murid dalam pentaksiran adalah satu perkara yang perlu diambil perhatian oleh guru dalam melaksanakan pentaksiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu, dalam PBD adalah penting guru menyampaikan maklumat berkaitan PBD terutamanya berkaitan konsep, kaedah pelaksanaan dan pemberian band agar murid memahami dan mengetahui apa yang perlu dilakukan oleh mereka bagi memperoleh pencapaian yang maksimum.

Kejayaan atau kegagalan PBD sekolah bergantung kepada cara pelaksanaannya yang sebenar walaupun garis panduan dan prosedur pelaksanaannya telah ditetapkan oleh penggubal kurikulum. Murid mempunyai tanggungjawab dalam pelaksanaan PBD seperti menghadirkan diri dalam taklimat berkenaan mata pelajaran, mengetahui kriteria bagi setiap pentaksiran, mengetahui kaedah penskoran, berbincang dengan guru tentang pelaksanaan pentaksiran dan menunjukkan bahan bukti sesuatu bidang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang ditaksir. Oleh itu, murid harus melaksanakan tanggungjawab berkenaan bagi mendapat band yang terbaik dalam PBD.

2.11.3 Fasa Hasil Jangka Pendek (*Outcome*)

Rossi (2018) menjelaskan bahawa hasil atau *outcomes* adalah merujuk kepada keputusan hasil sesuatu aktiviti seperti peningkatan taraf kesihatan individu yang telah diberi perkhidmatan, kemahiran membaca yang lebih baik dan faedah sosial yang lain.

Manakala Windham (1988) menyatakan hasil atau *outcomes* pendidikan adalah kesan interaksi output pendidikan dengan persekitaran sosial yang bukan sahaja meliputi satu tempoh yang panjang tetapi juga melibatkan ramai individu yang terlibat secara langsung dalam sesuatu program pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Haddad (1979) hasil pendidikan boleh dianalisis dalam empat kategori iaitu pertama kesan perolehan, kedua kesan pencapaian, ketiga kesan sikap atau tingkah laku dan keempat kesan ekuiti.

Oleh itu, kajian ini akan meninjau hasil jangka pendek pelaksanaan kurikulum mata pelajaran SRT dalam aspek pelaksanaan PBD terhadap pengetahuan, kemahiran dan sikap positif murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.11.3.1 Peningkatan Pengetahuan Guru

Menurut Ramlah (2016) pengetahuan membawa maksud satu bidang ilmu yang perlu diteroka dan diketahui untuk dimiliki bagi membentuk sikap dan tingkah laku. Pengetahuan adalah salah satu faktor utama dalam melaksanakan pentaksiran yang yang berkesan. Guru yang mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dapat melaksanakan pentaksiran akan menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti seterusnya melahirkan pelajar yang cemerlang.

Manakala Afinde (2016) menyatakan guru yang mempunyai pengetahuan mendalam terhadap pelaksanaan pentaksiran mata pelajaran yang diajar dapat membantu pelajarnya memahami sesuatu konsep dengan lebih mudah. Pengetahuan guru dalam pelaksanaan pentaksiran merangkumi pelbagai aspek Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, JSU, kaeadah pemarkahan dan etika penilaian.

Menurut Hunt (2003) pengetahuan boleh didefinisikan sebagai kepercayaan dan wajar. Tambah beliau lagi pengetahuan tidak dapat dilihat secara langsung tetapi boleh diperhatikan melalui prestasi ujian yang dijalankan, ia memberi kesan kepada pencapaian keberkesanan, keselesaan, keselamatan dan kepuasan apabila matlamat seseorang individu atau sesuatu organisasi dicapai. Pengetahuan bukan hanya setakat untuk mengukur jumlah jawapan yang betul atau salah, tetapi pengetahuan juga adalah sesuatu yang membolehkan seseorang membuat keputusan, menyelesaikan masalah, memilih atau melaksanakan tindakan dan memberi cadangan (Hunt, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengetahuan guru tentang PBD yang dijalankan seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu faktor penting yang menentukan keberkesanan pengajaran dan pencapaian murid. Hunt (2003) menegaskan bahawa penilaian kendiri mempunyai kesan terhadap pengetahuan seseorang.

Justeru itu, dalam kajian ini penyelidik akan menggunakan penilaian kendiri bagi menilai tahap pengetahuan guru hasil daripada pelaksanaan PBD dalam Kurikulum mata pelajaran SRT di sekolah menengah.

2.11.3.2 Peningkatan Kemahiran Guru

Menurut Schermerhorn (2010) kemahiran merupakan kebolehan untuk mentaksirkan pengetahuan kepada tindakan yang memaparkan kecekapan seseorang. Manakala menurut Ramlah (2016) kemahiran merujuk kepada kecekapan dan keupayaan seseorang guru untuk mengukur dan menilai pencapaian pelajarnya.

Menurut McMillan (2013) dalam melaksanakan pentaksiran guru harus menguasai beberapa kemahiran seperti berikut; (i) Memilih kaedah pentaksiran yang sesuai bagi membuat keputusan berkenaan pengajaran dan pembelajaran. (ii) Membina kaedah pentaksiran yang sesuai bagi membuat keputusan berkenaan pengajaran dan pembelajaran. (iii) Mentadbir, menskor dan mentafsir keputusan pentaksiran yang dijalankan. (iv) Menggunakan hasil penilaian bagi membuat keputusan mengenai seseorang murid secara individu, membuat perancangan pengajaran, membangunan dan membuat cadangan untuk penambah baik sekolah. (v) Membina tatacara penggredan murid secara sah dengan mengambil kira pandangan dan pendapat murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(vi) Berinteraksi dengan murid, ibu bapa dan rakan guru berkenaan keputusan penilaian. (vii) Mengenal pasti kaedah penilaian dan penggunaan maklumat penilaian yang tidak beretika dan melanggar undang-undang.

Christoforidou & rakan (2014) menegaskan bahawa guru yang berkemahiran tinggi dalam pentaksiran mampu menghasilkan murid yang lebih baik dalam pembelajaran. Justeru itu, aspek kemahiran guru dalam pentaksiran adalah penting diberi penekanan dalam memastikan pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT dilakukan mengikut perancangan dan berkesan.

2.11.3.3 Sikap Positif Murid

Program pendidikan vokasional yang berkesan terhasil apabila murid bermotivasi, berkeinginan dan minat untuk belajar dan membuat aktiviti dalam bilik darjah serta bersikap positif dan mendapat sokongan ibu bapa (Dunham, 1989).

Bentley (1977) menyenaraikan kriteria murid yang harus dipertimbangkan bagi tujuan mengikuti program pendidikan vokasional seperti berikut; (i) Minat murid iaitu merujuk kepada keinginan atau kecenderungan murid untuk mengikuti sesuatu kursus atau program pendidikan vokasional dengan jayanya. (ii) Kemampuan murid iaitu merujuk kepada kebolehan murid untuk belajar. (iii) Keupayaan murid iaitu merujuk kepada keupayaan fizikal dan mental murid untuk belajar. (iv) Sikap murid iaitu merujuk kepada perbuatan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku seperti sikap positif dalam menerima sesuatu pembelajaran. (v) Tingkah laku murid iaitu merujuk kepada rekod masalah disiplin yang dimiliki oleh seseorang murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rekod disiplin penting bagi memastikan murid dapat mengikut peraturan keselamatan yang diberi perhatian serius dalam kursus atau program pendidikan vokasional.

Menurut Yan & Cheng (2015) sikap memainkan peranan penting dalam melaksanakan pentaksiran. Oleh itu, pembentukan sikap yang positif dalam kalangan guru terhadap aktiviti PBD memainkan peranan yang besar bagi mencapai matlamat pentaksiran.

Sikap boleh didefinisikan sebagai satu proses mental yang bersifat fikiran, perasaan atau tanggapan terhadap sesuatu objek, aspek atau situasi tertentu (Ramlah, 2016). Hujah ini selari dengan Allport (1935) yang menyatakan bahawa sikap adalah satu kesediaan mental dan saraf, tersusun melalui pengalaman, mendorong satu arah atau mempengaruhi secara dinamik tindak balas individu terhadap semua objek dan situasi yang berkaitan dengannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Ainon (1997) sikap ialah satu keadaan mental di mana seseorang itu sentiasa bersiap sedia untuk bertindak balas berdasarkan nilai peribadi seseorang itu sendiri. Tambah beliau lagi tindak balas yang ditunjuk itu boleh jadi positif, negatif, menyetujui atau menentang. Kesediaan itu sentiasa ada dalam diri individu dan menunggu bila masa sahaja untuk ditunjukkan.

Justeru itu, pembentukan sikap murid yang positif merupakan aspek penting yang perlu diambil berat dalam memastikan matlamat pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT tercapai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.11.3.4 Kekangan Dalam Pelaksanaan PBD

Pratt (1994) menegaskan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kegagalan dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum. Berikut faktor yang dinyatakan oleh beliau; (i) Kandungan kurikulum mengandungi aspek yang tidak realistik. (ii) Bahan sokongan yang tidak mencukupi. (iii) Sebelum pelaksanaan sesuatu kurikulum guru tidak diberi masa yang mencukupi untuk memahami dan berbincang dengan rakan guru berkenaan kurikulum tersebut. (iv) Garis panduan penilaian murid yang kurang lengkap. (v) Sokongan dan interaksi yang sedikit daripada pejabat pusat. (vi) Pentadbir atau pengetua tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi serta tidak menyokong pelaksanaan kurikulum dan tidak jelas berkenaan peranannya dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, dapatan kajian yang dijalankan oleh Sh. Siti Hauzimah (2019) mendapati guru sebagai pelaksana kurikulum merupakan salah satu faktor yang menyebabkan wujudnya isu dalam pelaksanaan PBD. Menurut mereka guru masih belum menguasai kriteria yang diperlukan dalam melakukan pentaksiran.

Selain peranan yang dimainkan oleh guru dalam menentukan kejayaan pelaksanaan PBD dalam kurikulum baharu, sokongan pentadbiran sekolah juga sangat penting dalam memberi motivasi dan sokongan moral kepada guru dalam melaksanakan kurikulum tersebut (Pratt, 1994).

Menurut Pratt (1994) kesediaan pihak pentadbiran untuk berbincang dan berunding dengan guru dalam merancang pelaksanaan pentaksiran bagi sesuatu kurikulum berkait rapat dengan kepuasan guru dan pihak pentadbiran dalam mendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persetujuan dan membuat keputusan dalam sesuatu perkara berkaitan pelaksanaan pentaksiran sesuatu kurikulum.

Manakala Fullan & Pomfret (1977) menyatakan seorang pentadbir boleh memberi sokongan profesional kepada guru seperti kursus dan latihan dalam perkhidmatan, bahan dan masa, maklum balas semasa pelaksanaan kurikulum dan penglibatan pihak pelaksana iaitu guru dalam proses perubahan atau inovasi.

Masa juga merupakan kekangan dalam melaksanakan PBD. Menurut Mohd Anuar & Zamiyah (2010) yang mejalankan kajian terhadap pelaksanaan Pentaksiran Sekolah dalam kalangan guru luar bandar mata pelajaran Kemahiran Hidup di daerah Kuantan mendapati peruntukan masa yang singkat merupakan kekangan kepada guru dalam melaksanakan Pentaksiran Sekolah. Dapatan kajian mereka disokong oleh dapatan kajian Abdul Rahim & Ahmad Faizal (2010) yang menjalankan kajian terhadap guru mata pelajaran Kemahiran Hidup di daerah Kluang mendapati peruntukan masa sebanyak tiga waktu seminggu menyebabkan murid Kemahiran Hidup terpaksa menyiapkan kerja projek bagi Pentaksiran Sekolah di rumah kerana masa yang diperuntukan tidak mencukupi.

Murid juga merupakan faktor yang menentukan kejayaaan atau kegagalan dalam pelaksanaan PBD. Oleh itu, pemilihan murid yang sesuai dan bertepat menainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan pelaksanaan PBD dalam kurikulum pendidikan vokasional. Sekiranya murid tidak berminat, kurang berupaya, mempunyai sikap dan tingkah laku yang kurang baik akan menjejaskan pelaksanaan PBD dalam kurikulum tersebut secara berkesan (Gunasegaran, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya guru, pentadbiran, murid dan masa merupakan komponen yang penting dalam pelaksanaan sesuatu perubahan atau kurikulum yang baharu terutamanya dalam aspek pelaksanaan PBD. Kegagalan mereka menerima perubahan akan menghalang proses pelaksanaan PBD dalam kurikulum tersebut dengan berkesan. Justeru itu, kajian ini akan meninjau pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT dari aspek guru sebagai pelaksanan kurikulum, pentadbiran, murid mata pelajaran SRT dan masa.

Sehubungan dengan itu, dalam kajian penilaian ini, model penilaian Stake *Countenance* dipilih sebagai kerangka kajian. Model ini diperkenalkan oleh Robert E. Stake pada tahun 1967 yang memberikan gambaran yang jelas dan sistematik dalam melaksanakan penilaian sesuatu pelaksanaan kurikulum antara apa yang dirancang pada awalnnya dengan apa yang sebenarnya berlaku semasa perlaksanaan (Popham, 1993; Wood, 2001). Secara asasnya Model Stake *Countenance* digambarkan seperti Rajah 2.5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.5 Model Stake *Countenance*

Sumber: Stake, 1967; Worthen & Sanders, 1987

Rajah 2.5 menerangkan komponen yang perlu ada dalam penilaian pelaksanaan PBD dalam kurikulum iaitu mengaitkan apa yang dirancang dengan aktiviti dan hasil atau impak yang dihasratkan melalui sesuatu kurikulum. Komponen tersebut dinyatakan dalam dua matrik dan tiga fasa penilaian.

Dua matrik penilaian ialah matrik deskripsi dan matrik pertimbangan. Matrik deskripsi merujuk kepada apa tujuan atau rancangan awal kurikulum dan pemerhatian apa yang sebenarnya berlaku. Manakala matrik pertimbangan merujuk kepada piawaian atau standard kurikulum yang dirujuk dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum atau pertimbangan sebenar semasa pelaksanaan (Popham, 1993).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala tiga fasa penilaian dalam setiap matrik ialah fasa input, fasa proses dan fasa hasil. Fasa input merujuk kepada keadaan yang wujud sebelum pelaksanaan sesuatu kurikulum yang mempunyai kaitan dengan hasil seperti persekitaran institusi atau sekolah, tradisi dan nilai institusi atau sekolah, tingkah laku murid, pengalaman lalu murid, minat murid, dan kesediaan murid.

Fasa proses merujuk kepada semua aktiviti yang terlibat dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum seperti interaksi dan aliran komunikasi antara pelajar dengan guru, pelajar dengan pelajar, pelajar dengan bahan kurikulum, pelajar dengan persekitaran pembelajaran, guru dengan ibu bapa dan pelajar dengan ibu bapa.

Fasa hasil merujuk kepada kesan atau impak hasil daripada pelaksanan sesuatu kurikulum. Hasil boleh dalam bentuk jangka pendek atau sementara dan hasil jangka panjang (Popham, 1993; Stake, 1967).

Kontingensi (*contingencies*) terdiri daripada kontingensi logik dan kontigensi empirikal. Kontigensi logik adalah hasil pertimbangan penilai terhadap kesesuaian logik antara input dengan proses dan hasil. Ini adalah pertimbangan pertama yang harus dilakukan oleh penilai.

Seterusnya penilai akan membuat pertimbangan empirikal berdasarkan data yang diperoleh di tempat kajian, antara input, proses dan hasil. Selain mencari kontingensi, penilai kemudian memberikan pertimbangan mengenai perbezaan (*congruence*) atau kesesuaian yang berlaku antara apa yang dirancang dengan apa yang sebenarnya berlaku dalam kajian (Wood, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam kajian yang dijalankan ini, penumpuan hanya kepada matrik deskripsi dan kontingensi iaitu kontingensi logik dan kontigensi empirikal. Pertimbangan penyelidik terhadap kesesuaian kontigensi logik antara fasa input dengan fasa proses dan fasa hasil jangka pendek dalam pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT di sekolah menengah harian adalah pertimbangan pertama yang harus dilakukan oleh penyelidik.

Fasa input dan fasa proses merupakan *intended* bagi kajian ini, melibatkan konstuk pengetahuan asas guru, pengetahuan murid, kefahaman murid, kemudahan dan sumber, aktiviti pelaksanaan PBD serta tanggungjawab murid.

Manakala fasa hasil jangka pendek (*outcomes*) iaitu peningkatan pengetahuan dan peningkatan kemahiran guru serta pembentukan sikap positif murid merupakan *observation* yang diperhatikan hasil daripada pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT di sekolah menengah harian yang dikaji dalam kajian ini. Justeru itu, penyelidik membina satu kerangka konseptual kajian penilaian ini seperti dalam Rajah 2.6.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.6 Kerangka Konseptual Kajian

Sumber: Adaptasi daripada Stake (1967)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.12 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan pelbagai definisi, pendekatan dan model penilaian kurikulum yang diperkenalkan oleh pakar penilaian. Kupasan dan penghuraian berkaitan model penilaian dibincang dengan teliti bagi tujuan untuk memberi penjelasan berkaitan model dan fungsi kepenggunaan setiap model tersebut dalam membuat penilaian kurikulum. Tinjauan literatur berkaitan penggunaan Model Stake *Countenance* turut dihuraikan, di samping penerangan persoalan kajian dari aspek input seperti pengetahuan asas guru, pengetahuan dan kefahaman murid serta kemudahan dan sumber. Fasa proses seperti aktiviti dalam pelaksanan PBD dan tanggungjawab murid dalam pelaksanaan PBD. Fasa hasil jangka pendek seperti peningkatan pengetahuan guru, peningkatan kemahiran guru dan sikap positif murid. Kekangan dalam pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT turut dihuraikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, alat atau instrumen yang digunakan bagi pengumpulan data dalam kajian ini. Selain itu prosedur pengumpulan dan penganalisisan data turut dibincangkan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah satu tatacara pengolahan dan pengutipan data berdasarkan perancangan yang dilakukan secara khusus dan sistematik dalam membentuk hubungan antara variabel yang terlibat dalam sesuatu kajian (Ary, Jacobs, Irvine, & Walker, 2018). Ia juga merujuk kepada prosedur atau teknik yang digunakan oleh penyelidik bagi menjawab persoalan kajian (Muhammad, 2017).

Manakala Creswell (2012) berpendapat reka bentuk kajian boleh membantu penyelidik mengumpul, menganalisis, dan mentafsir data sama ada secara kuantitatif atau kualitatif dengan lebih sistematik.

Kajian ini merupakan kajian penilaian kurikulum berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan bagi tujuan menilai pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT di sekolah menengah harian supaya maklumat kajian yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diperolehi dapat digunakan bagi membuat keputusan ke arah penambah baik pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT pada masa hadapan.

Menurut Rossi (2018) penilaian kurikulum atau program pendidikan secara umumnya melibatkan penilaian salah satu atau lebih daripada lima komponen program iaitu pertama, keperluan program, kedua, reka bentuk program, ketiga, pelaksanaan program dan penyampaian perkhidmatan, keempat, kesan dan hasil program dan kelima, kecekapan program.

Terdapat pelbagai model penilaian kurikulum dan program pendidikan seperti Model Tyler (1949), Model Diskrepensi Provus (1971), Model CIPP (1971) dan Model *Goal Free Evaluation* (1974). Namun begitu, kajian ini memilih Model Stake *Countenance* (1967) sebagai model penilaian kerana Model Stake *Countenance* (1967) membolehkan penyelidik membuat kajian pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT secara sistematik yang menekan kepada aspek penambah baik sesuatu pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Populasi Kajian

Populasi merujuk kepada kumpulan individu yang mempunyai ciri yang sama bertepatan dengan tujuan kajian yang dijalankan (Creswell, 2012). Populasi juga merujuk kepada kumpulan individu yang memberikan hasil kajian yang boleh digeneralisasikan (Gay & rakan, 2012). Populasi melibatkan kumpulan yang mempunyai ciri tertentu yang menunjukkan cerapan atau ukuran tertentu yang ingin dikaji oleh penyelidik (Fraenkel, Wallen, & Hyun, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gay & Airasian (2012) menegaskan bahawa pemilihan populasi secara umumnya adalah realistik iaitu mudah dicapai dan bukanya idealistik. Justeru itu, populasi kajian ini ialah guru yang mengajar mata pelajaran SRT dan murid yang sedang mengikuti kurikulum mata pelajaran SRT di 35 buah sekolah menengah harian di Negeri Kelantan.

Berdasarkan data populasi guru mata pelajaran SRT dan murid yang mengambil mata pelajaran SRT yang diberi oleh Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, KPM, populasi guru yang mengajar mata pelajaran SRT di Negeri Kelantan adalah seramai 45 orang guru dan murid yang mengambil mata pelajaran SRT adalah seramai 1148 orang murid iaitu seramai 569 orang murid Tingkatan Empat dan 579 orang murid Tingkatan Lima (JPNK, 2019). Penyelidik tidak memilih murid Tingkatan Lima yang mengambil mata pelajaran SRT kerana faktor peraturan yang telah ditetapkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM, yang tidak membenarkan kajian dijalankan ke atas murid yang terlibat dengan peperiksaan awam iaitu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Memandangkan jumlah guru mata pelajaran Sains Rumah Tangga yang terlibat adalah kecil, maka penyelidik mengambil semua guru dan pemilihan sampel murid penyelidik memilih semua murid Tingkatan Empat.

Menurut Fraenkel & rakan (2014) jika penyelidik mengambil kesemua individu dalam populasi yang hendak dikaji sebagai sampel kajian, maka ia dinamakan sebagai *target population* di mana populasi itu mempunyai ciri responden yang diinginkan dalam kajian. Tambah mereka lagi sesuatu pemilihan keseluruhan kepada subjek ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bilangannya boleh diuruskan, diperolehi atau *accessible population* dan boleh digeneralisasikan serta tidak terbatas kepada sampel dan terjamin.

Justeru itu, kajian ini menggunakan *target population* untuk mendapatkan suatu kajian yang boleh digeneralisasikan seperti yang diterangkan oleh Abdul Fatah dan Mohd Majid (1993) bahawa terdapat empat langkah yang perlu dilakukan dalam membuat pemilihan sampel yang terbaik iaitu; (i) Mendefinisikan populasi. (ii) Mendapatkan satu senarai yang tepat dan lengkap dalam populasi. (iii) Memilih unit yang mewakili daripada senarai tersebut. (iv) Mendapatkan sampel yang cukup besar untuk mewakili ciri populasi yang berkenaan.

3.4 Sampel Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pensampelan adalah proses memilih sekumpulan individu dari sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian. Sekumpulan individu yang diambil melalui persampelan bagi mewakili sesuatu populasi yang dikaji atau sebahagian individu dalam populasi dijadikan sampel kajian (Fraenkel & rakan., 2014; Mohd Majid, 1993).

Manakala Levin & Rubin (1994) menyatakan sampel sebagai pengumpulan sebahagian tetapi bukan semua unsur populasi yang dikaji dan digunakan untuk menerangkan populasi. Pendapat ini disokong oleh Jackson (2015) yang menyatakan sampel merupakan subkumpulan populasi yang sebenarnya terlibat dalam sesuatu kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu, kaedah pensampelan yang dipilih haruslah tepat kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Kualiti hasil kajian bergantung pada pensampelan kajian (Fraenkel & rakan, 2014; Mohd Najib, 2003).

Pemilihan teknik pensampelan yang sesuai adalah bergantung pada tujuan dan objektif penyelidik. Menurut Sapsford & Jupp (2006) terdapat dua ciri utama sampel yang baik, pertama, representatif iaitu sampel yang dipilih benar-benar mewakili populasi dan kedua, kecukupan iaitu sampel yang dipilih dapat menggambarkan ciri parameter kajian.

Populasi dalam kajian ini terdiri daripada guru mata pelajaran SRT dan murid yang mengambil mata pelajaran SRT di sekolah menengah harian di Negeri Kelantan. Oleh itu, penyelidik menggunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) bukan kebarangkalian kerana tidak terdapat perbandingan dalam demografi yang diuji.

Creswell (2012) menyatakan pemilihan pensampelan bertujuan dari pelbagai latar belakang juga dikenali sebagai (*maximal variation sampling*) adalah bagi membolehkan pengkaji mendapat data yang bermakna. Menurut beliau lagi, kriteria lain pemilihan sampel ini adalah dapat meminimumkan kos, meningkatkan kebolehpercayaan hasil kajian serta mencakupi elemen dalam populasi yang diwakili oleh sampel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan faktor yang dinyatakan di atas penyelidik memilih guru mata pelajaran SRT dan murid Tingkatan Empat yang mengambil mata pelajaran SRT di Negeri Kelantan sebagai sampel kajian.

Setelah pemilihan negeri dibuat, penyelidik memilih jumlah sampel berpandukan penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970) yang menetapkan jumlah sampel berdasarkan populasi. Saiz sampel bagi populasi berjumlah 45 ialah 40 orang dan populasi 1148 ialah 288 orang. Namun, bilangan sampel yang dipilih oleh penyelidik adalah 45 orang guru mata pelajaran SRT dan 569 orang murid mata pelajaran SRT Tingkatan Empat kerana saiz sampel yang melebihi had akan lebih dipercayai dan menyakinkan (Gay & Airasian 2012).

Penyelidik berpendapat bahawa bilangan sampel ini adalah mencukupi bagi mewakili populasi selari dengan saranan Sudman (1976) yang menyatakan bahawa bilangan sampel di antara 200 hingga 500 adalah bersesuaian bagi kajian tinjauan. Pemilihan sampel secara keseluruhannya ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1 Saiz Sampel Mengikut Jumlah Populasi

N	***S***	***N***	***S***	***N***	***S***
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	**40**	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380
190	127	950	274	50000	381
200	132	1000	278	75000	382
210	136	**1100**	**285**	1000000	384

N: Populasi
S: Saiz Sampel

Sumber: Krejcie & Morgan (1970)

Secara keseluruhannya sampel kajian ini adalah 614 orang dijadikan sebagai responden kajian iaitu 45 orang responden guru dan 569 orang responden murid.

3.5 Kaedah Pengumpulan Data Kajian

Pengumpulan data didefinisikan sebagai pelbagai maklumat yang diperolehi oleh penyelidik berkaitan dengan kajian yang dijalankan (Fraenkel & rakan, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Gunasegaran (2014) data kajian adalah dalam bentuk angka yang dikutip oleh penyelidik melalui soal selidik.

Justeru itu, penyelidik mengutip data kuantitatif melalui soal selidik kerana kajian ini melibatkan penggunaan instrumen deskriptif dan inferensi serta melibatkan penggunaan bilangan sampel yang ramai. Ini juga selari dengan pendapat Ramlah (2016) yang menyatakan penggunaan soal selidik sangat sesuai kerana ia mudah ditadbir dan senang dianalisis dengan menggunakan instrumen.

3.5.1 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik sebagai alat kajian untuk mengumpul maklumat tentang pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT di sekolah menengah kebangsaan harian. Menurut Mohd Najib (2003) soal selidik boleh dibina dengan menggunakan tiga cara iaitu pertama, menggunakan soal selidik sedia ada, kedua, mengubah suai soal selidik dan ketiga, membina sendiri soal selidik.

Oleh yang demikian, item soal selidik guru dan soal selidik murid yang digunakan dalam kajian ini adalah ubah suai daripada soal selidik yang digunakan oleh Jamil (2002), Mohd Najib (2011), Ura (2012), Gunasegaran (2014) , Noraini & Zamri (2016) dan Ramlah (2016) serta Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran mata pelajaran SRT Tingkatan Empat (2015) dijadikan sebagai panduan. Disamping itu penyelidik juga merujuk kepada pakar dalam bidang mata pelajaran SRT. Menurut Hayes (2000) tiga prinsip pembinaan item soal selidik ialah pertama, penyataan boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapatkan ciri yang dikehendaki. Kedua, konsep atau kata kunci yang digunakan difahami oleh responden dan ketiga, Penyataan dapat diukur secara kuantitatif.

Set soal selidik guru mengandungi lima bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C, bahagian D dan bahagian E. Manakala set soal selidik murid mata pelajaran SRT mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Kandungan lengkap soal selidik dan konstruk yang diukur adalah seperti dalam jadual 3.2 dan jadual 3.3.

Jadual 3.2 Kandungan Soal Selidik Guru Mata Pelajaran SRT

Bahagian	**Aspek/Konstruk yang Diukur**	**Bil. Item**	**Item**	**Sumber**
Bahagian A	Maklumat Demografi	9	A1-A9	Jamil (2002) Ramlah (2016)
Bahagian B Fasa Input (*Antecedents*)	Input Pengetahuan Guru			
	Standard Prestasi	6	B10-B15	Ramlah (2016)
	i. Aras Taksonomi Bloom	6	B16-B21	Ramlah (2016)
	ii. Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)	5	B22-B26	Mohd Najib (2011) Ramlah (2016)
	iii. Kaedah Pemarkahan	4	B27-B30	Ramlah (2016)
	iv. Etika Penilaian	7	B31-B37	Ramlah (2016)
	v. Input Kemudahan dan Sumber	9	B38-B46	Ura (2012 Ramlah (2016)
Bahagian C Fasa Proses (*Transactions*)	Pelaksanaan PBD			
	i. Membuat Perancangan	5	C47-C50	Mohd Najib (2011) DSKP, BPK (2015) Ramlah (2016)
	ii. Mentadbir Ujian	6	C51-C56	Mohd Najib (2011) DSKP, BPK (2015) Ramlah (2016)
	iii. Menganalisis Evidens dan Mengaplikasi Maklumat Pentaksiran	4	C57-C60	Mohd Najib (2011) DSKP, BPK (2015) Ramlah (2016)

bersambung…

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

… sambungan Jadual 3.2

	iv. Membuat Perekodan dan pelaporan	2	C61-C64	Mohd Najib (2011) DSKP, BPK (2015) Ramlah (2016)
Bahagian D Fasa Hasil	i. Pengetahuan Guru	8	D65-D72	Ramlah (2016)
	ii. Kemahiran Guru	8	D73-D80	Ramlah (2016)
Bahagian E	Kekangan Pelaksanaan PBD			
	i. Aspek Pelaksana (Guru)	3	E81-E83	Gunasegaran (2014) Ramlah (2016)
	ii. Aspek Pentadbiran	6	E84-E88	Ura (2012) Gunasegaran (2014) Ramlah (2016)
	iii. Aspek Murid Mata Pelajaran SRT	5	E89-E93	Gunasegaran (2014)
	iv. Aspek Masa	4	E94-E98	Ura (2012) Gunasegaran (2014) Ramlah (2016)

Jadual 3.3 Kandungan Soal Selidik Murid Mata Pelajaran SRT

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian	**Aspek/Konstruk yang Diukur**	**Bil. Item**	**Item**	**Sumber**
Bahagian A	Maklumat Demografi	5	A1-A5	Jamil (2002) Gunasegaran (2014) Ramlah (2016)
Bahagian B Fasa Input (*Antecedents*)	i. Pengetahuan Murid	10	B6-B12	Noraini & Zamri (2016) Ramlah (2016)
	ii. Kefahaman Murid	10	B13-B22	Noraini & Zamri (2016)
Bahagian C Fasa Proses (*Transactions*)	Tanggungjawab murid	5	C23-C27	Noraini & Zamri (2016)
Bahagian D Fasa Hasil Jangka Pendek (*Outcomes*)	Sikap Positif Murid	15	D28-D42	Ramlah (2016) Noraini & Zamri (2016)

Kedua set soal selidik yang digunakan iaitu Soal Selidik Guru mata pelajaran SRT dan Soal Selidik Murid mata pelajaran SRT menggunakan skala Likert 5 mata. Ini selaras dengan pandangan McMillan & Schumacher (2014) yang menyatakan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penilaian pandangan dan kepercayaan adalah agak tepat dengan menggunakan skala Likert 5 mata dalam soal selidik.

Manakala penggredan yang digunakan bergantung kepada penyataan dalam soal selidik. Dalam kajian ini penggredan yang dicadangkan oleh Vagias (2006) digunakan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4 Respons dan Skala Mengikut Konstruk

Skala Likert	Konstruk
1-Sangat Tidak Tahu 2-Tidak Tahu 3-Kurang Tahu 4-Tahu 5-Sangat Tahu	• Input Pengetahuan (Soal Selidik Guru)
1-Sangat Tidak Setuju 2-Tidak Setuju 3-Kurang Setuju 4-Setuju 5-Sangat Setuju	• Input Kemudahan dan Sumber (Soal Selidik Guru) • Input Kekangan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah • Input Pengetahuan & Kefahaman (Soal Selidik Murid) • Fasa Hasil Sikap Positif (Soal Selidik Murid)
1-Tidak Pernah 2-Pernah 3-Sekali Sekala 4-Kerap Kali 5-Sentiasa	• Fasa Proses Pelaksanaan Pentaksiran (Soal Selidik Guru) • Fasa Proses Tanggungjawab Murid (Soal Selidik Murid)
1-Sangat Lemah 2-Lemah 3-Sederhana 4-Tinggi 5-Sangat Tinggi	• Fasa Hasil Peningkatan Pengetahun (Soal Selidik Guru)
1-Sangat Tidak Mahir 2-Tidak Mahir 3-Kurang Mahir 4-Mahir 5-Sangat Mahir	• Fasa Hasil Peningkatan Kemahiran (Soal Selidik Guru)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan satu kajian permulaan yang dijalankan secara kecil-kecilan sebelum kajian sebenar dijalankan bagi menguji dan membina keberkesanan alat kajian. Menurut McMillan (2015) kajian rintis berfungsi bagi menilai kesesuaian soalan, kefahaman, mengetahui reaksi responden, maksud item dalam alat kajian dan jangka masa yang diperlukan dalam menjalankan kajian serta menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Di samping itu, kajian rintis juga boleh mengenal pasti masalah yang mungkin akan timbul dalam kajian sebenar.

Bilangan sampel yang digunakan dalam kajian rintis biasanya tidak kurang daripada 20 orang sampel (McDermott & Sarvela, 1998). Manakala Bernard (2013) mencadangkan enam hingga 10 sampel tetapi ini akan menimbulkan masalah dalam menentukan kebolehpercayaan melalui perkiraan *Cronbach Alpha* kerana bilangannya yang kecil.

Sehubungan itu, penyelidik telah memilih 10 orang guru dan 30 orang murid mata pelajaran SRT di Negeri Perak sebagai sampel kajian bagi melengkapkan soal selidik. Bilangan ini telah memenuhi bilangan minimum yang ditetapkan dalam sesebuah kajian rintis.

Kajian rintis telah dijalankan pada minggu ke tiga dan ke empat bulan Mei 2019 bagi tujuan menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, kefahaman sampel dalam aspek ketepatan, kesesuaian istilah, struktur ayat dan penggunaan bahasa. Penyelidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga dapat menganggarkan tempoh masa yang diperlukan oleh seseorang responden bagi menjawab soal selidik melalui kajian selidik yang telah dijalankan.

Kaedah kajian yang digunakan untuk kajian rintis ini adalah sama dengan kaedah yang digunakan dalam kajian sebenar. Penyelidik mengedarkan sendiri soal selidik kepada setiap sampel. Sampel diberi penerangan tentang objektif penilaian pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT. Sekiranya terdapat item yang kurang difahami, guru dan murid boleh bertanya secara langsung kepada penyelidik.

Menurut Fraenkel & rakan (2014) kaedah ini merupakan cara yang berkesan bagi mendapatkan maklum balas tentang item soal selidik yang disediakan. Masa yang digunakan bagi menjawab soal selidik guru adalah 40 minit manakala soal selidik murid adalah 20 minit.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kesahan (*validity*) didefinisikan sebagai ketepatan (*appropriateness)*, kebenaran (*truthfulness*), bermakna (*meaningfulness*) dan keboleh gunaan (*usefulness*) instrumen yang membolehkan data yang dikumpul boleh dibuat kesimpulan oleh penyelidik Fraenkel & rakan (2014). Kesahan merujuk kepada sejauh mana sesuatu instrumen itu mengukur data yang sepatutnya hendak diukur. Justeru itu, keupayan sesuatu alat mengukur dengan tepat sesuatu variabel yang telah ditentukan oleh penyelidik, dianggap sah sebagai alat pengukur bagi variabel tersebut (Majid Konting, 1993).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesahan juga merujuk kepada sejauh mana alat kajian atau instrumen mengukur apa yang sepatutnya diukur (Pallant 2016; Ary & rakan, 2018). Justeru itu, penyelidik menyimpulkan kesahan instrumen merupakan aspek penting yang perlu diberikan penekanan bagi memastikan kejituan instrumen daripada terdedah kepada sebarang kecacatan dan seterusnya berupaya mengukur variabel yang ditetapkan dengan tepat.

Kesahan instrumen boleh ditentukan dengan kesahan muka, kesahan kandungan dan kesahan konstruk dan kesahan kriteria. Menurut Fraenkel & rakan (2014) terdapat tiga jenis kesahan yang amat penting iaitu kesahan kandungan, kesahan konstruk dan kesahan kriteria. Oleh yang demikian, dalam kajian ini penyelidik menguji kesahan instrumen dari segi kesahan muka, kesahan kandungan dan kesahan kriteria.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesahan muka instrumen soal selidik dilakukan bertujuan untuk menyemak kesalahan ejaan dan pertindihan item. Justeru itu, bagi tujuan kesahan muka penyelidik telah merujuk kepada dua orang rakan pelajar Doktor Falsafah untuk menyemak soal selidik kajian ini.

Kesahan kandungan pula dilakukan bagi tujuan untuk memastikan ketepatan dan kecukupan kandungan item yang digunakan dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur. Kesahan kandungan boleh dilakukan dengan merujuk kepada sekumpulan pakar rujuk (*expert judgment*) bagi menilai ketepatan variabel yang diukur (Fraenkel & rakan 2014; Ary & rakan, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, penyelidik telah merujuk kepada empat orang pakar iaitu seorang pensyarah kanan, dua orang guru mata pelajaran SRT dan seorang guru Bahasa Melayu bagi menyemak sama ada item yang dibina mencukupi dan menepati bagi mengukur pelaksanaan PBD dalam aspek input (pengetahuan guru, pengetahuan murid, kefahaman murid dan kemudahan sumber), proses (aktiviti pelaksanaan PBD dan tanggungjawab murid) dan hasil jangka pendek (peningkatan pengetahuan, peningkatan kemahiran dan sikap positif murid). Kepakaran panel pakar rujuk kesahan kandungan ditunjukkan dalam Jadual 3.5.

Jadual 3.5 Kepakaran Panel Pakar Rujuk Kesahan Kandungan Instrumen Soal Selidik

Bil.	Panel Pakar	Kepakaran Panel Pakar Rujuk
1	Pakar 1	Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional (Sains Rumah Tangga). Berpengalaman selama 15 tahun dalam bidang Pendidikan Sains Rumah Tangga. Seorang pensyarah kanan yang bertugas sebagai Ketua Jabatan Keluarga dan Sains Konsumer, Fakulti Teknikal dan Vokasional, UPSI.
2	Pakar 2	Berkelulusan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (Sains Rumah Tangga). Berpengalaman mengajar selama 31 tahun di sekolah menengah bagi mata pelajaran Sains Rumah Tangga. Seorang guru penolong yang bertugas sebagai ketua panitia Teknikal dan Vokasional di SMK. Tengku Panglima Raja, Pasir Mas, Kelantan.
3	Pakar 3	Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Rumah Tangga). Berpengalaman mengajar selama 17 tahun di sekolah menengah bagi mata pelajaran Sains Rumah Tangga. Seorang guru penolong yang bertugas di SMK Geting, Tumpat, Kelantan.
4	Pakar 4	Berkelulusan Ijazah Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu). Berpengalaman selama 11 tahun dalam bidang Bahasa Melayu. Seorang guru bahasa yang bertugas sebagai Ketua Unit Bahasa Melayu, Pusat Bahasa & Pengajian Umum, UPSI.

Kesahan Kandungan instrumen soal selidik telah diedarkan kepada empat panel pakar pada minggu ke dua Mei 2019. Keputusan penilaian pakar telah dikumpul dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dianalisis. Hasil keputusan adalah dalam bentuk peratusan seperti yang dicadangkan oleh Sidek & Jamaludin (2005) menggunakan formula seperti dalam Rajah 3.1.

$$\frac{\text{Jumlah skor pandangan pakar (x)}}{\text{Jumlah keseluruhan skor (y)}} \text{ X } 100 = \text{Skor Kesahan Kandungan}$$

Rajah 3.1 Formula Kesahan Kandungan Sidek & Jamaludin (2005)

Pakar berpendapat bahawa kesahan kandungan soal selidik adalah tinggi sekiranya pekali kesahan .70 ke atas atau menghasilkan 70 peratus ke atas (Sidek Noah & Jamaludian Ahmad, 2005; Jamaludin Ahmad , 2002; dan Tuckman & Waheed, 1981). Sehubungan itu, hanya item yang mempunyai 70% persetujuan pakar sahaja yang diterima dalam kajian ini. Hasil keputusan penilaian pakar secara keseluruhan pada item soal selidik dan pembentukan konstruk ditunjuk seperti di lampiran J.

Berdasarkan kepada penilaian dan cadangan oleh panel pakar, terdapat subkonstruk dan item perlu digugur dan diperbaiki. Cadangan panel pakar dan penambah baik soal selidik ditunjuk dalam Jadual 3.6 dan Jadual 3.7.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.6 Item yang Digugurkan Berdasarkan Cadangan Penilaian Pakar

Konstruk	Subkonstruk	Penyataan Item	Komen Pakar
Kekangan Pelaksanaan	Kekangan dari Aspek Kurikulum	Matlamat kurikulum mata pelajaran SRT sukar difahami.	Kurang menepati Konstruk
		Matlamat kurikulum mata pelajaran SRT yang hendak dicapai terlalu ideal.	Kurang menepati konstruk
		Kandungan kurikulum mata pelajaran SRT terlalu luas.	Kurang menepati Konstruk
		Kandungan kurikulum mata pelajaran SRT sukar difahami.	Kurang menepati Konstruk
		Kandungan kurikulum mata pelajaran SRT terlalu teoritikal.	Kurang menepati Konstruk
		Objektif kurikulum mata pelajaran SRT yang hendak dicapai terlalu banyak.	Kurang menepati konstruk
	Kekangan dari Aspek Pelaksana (Guru)	Strategi Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran SRT yang bukan kebiasaan.	Kurang menepati konstruk
		Tidak mahir mendapatkan maklumat daripada internet.	Kurang menepati Konstruk
		Bukan pengkhususan Sains Rumah Tangga/Ekonomi Rumah Tangga.	Kurang menepati konstruk
		Tidak mahir menggunakan peralatan mata pelajaran SRT.	Kurang menepati Konstruk
	Kekangan dari Aspek Modul Pembelajaran Mata Pelajaran Sains Rumah Tangga	Kandungan modul pembelajaran mata pelajaran SRT sukar difahami oleh murid.	Kurang menepati konstruk
		Kandungan modul pembelajaran mata pelajaran SRT sukar untuk difahami oleh guru.	Kurang menepati konstruk
		Panduan kerja untuk melakukan aktiviti dalam modul pembelajaran SRT tidak jelas.	Kurang menepati konstruk
		Aktiviti yang terkandung dalam modul pembelajaran mata pelajaran SRT mengambil masa yang lama untuk diselesaikan.	Kurang menepati konstruk
	Kekangan dari Aspek Murid Mata Pelajaran SRT	Murid Mata Pelajaran SRT tidak bertanggung jawab terhadap keselamatan diri.	Kurang menepati konstruk
		Murid Mata Pelajaran SRT tidak bertanggung jawab terhadap keselamatan rakannya.	Kurang menepati konstruk
	Kekangan dari Aspek Kewangan (PCG)	Peruntukan kewangan (PCG) untuk Mata Pelajaran SRT adalah tidak mencukupi.	Kurang menepati konstruk
		Peruntukan kewangan (PCG) Mata Pelajaran SRT lambat sampai ke sekolah.	Kurang menepati konstruk

bersambung…

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

…sambungan Jadual 3.6

		Permohonan sumber kewangan (PCG) untuk urusan pembelian bahan habis guna Mata Pelajaran SRT lambat mendapat kelulusan.	Kurang menepati konstruk
		Rekod baki kewangan (PCG) Mata Pelajaran tidak dapat dirujuk dengan mudah.	Kurang menepati konstruk
		Kewangan (PCG) Mata Pelajaran SRT digunakan untuk urusan lain (bukan untuk Mata Pelajaran SRT).	Kurang menepati konstruk
	Kekangan dari Aspek Penjadualan Masa	Berlaku pertindihan jadual waktu untuk menggunakan bengkel Mata Pelajaran SRT.	Kurang menepati konstruk
		Penjadualan waktu mata Pelajaran SRT tidak sesuai untuk menjalankan aktiviti amali mata Pelajaran SRT.	Kurang menepati konstruk
		Penjadualan waktu mata Pelajaran SRT menjejaskan saya mengajar mata pelajaran lain.	Kurang menepati konstruk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7 Item yang Diperbaiki Berdasarkan Cadangan Panel Pakar

Konstruk	**Subkonstruk**	**Penyataan Item Asal**	**Penyataan Item setelah dibaiki**
Input	Pengetahuan	Saya mengetahui maksud Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).	Saya mengetahui maksud PBD.
		Sebelum ini saya sering mendengar tentang Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)	Sebelum ini saya sering mendengar tentang PBD.
		Saya tahu tentang Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) melalui guru saya.	Saya tahu tentang PBD melalui guru saya.
		Saya tahu tentang Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) melalui media massa.	Saya tahu tentang PBD melalui media massa.
		Saya mempunyai banyak maklumat tentang Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).	Saya mempunyai banyak maklumat tentang PBD.

bersambung…

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

…sambungan Jadual 3.7

	Saya telah baca maklumat tentang Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi meningkatkan pengetahuan saya.	Saya telah baca maklumat tentang PBD bagi meningkatkan pengetahuan saya.
	Saya tahu bahawa Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) tidak akan membebankan murid dalam pembelajaran.	Saya tahu bahawa PBD tidak akan membebankan murid dalam pembelajaran.
	Saya tahu bahawa Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) akan memudahkan lagi murid untuk Berjaya dalam pelajaran.	Saya tahu bahawa PBD akan memudahkan lagi murid untuk berjaya dalam pelajaran.
	Saya tahu bahawa Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) tidak akan menyukarkan murid untuk belajar.	Saya tahu bahawa PBD tidak akan menyukarkan murid untuk belajar.
	Saya tahu bahawa Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) akan lebih disukai oleh semua murid.	Saya tahu bahawa PBD akan lebih disukai oleh semua murid.
Kefahaman	Saya sentiasa memahami tujuan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) diwujudkan.	Saya sentiasa memahami tujuan PBD diwujudkan.
	Saya faham bahawa Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) akan menambah kerja rumah saya.	Saya faham bahawa PBD akan menambah kerja rumah saya.
	Kefahaman tentang Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) meningkatkan minat saya untuk belajar.	Kefahaman tentang PBD meningkatkan minat saya untuk belajar.
	Saya faham bahawa Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) memberi saya peluang untuk berfikir secara kreatif dan kritis.	Saya faham bahawa PBD memberi saya peluang untuk berfikir secara kreatif dan kritis.
	Saya faham cara untuk memperoleh band yang baik ketika ditaksir oleh guru.	Saya faham cara untuk memperoleh band yang baik ketika ditaksir oleh guru.
	Saya telah memahami setiap aras band dalam pentaksiran.	Saya telah memahami setiap aras band dalam pentaksiran.
	Pemahaman terhadap skor Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) menyebabkan saya banyak melakukan persediaan.	Pemahaman terhadap skor PBD menyebabkan saya banyak melakukan persediaan.

bersambung…

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

…sambungan Jadual 3.7

	Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) memyebabkan saya banyak menggunakan masa untuk sesuatu tugasan.	Pentaksiran Bilik Darjah memyebabkan saya banyak menggunakan masa untuk sesuatu tugasan.
	Saya faham bahawa setiap kerja sekolah perlu saya siapkan dengan bersungguh.	Saya faham bahawa setiap kerja sekolah perlu saya siapkan dengan bersungguh.
	Saya faham bahawa Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) boleh menjadikan saya murid berkualiti.	Saya faham bahawa PBD boleh menjadikan saya murid berkualiti.

Selain daripada itu beberapa cadangan panel pakar telah dimasukkan dalam set soal selidik iaitu definisi istilah teknikal dan meletakkan nombor pada kotak maklumat demografi.

Kesahan kriteria sesuatu instrumen soal selidik boleh diukur dengan melihat korelasi antara jumlah skor bagi setiap skor berkenaan. Menurut Nunnally (1978) kaedah analisis korelasi Pearson digunakan untuk melihat skor setiap item dengan jumlah skor mengikut konstruk. Beliau mencadangkan bahawa korelasi antara item dengan jumlah skor yang melebihi .25 adalah dikira sebagai satu nilai yang tinggi dalam penyelidikan pendidikan. Ini adalah kerana variabel yang agak kompleks dan adalah tidak munasabah untuk menjangkakan korelasi yang tinggi.

Justeru itu, nilai korelasi serendah .20 boleh diterima pakai. Sementara itu, Norusis (2008) menyatakan bahawa kesahan instrumen soal selidik boleh dilihat dengan nilai korelasi item yang diperbetulkan dengan jumlah skor (*Corrected Item Total Correlation*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, dalam kajian ini penyelidik menggunakan kaedah analisis korelasi dengan melihat nilai korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor mengikut konstruk yang telah ditetapkan bagi menentukan kesahan kriteria instrumen kajian.

Kebolehpercayaan merujuk kepada kestabilan dan ketekalan dalaman sesuatu instrumen dalam mengukur sesuatu konsep (Hardy & Bryman 2009). Manakala Fraenkel & rakan (2014) merujuk kebolehpercayaan sebagai keupayaan suatu kajian untuk memperoleh nilai yang sama apabila pengukuran yang serupa dilakukan berulang kali.

Ketekalan dalaman sesuatu instrumen boleh diukur dengan menggunakan kaedah *Cronbach Alpha*. Kaedah ini kerap digunakan oleh penyelidik yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian (Gay & Airasian 2012).

Nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* yang digunakan adalah antara 0.00 hingga 1.00 (Cohen & rakan, 2017). Menurut mereka lagi, jika nilai *Alpha* menghampari 1.00, instrumen itu mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi. Sekaran & Bougie (2019) menyatakan nilai *Cronbach Alpha* kurang daripada 0.60 adalah dianggap rendah dan tidak diterima dan nilai *Cronbach Alpha* antara 0.60 hingga 0.80 adalah diterima manakala nilai *Cronbach Alpha* yang melebihi 0.80 adalah dianggap baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu, dalam kajian ini penyelidik menggunakan nilai *Cronbach Alpha* 0.60 hingga ke atas seperti yang dicadangkan oleh Sekaran & Bougie (2019) bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian.

3.7.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen dalam Komponen Input (Soal Selidik Guru)

Instrumen bagi komponen input pelaksanaan PBD mengandungi dua aspek iaitu pengetahuan asas guru serta kemudahan dan sumber. Konstruk pengetahuan guru mempunyai lima subkonstruk iaitu Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, JSU, kaedah pemarkahan dan etika penilaian. Manakala konstruk kemudahan dan sumber mempunyai sembilan item. Korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor setiap item digunakan bagi melihat kesahan item soal selidik, manakala *Cronbach Alpha* digunakan bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan setiap konstruk tersebut. Hasil analisis adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.8.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.8 Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* Mengikut Konstruk Bagi Komponen Input Dalam Pelaksanaan PBD (Soal Selidik Guru)

Konstruk Input	**Item**	**Korelasi Item dengan Jumlah Skor**	**Nilai *Alpha* Jika Item Digugurkan**	**Nilai *Alpha* Keseluruhan**
1.1. Pengetahuan asas guru				
1.1a. Standard Prestasi	B10	.727	.858	.883
	B11	.637	.878	
	B12	.788	.847	
	B13	.641	.872	
	B14	.720	.859	
	B15	.710	.860	
1.1b. Aras Taksonomi Bloom	B16	.230	.690	.673
	B17	.230	.690	
	B18	.628	.572	
	B19	.495	.597	
	B20	.501	.596	
	B21	.408	.630	
1.1c. Jadual Spesifikasi Ujian	B22	.825	.825	.944
	B23	.921	.921	
	B24	.921	.921	
	B25	.890	.890	
	B26	.778	.778	
1.1d. Kaedah pemarkahan	B27	.846	.888	.921
	B28	.800	.903	
	B29	.800	.903	
	B30	.827	.895	
1.1e. Etika penilaian	B31	.731	.955	.950
	B32	.673	.955	
	B33	.959	.931	
	B34	.959	.931	
	B35	.726	.951	
	B36	.907	.935	
	B37	.959	.931	
1.3. Kemudahan dan sumber	B38	.729	.908	.917
	B39	.765	.906	
	B40	.703	.910	
	B41	.960	.887	
	B42	.826	.899	
	B43	.541	.917	
	B44	.748	.904	
	B45	.503	.920	
	B46	.798	.906	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 3.8, didapati nilai korelasi antara skor item dengan jumlah skor bagi konstruk pengetahuan asas guru berkaitan Standard Prestasi ialah antara .637 hingga .788, aras Taksonomi Bloom ialah antara .230 hingga .628, JSU ialah antara .778 hingga .921, kaedah pemarkahan ialah antara .800 hingga .846, etika penilaian ialah antara .726 hingga .959 dan konstruk kemudahan dan sumber ialah antara .503 hingga .960. Nilai korelasi yang ditunjukkan adalah lebih daripada .20 seperti yang dicadangkan oleh Nunnally (1978). Oleh yang demikian, item tersebut boleh diterima dan mempunyai kesahan yang tinggi bagi mengukur setiap aspek dalam komponen input pelaksanaan PBD.

Manakala bagi kebolehpercayaan item, indeks kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* bagi konstruk pengetahuan asas guru berkaitan Standard Prestasi (6 item) ialah .883, Aras Taksonomi Bloom (6 item) ialah .673, JSU (5 item) ialah .944, kaedah pemarkahan (4 item) ialah .921, etika penilaian (7 item) ialah .950 dan konstruk kemudahan dan sumber (9 item) ialah .917. Nilai indeks kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* yang ditunjukkan adalah tinggi dengan nilai antara .673 hingga .950 dan ini melebihi nilai *Cronbach Alpha* .60 seperti yang dicadangkan oleh Sekaran & Bougie (2019). Oleh itu, item bagi konstruk tersebut boleh diterima pakai.

3.7.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen dalam Komponen Proses (Set Soal Selidik Guru)

Instrumen bagi komponen proses mengandungi satu konstruk iaitu aktiviti pelaksanaan PBD. Konstruk aktiviti pelaksanaan PBD mengandungi empat subkonstruk iaitu membuat perancangan, mentadbir ujian, menganalisis eviden dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengaplikasi maklumat pentaksiran serta membuat perekodan dan pelaporan. Korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor setiap item digunakan bagi melihat kesahan item soal selidik, manakala *Cronbach Alpha* digunakan bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan setiap konstruk tersebut. Hasil analisis adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.9.

Jadual 3.9 Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* Mengikut Konstruk Bagi Komponen Proses Dalam Pelaksanaan PBD (Soal Selidik Guru)

Konstruk Proses	**Item**	**Korelasi Item dengan Jumlah Skor**	**Nilai *Alpha* Jika Item Digugurkan**	**Nilai *Alpha* Keseluruhan**
2.1. Aktiviti Pelaksanaan PBD				
2.1a. Membuat perancangan	C47	.692	.809	.834
	C48	.694	.778	
	C49	.811	.723	
	C50	.597	.837	
2.1b. Mentadbir ujian	C51	.685	.868	.885
	C52	.410	.903	
	C53	.896	.829	
	C54	.787	.851	
	C55	.691	.867	
	C56	.731	.860	
2.1c. Menganalisis eviden dan mengaplikasikan maklumat	C57	.425	.810	.785
	C58	.608	.723	
	C59	.560	.748	
	C60	.868	.559	
2.1d.Membuat perekodan dan pelaporan	C61	.943	.870	.928
	C62	.829	.909	
	C63	.943	.870	
	C64	.638	.966	

Berdasarkan Jadual 3.9 didapati nilai korelasi antara skor item dengan jumlah skor konstruk aktiviti pelaksanaan PBD berkaitan proses membuat perancangan ialah antara .597 hingga .811, mentadbir ujian ialah antara .410 hingga .896, menganalisis eviden dan mengaplikasi maklumat pentaksiran ialah antara .42 hingga .868 dan akhir sekali membuat perekodan dan pelaporan ialah antara .638 hingga .943. Nilai korelasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah lebih daripada .20 seperti yang dicadangkan oleh Nunnally (1978). Justeru itu, item tersebut boleh diterima dan mempunyai kesahan yang tinggi bagi mengukur setiap aspek dalam komponen proses pelaksanaan PBD.

Manakala aspek kebolehpercayaan item, indeks kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* bagi proses membuat perancangan (4 item) ialah .834, mentadbir ujian (6 item) ialah .885, menganalisis eviden dan mengaplikasi maklumat pentaksiran (4 item) ialah .785 dan akhir sekali membuat perekodan dan pelaporan (4 item) ialah .928. Indeks kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* ini adalah tinggi iaitu antara .785 hingga .928 dan ini melebihi nilai *Cronbach Alpha* .60 hingga ke atas seperti yang dicadangkan oleh Sekaran & Bougie (2019). Oleh itu, item bagi konstruk tersebut boleh diterima pakai.

3.7.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen dalam Komponen Hasil Jangka Pendek (Soal Selidik Guru)

Instrumen bagi komponen hasil jangka pendek mengandungi tiga konstruk iaitu peningkatan pengetahuan guru, peningkatan kemahiran guru dan pembentukan sikap positif guru. Korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor setiap item digunakan bagi melihat kesahan item soal selidik, manakala *Cronbach Alpha* digunakan bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan setiap konstruk tersebut. Hasil analisis adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.10.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.10 Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* Mengikut Konstruk Bagi Komponen Hasil Dalam Pelaksanaan PBD (Soal Selidik Guru)

Konstruk Hasil	**Item**	**Korelasi Item dengan Jumlah Skor**	**Nilai *Alpha* Jika Item Digugurkan**	**Nilai *Alpha* Keseluruhan**
3.1a. Peningkatan pengetahuan guru	D65	.253	.873	.848
	D66	.595	.831	
	D67	.795	.806	
	D68	.917	.795	
	D69	.710	.821	
	D70	.666	.820	
	D71	.563	.833	
	D72	.386	.852	
3.1b.Peningkatan kemahiran guru	D73	.874	.933	.944
	D74	.773	.938	
	D75	.803	.937	
	D76	.856	.932	
	D77	.751	.940	
	D78	.773	.938	
	D79	.710	.942	
	D80	.896	.929	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 3.10 didapati nilai korelasi antara skor item dengan jumlah skor konstruk peningkatan pengetahuan guru ialah antara .253 hingga .917 dan peningkatan kemahiran guru ialah antara .710 hingga .896. Nilai korelasi adalah lebih daripada .20 seperti yang dicadangkan oleh Nunnally (1978). Justeru itu, item tersebut boleh diterima dan mempunyai kesahan yang tinggi bagi mengukur setiap aspek dalam komponen hasil pelaksanaan PBD.

Manakala aspek kebolehpercayaan item, indeks kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* bagi konstruk peningkatan pengetahuan guru (8 item) ialah .848 dan peningkatan kemahiran guru (8 item) ialah .944. Indeks kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* ini adalah tinggi iaitu antara .848 hingga .944 dan ini melebihi nilai *Cronbach Alpha* .60

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hingga ke atas seperti yang dicadangkan oleh Sekaran & Bougie (2019). Oleh itu, item bagi konstruk tersebut boleh diterima pakai.

3.7.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen dalam Komponen Input (Soal Selidik Murid)

Instrumen bagi komponen input pelaksanaan PBD mengandungi dua konstruk iaitu konstruk pengetahuan murid dan konstruk kefahaman murid. Korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor setiap item digunakan bagi melihat kesahan item soal selidik, manakala *Cronbach Alpha* digunakan bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan setiap konstruk tersebut. Hasil analisis adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.11.

Jadual 3.11 Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* Mengikut Konstruk Bagi Komponen Input Dalam Pelaksanaan PBD (Soal Selidik Murid)

Konstruk Input	Item	Korelasi Item dengan Jumlah Skor	Nilai *Alpha* Jika Item Digugurkan	Nilai *Alpha* Keseluruhan
1.2a Pengetahuan murid	B6	.414	.761	.773
	B7	.447	.754	
	B8	.477	.755	
	B9	.586	.726	
	B10	.555	.735	
	B11	.450	.754	
	B12	.570	.730	
1.2b Kefahaman murid	B13	.453	.803	.815
	B14	.420	.810	
	B15	.577	.789	
	B16	.633	.784	
	B17	.481	.800	
	B18	.435	.806	
	B19	.464	.802	
	B20	.463	.801	
	B21	.544	.794	
	B22	.575	.792	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 3.11 didapati nilai korelasi antara skor item dengan jumlah skor konstruk pengetahuan murid ialah antara .414 hingga .586 dan kefahaman murid ialah antara .420 hingga .631. Nilai korelasi adalah lebih daripada .20 seperti yang dicadangkan oleh Nunnally (1978). Justeru itu, item tersebut boleh diterima dan mempunyai kesahan yang tinggi bagi mengukur setiap aspek dalam komponen input pelaksanaan PBD.

Manakala aspek kebolehpercayaan item, indeks kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* bagi konstruk pengetahuan murid (7 item) ialah .773 dan kefahaman murid (10 item) ialah .815. Indeks kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* ini adalah tinggi dan ini melebihi nilai *Cronbach Alpha* .60 hingga ke atas seperti yang dicadangkan oleh Sekaran & Bougie (2019). Oleh itu, item bagi konstruk tersebut boleh diterima pakai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen dalam Komponen Proses (Soal Selidik Murid)

Instrumen bagi komponen proses pelaksanaan PBD mengandungi konstruk tangggungjawab murid. Korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor setiap item digunakan bagi melihat kesahan item soal selidik, manakala *Cronbach Alpha* digunakan bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan setiap konstruk tersebut. Hasil analisis adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.12.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.12 Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* Mengikut Konstruk Bagi Komponen Proses Dalam Pelaksanaan PBD (Soal Selidik Murid)

Konstruk Proses	Item	Korelasi Item dengan Jumlah Skor	Nilai *Alpha* Jika Item Digugurkan	Nilai *Alpha* Keseluruhan
2.2a Tanggungjawab murid	C23	.548	.767	.796
	C24	.741	.716	
	C25	.554	.771	
	C26	.604	.748	
	C27	.495	.782	

Berdasarkan Jadual 3.12 didapati nilai korelasi antara skor item dengan jumlah skor konstruk tanggungjawab murid ialah .495 hingga .741. Nilai korelasi adalah lebih daripada .20 seperti yang dicadangkan oleh Nunnally (1978). Justeru itu, item tersebut boleh diterima dan mempunyai kesahan yang tinggi bagi mengukur komponen proses pelaksanaan PBD.

Manakala aspek kebolehpercayaan item, indeks kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* bagi konstruk tanggungjawab murid (5 item) ialah .796. Indeks kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* ini adalah tinggi dan ini melebihi nilai *Cronbach Alpha* .60 hingga ke atas seperti yang dicadangkan oleh Sekaran & Bougie (2019). Oleh itu, item bagi konstruk tersebut boleh diterima pakai.

3.7.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen dalam Komponen Hasil Jangka Pendek (Soal Selidik Murid)

Instrumen bagi komponen hasil pelaksanaan PBD mengandungi konstruk pembentukan sikap positif murid. Korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

setiap item digunakan bagi melihat kesahan item soal selidik, manakala *Cronbach Alpha* digunakan bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan setiap konstruk tersebut. Hasil analisis adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.13.

Jadual 3.13 Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* Mengikut Konstruk Bagi Komponen Hasil Dalam Pelaksanaan PBD (Soal Selidik Murid)

Konstruk Hasil	**Item**	**Korelasi Item dengan Jumlah Skor**	**Nilai *Alpha* Jika Item Digugurkan**	**Nilai *Alpha* Keseluruhan**
3.2a Pembentukan sikap positif murid	D28	.611	.852	.866
	D29	.519	.858	
	D30	.612	.852	
	D31	.706	.848	
	D32	.554	.855	
	D33	.521	.857	
	D34	.554	.856	
	D35	.429	.861	
	D36	.355	.866	
	D37	.531	.857	
	D38	.303	.867	
	D39	.578	.854	
	D40	.302	.866	
	D41	.545	.857	
	D42	.548	.855	

Berdasarkan Jadual 3.13 didapati nilai korelasi antara skor item dengan jumlah skor konstruk pembentukan sikap positif murid ialah antara .303 hingga .706. Nilai korelasi adalah lebih daripada .20 seperti yang dicadangkan oleh Nunnally (1978). Justeru itu, item tersebut boleh diterima dan mempunyai kesahan yang tinggi bagi mengukur setiap aspek dalam komponen hasil pelaksanaan PBD.

Bagi kebolehpercayaan item, indeks kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* bagi konstruk ialah .866. Indeks kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* ini adalah tinggi dan ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melebihi nilai *Cronbach Alpha* .60 hingga ke atas seperti yang dicadangkan oleh Sekaran & Bougie (2019). Oleh itu, item bagi konstruk tersebut boleh diterima pakai.

3.7.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Konstruk Kekangan (Soal Selidik Guru)

Instrumen bagi komponen kekangan dalam pelaksanaan PBD mengandungi empat konstruk iaitu kekangan dari aspek pelaksana (guru), kekangan dari aspek pentadbiran, kekangan dari aspek murid SRT dan kekangan dari aspek masa. Korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor setiap item digunakan bagi melihat kesahan item soal selidik, manakala *Cronbach Alpha* digunakan bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan setiap konstruk tersebut. Hasil analisis adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.14.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.14 Nilai Korelasi Antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor dan Indeks Kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* Mengikut Konstruk Bagi Konstruk Kekangan Dalam Pelaksanaan PBD (Soal Selidik Guru)

Konstruk Kekangan	Item	Korelasi Item dengan Jumlah Skor	Nilai *Alpha* Jika Item Digugurkan	Nilai *Alpha* Keseluruhan
Aspek Pelaksana (Guru)	E81	.536	.720	.750
	E82	.562	.685	
	E83	.642	.596	
Aspek Pentadbiran	E84	.462	.796	.790
	E85	.719	.697	
	E86	.603	.750	
	E87	.552	.758	
	E88	.602	.744	
Aspek Murid SRT	E89	.709	.671	.774
	E90	.546	.736	
	E91	.586	.763	
	E92	.441	.781	
	E93	.659	.693	

bersambung…

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

…sambungan Jadual 3.14

Aspek Masa	E94	.493	.855	.844
	E95	.725	.793	
	E96	.721	.801	
	E97	.890	.741	
	E98	.538	.843	

Berdasarkan Jadual 3.14, didapati nilai korelasi antara skor item dengan jumlah skor bagi konstruk kekangan dari aspek pelaksana (guru) ialah antara .536 hingga .642, kekangan dari aspek pentadbiran ialah antara .462 hingga .719, kekangan dari aspek murid SRT ialah antara .441 hingga .709 dan kekangan dari aspek masa ialah antara .492 hingga .890. Nilai korelasi yang ditunjukkan adalah lebih daripada .20 seperti yang dicadangkan oleh Nunnally (1978). Oleh yang demikian, item tersebut boleh diterima dan mempunyai kesahan yang tinggi bagi mengukur setiap aspek dalam komponen kekangan dalam pelaksanaan PBD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi kebolehpercayaan item, indeks kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* bagi konstruk kekangan dari aspek pelaksana (3 item) ialah .750, kekangan dari aspek pentadbiran (5 item) ialah .790, kekangan dari aspek murid SRT (5 item) ialah .774 dan kekangan dari aspek masa (5 item) ialah .844. Nilai indeks kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* yang ditunjukkan adalah tinggi dengan nilai antara .750 hingga .844 dan ini melebihi nilai *Cronbach Alpha* .60 seperti yang dicadangkan oleh Sekaran & Bougie (2019). Oleh itu, item bagi konstruk tersebut boleh diterima pakai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Prosedur Pengumpulan Data Kajian

Bagi tujuan pengumpulan data, setelah instrumen yang dibina melalui penilaian dan pengesahan pakar, penyelidik memohon kebenaran menjalankan kajian di sekolah daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM. Permohonan dilakukan secara dalam talian dengan mengisi maklumat permohonan dalam *Educational Research Application System* (eRAS 2.0). Setelah mendapat surat kelulusan menjalankan kajian daripada BPPDP, KPM, penyelidik menghantar surat permohonan menjalankan kajian kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPNK) bagi tujuan mendapatkan kebenaran menjalankan kajian di sekolah menengah harian di Negeri Kelantan. Kebenaran untuk menjalankan kajian juga diperoleh daripada pengetua sekolah menengah harian yang terlibat dengan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses pengumpulan data dilakukan pada bulan Julai hingga bulan September 2019 secara bersemuka. Penyelidik mendapatkan maklumat sekolah, guru dan murid daripada Unit Perhubungan & Pendaftaran Sektor Pengurusan Sekolah, JPNK. Sebelum hadir ke sekolah bagi tujuan pengumpulan data, penyelidik terlebih dahulu menghubungi pengetua atau pentadbir sekolah melalui telefon bagi memaklumkan kehadiran dan membuat temu janji dengan guru mata pelajaran SRT atau kaunselor sekolah berkenaan tarikh dan masa yang sesuai bagi guru dan murid menerima kehadiran penyelidik ke sekolah.

Setelah temu janji dibuat penyelidik hadir ke sekolah dengan membawa soal selidik guru dan soal selidik murid. Penyelidik mengedarkan soal selidik kepada guru dan murid berserta dengan dua batang pen dan satu tuala tangan sebagai tanda penghargaan atas kesudian menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Setelah borang soal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

selidik diedarkan penyelidik menerangkan objektif kajian kepada responden dan tempoh masa yang diberikan bagi menjawab soal selidik guru adalah selama 40 minit manakala tempoh masa bagi soal selidik murid adalah 20 minit. Setelah tamat masa yang diberi borang soal selidik yang lengkap diisi dikumpul kembali oleh penyelidik.

Kesemua 45 soal selidik yang diedarkan kepada 45 sampel guru berjaya dikumpul kembali manakala daripada 569 orang sampel murid hanya 508 responden murid menjawab soal selidik yang diedarkan dengan masing-masing peratusan 100% dan 89.28% soal selidik berjaya dikumpul kembali dan ini melebihi kadar pulangan soal selidik yang dicadangkan oleh Cohen & rakan (2017). Justeru itu, sebanyak 553 soal selidik iaitu 45 soal selidik guru dan 508 soal selidik murid dianalisis dalam penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Kaedah Penganalisisan Data Kajian

Data yang diperolehi daripada soal selidik dikodkan, diproses dan dianalisis menggunakan perisian "*Statistical Packages for Social Sciences*" (SPSS) versi 24.0 menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Analisis deskriptif digunakan dalam kajian ini kerana analisis deskriptif kerap digunakan dalam kajian penilaian. Ini kerana dalam kajian penilaian, banyak persoalan kajian adalah berbentuk deskriptif (Fitzpatrick & rakan, 2017; Muhammad, 2017).

Data yang dianalisis dengan hanya menggunakan analisis deskriptif bagi sesuatu kajian adalah terbatas. Oleh itu, data perlu diinferensikan atau dirumuskan bagi mewakili populasi yang dikaji. Justeru itu, kajian ini menggunakan analisis inferensi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk menguji hipotesis Ho1 hingga Ho3 yang dibentuk bagi menjawab soalan kajian 5, 6 dan 7. Statistik inferensi yang digunakan ialah analisis regresi berganda.

3.9.1 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif digunakan dalam menerangkan tentang demografi kajian seperti jantina, umur, lokasi sekolah, kelayakan akademik, kelulusan ikhtisas, pengkhususan, pengalaman mengajar, jawatan yang disandang, kehadiran kursus penatar PBS, pencapaian mata pelajaran Kemahiran Hidup, pencapaian mata pelajaran Sains dan minat murid terhadap mata pelajaran SRT. Bagi tujuan tersebut statistik yang digunakan adalah frekuensi, peratus.

Manakala bagi tujuan menjawab persoalan kajian tentang tahap input (*antecedents*), proses (*transactions*) dan hasil jangka pendek (*outcomes*), analisis deskriptif seperti skor min, peratusan dan sisihan piawaian digunakan. Interpretasi skor min 1.00 hingga 1.80 menunjukkan tahap yang sangat rendah, skor min 1.81 hingga 2.60 menunjukkan tahap yang rendah, skor min 2.61 hingga 3.40 menunjukkan tahap yang sederhana, manakala skor min 3.41 hingga 4.20 menunjukkan tahap tinggi dan skor min 4.21 hingga 5.00 menunjukkan tahap yang sangat tinggi. Ini dapat dijelaskan seperti dalam Jadual 3.15.

Jadual 3.15 Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 1.80	Sangat Rendah
1.81 hingga 2.60	Rendah
2.61 hingga 3.40	Sederhana
3.41 hingga 4.20	Tinggi
4.21 hingga 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Adaptasi Creswell (2012)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9.2 Analisis Regresi Berganda

Analisis regresi berganda adalah satu teknik atau pendekatan yang digunakan untuk menganalisis perhubungan yang wujud secara linear antara beberapa variabel bebas (variabel peramal) dengan satu variabel bersandar (variabel kriteria) dan membuat membuat ramalan secara linear (Hair & rakan 2013; Field 2013; Pallant 2016).

Dalam melaksanakan analisis regresi berganda penyelidik perlu memastikan data soal selidik yang dikumpul memenuhi beberapa andaian yang mendasari ujian regresi berganda iaitu pertama *normality*, kedua *linearity*, ketiga *multicollinearity*, keempat *homoscedasticity*, dan kelima *outlier* (Hair & rakan 2013).

Pertama, *normality* adalah keadaan bilamana semua variabel kajian dan variabel kawalan bertaburan secara normal. Bagi mengenal pasti sama ada taburan skor soal selidik berada dalam taburan normal atau sebaliknya, penyelidik harus mendapatkan graf *regression normal plot*. Taburan normal akan menunjukkan satu garis pepenjuru yang lurus dengan garisan sisa rapat dengan pepenjuru. Langkah ini perlu diambil perhatian kerana syarat untuk melakukan analisis regresi berganda adalah taburan skor harus normal dan linear.

Kedua, *linearity* iaitu keadaan di mana semua variabel bebas berkorelasi secara linear dengan variabel bersandar. Bagi menyemak *linearity* variabel tersebut penyelidik boleh melakukannya dengan melihat graf *scatterplot* (Chua 2014). Bagi memenuhi syarat ini penyelidik perlu memastikan semua variabel bebas berhubung secara liner dengan variabel bersandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketiga, *multicollinearity* merujuk kepada masalah yang wujud apabila terdapat korelasi yang sangat kuat (r >.09) antara variabel bebas dalam kajian. Kaedah lain yang boleh digunakan bagi melihat kewujudan *multicollinearity* adalah dengan melihat kepada nilai *Variance Inflation Factor* (VIF). Nilai VIF > 10 menunjukkan wujudnya masalah *multicollinearity* (Hair & rakan 2013). Sekiranya wujud *multicollinearity* antara variabel bebas, nilai pekali R^2 boleh dipengaruhi. Menurut Hair & rakan (2013) sekiranyan wujud masalah *multicollinearity* adalah dicadangkan analisis regrasi langkah demi langkah (*stepwise*) digunakan. Langkah ini dapat mengatasi masalah *multicollinearity* dalam analisis regrasi berganda.

Keempat, *homoscedasticity* adalah keadaan di mana *error variance* adalah sama rata bagi semua variabel bebas. Jika *error variance* tidak sama rata, maka berlaku keadaan yang dipanggil *heterocedasticity* yang boleh menyebabkan berlakunya gangguan pada dapatan dan meningkatkan kemungkinan terjadinya *type 1 error* (Tabachnick & Fidell 2013). Ini boleh di kenal pasti dengan menggunakan graf *scatterplot*. Data bertabur sama rata sepanjang garis lurus menunjukkan andaian ini dipenuhi bagi melaksanakan analisis regrasi berganda.

Kelima, *outlier* atau nilai ekstrim iaitu nilai yang terlalu tinggi atau terlalu rendah yang terdapat dalam taburan data variabel bersandar. Analisis regresi berganda peka terhadap *outlier*. Justeru itu, penyelidik harus menyemak data kajian bagi memastikan tidak wujud nilai yang ekstrim dalam data. *Outlier* boleh dikenal pasti dengan menggunakan graf *scatterplot* atau *Boxplot* dalam perisian SPSS (Chua 2014). Menurut Tabachnick & Fidell (2013) nilai ekstrim adalah nilai yang mempunyai *standard residual* yang terletak di luar lingkungan ± 3.3. Bagi mengatasi masalah nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ekstrim penyelidik boleh menetapkan nilai 3 sisihan piawai dalam arahan *casewise diagnostics* dalam perisisn SPSS (Chua 2014). Formula untuk regresi berganda dijelaskan seperti berikut:

$Y = a + b_1X_1 + b_2X_2 + b_3X_3 + b_4X_4 + \ldots\ldots\ldots\ldots b_kX_k + r$

Di mana; Y = variabel bersandar

a = konstant (pemalar regresi)

b_1, b_2, b_3, b_4 dan b_k = pekali regrasi

X_1, X_2, X_3, X_4 dan X_k = variabel bebas

r = ralat

(Chua 2014)

Dalam kajian ini, model regrasi berganda digunakan bagi menjawab hipotesis 1 hingga 3 untuk meramal hubungan dan interaksi antara variabel bebas iaitu komponen input dan komponen proses iaitu aktiviti dan tanggungjawab kepada variabel bersandar iaitu hasil jangka pendek (*outcomes*) yang melibatkan aspek peningkatan pengetahuan, peningkatan kemahiran dan pembentukan sikap positif.

3.10 Kesimpulan

Bab ini telah menjelaskan bahawa kajian ini merupakan kajian penilaian pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT di peringkat sekolah menengah kebangsaan harian. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat kajian yang diedarkan kepada 45 orang guru mata pelajaran Sains Rumah Tangga dan 508 orang murid mata pelajaran SRT Tingkatan Empat yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT. Penyelidik menghantar soal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

selidik secara bersemuka kepada responden dan dikumpul sebaik sahaja soal selidik tersebut selesai dijawab oleh responden. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian SPSS versi 24.0.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan kajian meliputi profil responden kajian, hasil analisis penilaian pelaksanaan PBD oleh guru mata pelajaran SRT dan murid Tingkatan Empat mata pelajaran SRT dari segi input (*antecedents*), proses (*transactions*) dan hasil jangka pendek (*outcomes*) dengan menggunakan analisis statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Analisis Regresi Berganda turut digunakan bagi menguji hipotesis kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Profil Responden Kajian

Penyelidik berjaya mendapatkan respons sebanyak 553 yang terdiri daripada 45 sampel guru dan 508 sampel murid daripada 614 sampel. Sampel terdiri daripada guru mata pelajaran SRT dan murid Tingkatan Empat mata pelajaran SRT di sekolah menengah harian di Negeri Kelantan. Justeru itu, penyelidik telah menganslisis sebanyak 45 sampel guru dan 508 sampel murid seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1 dan Jadual 4.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1 Sampel Guru

Jadual 4.1 Profil Responden Kajian (guru)

Latar Belakang	Responden	Frekuensi	Peratusan
Jantina	Perempuan	45	100
Umur	Antara 30-39 tahun	13	28.9
	Antara 40-49 tahun	21	46.7
	50 tahun ke atas	11	24.4
Kelayakan Akademik Tertinggi	Sarjana	5	11.1
	Sarjana Muda	40	88.9
Kelulusan Ikhtisas	Sarjana Muda Pendidikan	30	66.7
	Diploma Pendidikan	13	28.9
	Sijil Perguruan	2	4.4
Pengkhususan	Sains Rumah Tangga	36	80.0
	Kemahiran Hidup	4	8.9
	Sains Pertanian	1	2.2
	Lain-lain	4	8.9
Pengalaman Mengajar	1 hingga 5 tahun	1	2.2
	6 hingga 10 tahun	7	15.6
	11 hingga 15 tahun	8	17.8
	16 hingga 20 tahun	13	28.9
	21 tahun ke atas	16	35.6
Jawatan yang disandang Sekarang	Guru Penolong Kanan	1	2.2
	Ketua Bidang	3	6.7
	Ketua Panitia	19	42.2
	Guru Biasa	22	48.9
Lokasi Sekolah	Bandar	16	35.6
	Luar Bandar	29	64.4
Menghadiri Kursus Penataran PBS	Ya	45	100

Berdasarkan Jadual 4.1, didapati keseluruhan sampel guru adalah perempuan iaitu seramai 45 orang (100%). Guru yang terlibat dalam kajian ini berumur antara 30 hingga 39 tahun seramai 13 orang (28.9%) , antara 40 hingga 49 tahun seramai 21 orang (46.7%) dan 50 tahun ke atas seramai 11 orang (24.4%).

Majoriti guru mempunyai kelulusan akademik Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 40 orang (88.9%) dan Ijazah Sarjana seramai 5 orang (11.1%). Manakala dari segi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelulusan ikhtisas seramai 30 orang (66.7%) berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Diploma Pendidikan seramai 13 orang (28.9%) dan Sijil Perguruan seramai 2 orang (4.4%). Data kajian menunjukkan majoriti guru mempunyai pengkhususan dalam bidang Sains Rumah Tangga iaitu 36 orang (80.0%), bidang Kemahiran Hidup seramai 4 orang (8.9%), bidang Sains Pertanian seramai 1 orang (2.2%) dan lain-lain bidang seperti Ekonomi dan Bahasa Melayu seramai 4 orang (8.9%). Majoriti guru mempunyai pengalaman mengajar yang luas iaitu pengalaman mengajar 21 tahun ke atas seramai 16 orang (35.6%), pengalaman mengajar antara 16 hingga 20 tahun seramai 13 orang (28.9%), pengalaman mengajar antara 11 hingga 15 tahun seramai 8 orang (17.8%), pengalaman mengajar, pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun seramai 7 orang (15.6%) dan pengalaman mengajar 1 hingga 5 tahun seramai 1 orang (2.2%).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Data juga menunjukkan majoriti guru menyandang jawatan pentadbiran seperti Guru Penolong Kanan seramai 1 orang (2.2%), Ketua Bidang seramai 3 orang (6.7%) dan Ketua Panitia seramai 19 orang (42.2%). Manakala guru biasa seramai 22 orang (48.9%). Majoriti guru adalah dari sekolah luar bandar iaitu seramai 29 orang (64.4%) dan bandar seramai 16 orang (35.6%). Kesemua guru iaitu 45 orang (100%) telah menghadiri kursus penataran PBS.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 Sampel Murid

Jadual 4.2 Profil Responden Kajian (murid)

Latar Belakang	Responden	Frekuensi	Peratusan
Jantina	Lelaki	21	4.1
	Perempuan	487	95.9
Lokasi Sekolah	Bandar	161	31.7
	Luar Bandar	347	68.3
Pencapaian (gred)	Gred A	239	47.0
dalam mata pelajaran	Gred B	161	31.7
Kemahiran Hidup	Gred C	70	13.8
peringkat PT3	Gred D	28	5.5
	Gred E	8	1.6
	Gred F	2	.4
Pencapaian (gred)	Gred A	40	7.9
dalam mata pelajaran	Gred B	81	15.9
Sains peringkat PT3	Gred C	138	27.2
	Gred D	139	27.4
	Gred E	76	15.0
	Gred F	34	6.7
Minat belajar	Ya	491	96.7
mata pelajaran	Tidak	17	3.3
Sains Rumah Tangga			

Jadual 4.2 menunjukkan majoriti sampel murid adalah perempuan iaitu seramai 487 orang (95.9%) dan lelaki seramai 21 orang (4.1%). Majoriti murid adalah dari sekolah luar bandar iaitu seramai 347 orang (68.3) dan bandar seramai 161 orang (31.7%).

Dari segi pencapaian murid dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup di peringkat PT3 data menunjukkan majoriti murid mendapat gred A iaitu seramai 239 orang (47.0%), gred B seramai 161 orang (31.7%), gred C seramai 70 orang (13.8%), gred D seramai 28 orang (5.5%), gred E seramai 8 orang (1.6%) dan gred F seramai 2 orang (0.4%). Manakala pencapaian murid dalam mata pelajaran Sains adalah gred A seramai 40

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

orang (7.9%), gred B seramai 81 orang (15.9%), gred C seramai 138 orang (27.2%), gred D seramai 139 orang (27.4%), gred E seramai 76 orang (15.0%) dan gred F seramai 34 orang (6.7%). Majoriti murid minat belajar mata pelajaran Sains Rumah Tangga iaitu seramai 491 orang (96.7%). Manakala yang tidak minat seramai 17 orang (3.3%).

4.3 Tahap Input (*Antecedents*)

Bahagian ini mempunyai item bagi menjawab persoalan kajian penilaian pada tahap input (*antecedents*) pelaksanaan PBD yang merangkumi tahap pengetahuan asas guru seperti Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, JSU, Kaedah Pemarkahan dan Etika Penilaian, tahap pengetahuan murid, tahap kefahaman murid dan tahap kemudahan dan sumber.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1 Tahap Input Pelaksanaan PBD Bagi Guru Mata Pelajaran SRT Di Sekolah Menengah Harian

Persoalan kajian 1: Apakah tahap input pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT secara keseluruhan?

1.1. Guru

Hasil penilaian tahap input pelaksanaan PBD dalam kalangan guru mata pelajaran SRT bagi sekolah menengah harian di Negeri Kelantan secara keseluruhannya adalah seperti dalam Jadual 4.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3 Skor Min, Frekuensi dan Peratusan Dalam Aspek Penilaian Input Pelaksanaan PBD Bagi Guru Mata Pelajaran SRT Di Sekolah Menengah Harian Di Kelantan

Input Pelaksanaan PBD	**Frekuensi dan Peratusan**				**Sisihan Piawai**	**Skor Min**	**Tahap Input Pelaksanaan PBD**
	Skor Min 1.81 – 2.60 Rendah	Skor Min 2.61 – 3.40 Sederhana	Skor Min 3.41 – 4.20 Tinggi	Skor Min 4.21-5.00 Sangat Tinggi			
Pengetahuan asas guru berkaitan:							
1.1a Standard Prestasi		4 (8.9%)	31 (68.9%)	10 (22.2%)	.5477	4.13	Tinggi
1.1b Aras Taksonomi Bloom		6 (13.3%)	32 (71.1%)	7 (15.6%)	.5431	4.02	Tinggi
1.1c JSU		13 (28.9%)	29 (64.4%)	3 (6.7%)	.5596	3.78	Tinggi
1.1d Kaedah Pemarkahan	1 (2.2%)	18 (40.0%)	24 (53.3%)	2 (4.4%)	.6179	3.60	Tinggi
1.1e Etika Penilaian	1 (2.2%)	18 (40.0%)	24 (53.3%)	2 (4.4%)	.6179	3.60	Tinggi
1.3 Kemudahan dan Sumber	4 (8.9%)	13 (28.9%)	24 (53.3%)	4 (8.9%)	.7772	3.62	Tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3 menunjukkan pengetahuan asas guru berkaitan Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, JSU, kaedah pemarkahan dan etika penilaian adalah pada tahap yang tinggi dengan nilai min antara 3.60 hingga 4.13 begitu juga dengan tahap kemudahan dan sumber dengan nilai min 3.62.

Bahagian berikut menjelaskan analisis deskriptif secara terperinci setiap aspek tahap input pelakanaan PBD dalam kalangan guru mata pelajaran SRT di sekolah menengah harian di Negeri Kelantan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1.1 Tahap Pengetahuan Asas Guru Berkaitan Standard Prestasi

Persoalan Kajian 1.1a: Apakah tahap pengetahuan asas guru berkaitan Standard Prestasi?

Jadual 4.4 Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek Penilaian Tahap Pengetahuan Asas Guru Berkaitan Standard Prestasi

Item	Aspek	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
B10	Pengetahuan anda membina item pada tahap Standard Prestasi band 1.	4.18	.535	Tinggi
B11	Pengetahuan anda membina item pada tahap Standard Prestasi band 2.	4.22	.471	Sangat Tinggi
B12	Pengetahuan anda membina item pada tahap Standard Prestasi band 3.	4.09	.514	Tinggi
B13	Pengetahuan anda membina item pada tahap Standard Prestasi band 4.	3.89	.487	Tinggi
B14	Pengetahuan anda membina item pada tahap Standard Prestasi band 5.	3.73	.580	Tinggi
B15	Pengetahuan anda membina item pada tahap Standard Prestasi band 6.	3.69	.596	Tinggi
	Pengetahuan asas guru berkaitan membina item pada tahap Standard Prestasi band 1 hingga band 6 secara keseluruhan.	**4.13**	**.548**	**Tinggi**

Berdasarkan Jadual 4.4 konstruk pengetahuan asas guru berkaitan Standard Prestasi adalah tinggi dengan nilai min 4.13. Pengetahuan asas guru membina item pada tahap Standard Prestasi band 1, band 3, band 4, band 5 dan band 6 adalah tinggi dengan nilai min 3.69 hingga 4.18. Manakala pengetahuan guru dalam membina item pada Standard Prestasi band 2 adalah sangat tinggi dengan nilai min 4.22.

4.3.1.2 Tahap Pengetahuan Asas Guru Berkaitan Aras Taksonomi Bloom

Persoalan Kajian 1.1b: Apakah tahap pengetahuan asas guru berkaitan Aras Taksonomi Bloom?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5 Skor Min dan Sisihan Piawai Aspek Penilaian Tahap Pengetahuan Asas Guru Berkaitan Aras Taksonomi Bloom

Item	Aspek	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
B16	Pengetahuan anda dalam membina item aras pengetahuan.	4.13	.548	Tinggi
B17	Pengetahuan anda dalam membina item aras kefahaman.	4.11	.532	Tinggi
B18	Pengetahuan anda dalam membina item aras aplikasi.	4.02	.543	Tinggi
B19	Pengetahuan anda dalam membina item aras analisis.	3.84	.601	Tinggi
B20	Pengetahuan anda dalam membina item aras sintesis.	3.67	.603	Tinggi
B21	Pengetahuan anda dalam membina item aras penilaian.	3.64	.570	Tinggi
	Pengetahuan asas guru berkaitan Aras Taksonomi Bloom secara keseluruhan.	**4.02**	**.543**	**Tinggi**

4.7.1 Variabel yang Menyumbang Kepada Hasil Jangka Pendek Peningkatan Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanaan PBD

Persoalan kajian 5: Apakah variabel yang menyumbang kepada peningkatan pengetahuan guru hasil pelaksanaan PBD dalam pelaksanaan kurikulum Mata pelajaran SRT?


Analisis regresi berganda digunakan bagi menentukan sama ada wujudnya hubungan yang signifikan dan sumbangan variabel bebas ke atas hasil jangka pendek peningkatan pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD. Variabel bebas yang terlibat dalam analisis regresi berganda ini melibatkan 10 variabel bebas iaitu pengetahuan asas guru berkaitan Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, Jadual Spesifikasi Ujian, Kaedah Pemarkahan, Etika Penilaian, input kemudahan dan sumber, aktiviti pentaksiran seperti membuat perancangan, mentadbir ujian, menganalisis evidens dan mengaplikasikan maklumat pentaksiran serta membuat perekodan dan pelaporan kepada variabel bersandar iaitu peningkatan pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD. Bagi menjawab persoalan kajian 5, hipotesis nol pertama (Ho.1) dibina seperti berikut:

Ho.1 Input pengetahuan asas guru seperti Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, Jadual Spesifikasi Ujian, Kaedah Pemarkahan, Etika Penilaian, input kemudahan dan sumber, aktiviti pentaksiran seperti membuat perancangan, mentadbir ujian, menganalisis evidens dan mengaplikasikan maklumat pentaksiran serta membuat perekodan dan pelaporan bukan merupakan faktor yang menyumbang kepada peningkatan pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi melaksanakan analisis regresi berganda, penyelidik harus memastikan taburan residual adalah normal. Justeru itu, penyelidik telah melakukan penilaian dengan melihat kepada rajah *Normal Probability Plot (P-P plot) of Regression Standardised Residual* dan graf *Scatterplot* seperti Rajah 4.1 dan Rajah 4.2.



Rajah 4.1 Graf Plot Normal Regresi



Rajah 4.2 Graf *Scatterplot* Taburan Regresi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kepada Rajah 4.1 didapati semua titik berada didalam garis pepenjuru secara lurus dan munasabah dari bawah kiri ke kanan atas menunjukkan tiada lencongan atau sisihan utama dari garis normal. Ini disokong pula dengan graf *Scatterplot* dalam Rajah 4.2 yang menunjukkan sebahagian besar taburan *residual* tertumpu di tengah-tengah pada titik 0 dan ini membuktikan taburan data adalah normal.

Bagi mengesan kehadiran *outlier* atau nilai ekstrim penyelidik telah melihat kepada graf *Scatterplot*. Didapati nilai *standard residual* minimum adalah -1.926 dan nilai maksimum adalah 1.538 dan ini menunjukkan data tidak mempunyai *outlier* atau nilai ekstrem.

Selain itu, penyelidik juga turut memastikan sama ada terdapat masalah *multicollinearity* atau sebaliknya. Ini dapat dilakukan dengan melihat kepada nilai *Tolerance* dan *Variance inflation factor* (VIF) yang terdapat dalam jadual *Coefficient*. Jika nilai *Tolerance* sangat kecil iaitu kurang daripada 0.10 (<0.10), ia menunjukkan bahawa korelasi berganda antara variabel adalah tinggi dan ini menandakan terdapat masalah *multicollinearity*. Selain itu, jika nilai VIF lebih dari 10 (VIF >10) juga menunjukkan terdapat masalah *multicollinearity* antara variabel (Hair & rakan, 2013). Daripada analisis yang dilakukan jadual *Coefficient* menunjukkan semua nilai *Tolerance* variabel bebas adalah lebih daripada 0.10 (> 0.10) dan nilai VIF pula kurang daripada 10 (VIF <10). Ini menunjukkan tidak ada masalah *multicollinearity* antara variabel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.28 dan 4.29 menunjukkan keputusan analisis regresi berganda langkah demi langkah (*Stepwise*) yang melibatkan 10 variabel bebas ke atas variabel bersandar iaitu peningkatan pengetahuan dalam kalangan guru mata pelajaran SRT sekolah menengah harian di Negeri Kelantan terhadap pelaksanaan PBD. Terdapat satu variabel bebas yang menunjukkan korelasi dan sumbangan yang signifikan ($p<0.05$) terhadap jumlah varian peningkatan pengetahuan guru dalam melaksanakan PBD.

Jadual 4.28 Analisis Regresi Berganda (*Stepwise*) Bagi Variabel Bebas yang Mempengaruhi Peningkatan Pengetahuan Guru Dalam Melaksanakan PBD

Variabel (X)	**B**	**Beta (β)**	**Nilai-t**	**Sig.**	**R**	**R^2**	**Sumbangan(%)**
Aktiviti Membuat perancangan	.586	.443	3.244	.002	.443	.197	19.70
Konstant	17.769		5.629	.000			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.29 Analisis Varians

Variabel (X)	**Sumber**	**Jumlah Kuasa Dua**	**Darjah Kebebasan**	**Min Kuasa Dua**	**Nilai-F**	**Tahap Signifikan (p)**
Aktiviti Membuat perancangan	Regresi	129.190	1	129.190	10.521	.002
	Residual	528.010	43	12.279		
	Jumlah	657.200	44			

Berdasarkan jadual 4.28 dan 4.29 keputusan analisis data dengan menggunakan program SPSS menunjukkan bahawa secara signifikan satu variabel peramal, iaitu aktiviti membuat perancangan ($\beta = .443$, $t = 3.24$, $p < .05$) merupakan faktor kepada peningkatan pengetahuan guru dalam melaksanakan PBD. Penyelidik menolak hipotesis nol dan melaporkan bahawa secara keseluruhan, variabel peramal itu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyumbang sebanyak 19.70 peratus (r = .44) perubahan varians dalam peningkatan pengetahuan guru dalam pelaksanaan PBD [F (1, 43) = 10.52, p < .05].

Oleh yang demikian, sumbangan variabel bebas yang signifikan terhadap peningkatan pengetahuan guru dapat dibentuk melalui persamaan regresi berikut:

$Y = 17.769 + 0.586X_1 + 0.443$

Di mana;

Y = Peningkatan pengetahuan guru

X_1 = Aktiviti membuat perancangan

Konstant = 0.586

Ralat = 0.443

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada persamaan regresi di atas, maka hipotesis nol pertama (Ho1) ditolak. Analisis regresi menggunakan kaedah stepwise mendapati satu variabel mempunyai korelasi dan memberi kesan serta menyumbang kepada peningkatan pengetahuan guru dalam melaksanakan PBD iaitu aktiviti membuat perancangan.

4.7.2 Variabel yang Menyumbang Kepada Hasil Jangka Pendek Peningkatan Kemahiran Guru Terhadap Pelaksanaan PBD

Persoalan kajian 6: Apakah variabel yang menyumbang kepada peningkatan kemahiran guru hasil pelaksanaan PBD dalam pelaksanaan kurikulum Mata pelajaran SRT?

Analisis regresi berganda digunakan bagi menentukan sama ada wujudnya hubungan yang signifikan dan sumbangan variabel bebas ke atas hasil jangka pendek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peningkatan kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBD. Variabel bebas yang terlibat dalam analisis regresi berganda ini melibatkan 10 variabel bebas iaitu pengetahuan asas guru berkaitan Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, Jadual Spesifikasi Ujian, Kaedah Pemarkahan, Etika Penilaian, input kemudahan dan sumber, aktiviti pentaksiran seperti membuat perancangan, mentadbir ujian, menganalisis evidens dan mengaplikasikan maklumat pentaksiran serta membuat perekodan dan pelaporan kepada variabel bersandar iaitu peningkatan kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBD. Bagi menjawab persoalan kajian 6, hipotesis nol kedua (Ho.2) dibina seperti berikut:


Ho.2 Input pengetahuan asas guru seperti Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, Jadual Spesifikasi Ujian, Kaedah Pemarkahan, Etika Penilaian, input kemudahan dan sumber, Input pengetahuan asas guru seperti Standard Prestasi, Aras Taksonomi Bloom, Jadual Spesifikasi Ujian, Kaedah Pemarkahan, Etika Penilaian, input kemudahan dan sumber, aktiviti pentaksiran seperti membuat perancangan, mentadbir ujian, menganalisis evidens dan mengaplikasikan maklumat pentaksiran serta membuat perekodan dan pelaporan bukan merupakan faktor yang menyumbang kepada peningkatan kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT.

Bagi melaksanakan analisis regresi berganda, penyelidik harus memastikan taburan residual adalah normal. Justeru itu, penyelidik telah melakukan penilaian dengan melihat kepada rajah *Normal Probability Plot (P-P plot) of Regression Standardised Residual* dan graf *Scatterplot* seperti Rajah 4.3 dan Rajah 4.4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Variabel Bersandar: Kemahiran



Rajah 4.3 Graf Plot Normal Regresi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.4 Graf *Scatterplot* Taburan Regresi

Berdasarkan kepada Rajah 4.3 didapati semua titik berada didalam garis pepenjuru secara lurus dan munasabah dari bawah kiri ke kanan atas menunjukkan tiada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lencongan atau sisihan utama dari garis normal. Ini disokong pula dengan plot *scatterplot* dalam Rajah 4.4 yang menunjukkan sebahagian besar taburan *residual* tertumpu di tengah-tengah pada titik 0 dan ini membuktikan taburan data adalah normal.

Bagi mengesan kehadiran *outlier* atau nilai ekstrim penyelidik telah melihat kepada graf *scatterplot*. Didapati nilai *standard residual* minimum adalah -1.601 dan nilai maksimum adalah 2.601 dan ini menunjukkan data tidak mempunyai *outlier* atau nilai ekstrem.

Selain itu, penyelidik juga turut memastikan sama ada terdapat masalah *multicollinearity* atau sebaliknya. Ini dapat dilakukan dengan melihat kepada nilai *Tolerance* dan *Variance inflation factor* (VIF) yang terdapat dalam jadual *Coefficient*. Jika nilai *Tolerance* sangat kecil iaitu kurang daripada 0.10 (<0.10), ia menunjukkan bahawa korelasi berganda antara variabel adalah tinggi dan ini menandakan terdapat masalah *multicollinearity*. Selain itu, jika nilai VIF lebih dari 10 (VIF >10) juga menunjukkan terdapat masalah *multicollinearity* antara variabel (Hair & rakan, 2013). Daripada analisis yang dilakukan jadual *Coefficient* menunjukkan semua nilai *Tolerance* variabel bebas adalah lebih daripada 0.10 (> 0.10) dan nilai VIF pula kurang daripada 10 (VIF <10). Ini menunjukkan tidak ada masalah *multicollinearity* antara variabel.

Jadual 4.30 dan 4.31 menunjukkan keputusan analisis regresi berganda langkah demi langkah (*Stepwise*) yang melibatkan 10 variabel bebas ke atas variabel bersandar iaitu peningkatan kemahiran dalam kalangan guru mata pelajaran SRT sekolah menengah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

harian di Negeri Kelantan terhadap pelaksanaan PBD. Terdapat satu variabel bebas yang menunjukkan korelasi dan sumbangan yang signifikan ($p<0.05$) terhadap jumlah varian peningkatan pengetahuan guru dalam melaksanakan PBD.

Jadual 4.30 Analisis Regresi Berganda (*Stepwise*) Bagi Variabel Bebas yang Mempengaruhi Peningkatan Kemahiran Guru Dalam Melaksanakan PBD

Variabel (X)	**B**	**Beta (β)**	**Nilai-t**	**Sig.**	**R**	**R^2**	**Sumbangan (%)**
Pengetahuan asas guru berkaitan Kaedah Pemarkahan	1.213	.686	6.180	.000	.686	.470	47.0
Konstant	12.567		4.522	.000			

Jadual 4.31 Analisis Varians

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Variabel (X)	**Sumber**	**Jumlah Kuasa Dua**	**Darjah Kebebasan**	**Min Kuasa Dua**	**Nilai-F**	**Tahap Signifikan (p)**
Pengetahuan asas guru berkaitan Kaedah Pemarkahan	Regresi	251.635	1	251.635	38.188	.000
	Residual	283.343	43	6.589		
	Jumlah	534.978	44			

Berdasarkan jadual 4.30 dan 4.31 keputusan analisis data dengan menggunakan program SPSS menunjukkan bahawa secara signifikan satu variabel peramal, iaitu input pengetahuan asas guru berkaitan kaedah pemarkahan ($\beta = .68$, $t = 6.18$, $p < .05$) merupakan faktor kepada peningkatan kemahiran guru dalam melaksanakan PBD. Penyelidik menolak hipotesis nol dan melaporkan bahawa secara keseluruhan, variabel peramal itu menyumbang sebanyak 47.0 peratus ($r = .47$) perubahan varians

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam peningkatan pengetahuan guru dalam pelaksanaan PBD [F (1, 43) = 38.19, p < .05].

Oleh yang demikian, sumbangan variabel bebas yang signifikan terhadap peningkatan kemahiran guru dapat dibentuk melalui persamaan regresi berikut:

$Y = 12.567 + .686X_1 + 0.686$

Di mana;

Y = Peningkatan kemahiran guru

X_1 = Input pengetahuan asas guru berkaitan kaedah pemarkahan

Konstant = 12.567

Ralat = 0.686

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada persamaan regresi di atas, maka hipotesis nol kedua (Ho2) ditolak. Analisis regresi menggunakan kaedah *stepwise* mendapati satu variabel mempunyai korelasi dan memberi kesan serta menyumbang kepada peningkatan kemahiran guru dalam melaksanakan PBD iaitu input pengetahuan asas guru berkaitan kaedah pemarkahan.

4.7.3 Variabel yang Menyumbang Kepada Hasil jangka Pendek Pembentukan sikap Positif Murid Terhadap Pelaksanaan PBD

Persoalan kajian 7: Apakah variabel yang menyumbang kepada pembentukan sikap positif murid hasil pelaksanaan PBD dalam pelaksanaan kurikulum mata pelajaran SRT?

Analisis regresi berganda digunakan bagi menentukan sama ada wujudnya hubungan yang signifikan dan sumbangan variabel bebas ke atas hasil jangka pendek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pembentukan sikap positif murid terhadap pelaksanaan PBD. Variabel bebas yang terlibat dalam analisis regresi berganda ini melibatkan tiga variabel bebas iaitu pengetahuan, kefahaman dan tanggungjawab murid dalam pelaksanaan pentaksiran kepada variabel bersandar iaitu pembentukan sikap positif murid terhadap pelaksanaan PBD. Bagi menjawab persoalan kajian 7, hipotesis nol ketiga (Ho.3) dibina seperti berikut:

Ho.3 Input pentaksiran seperti pengetahuan dan kefahaman, tanggungjawab murid dalam pelaksanaan PBD bukan merupakan faktor yang menyumbang kepada pembentukan sikap positif murid terhadap pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT.


Bagi melaksanakan analisis regresi berganda, penyelidik harus memastikan taburan residual adalah normal. Justeru itu, penyelidik telah melakukan penilaian dengan melihat kepada rajah *Normal Probability Plot (P-P plot) of Regression Standardised Residual* dan graf *Scatterplot* seperti Rajah 4.5 dan Rajah 4.6.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.5 Graf Plot Normal Regresi



Rajah 4.6 Graf *Scatterplot* Taburan Regresi

Berdasarkan kepada Rajah 4.5 didapati semua titik berada didalam garis pepenjuru secara lurus dan munasabah dari bawah kiri ke kanan atas menunjukkan tiada lencongan atau sisihan utama dari garis normal. Ini disokong pula dengan plot *Scatterplot* dalam Rajah 4.6 yang menunjukkan sebahagian besar taburan *residual*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tertumpu di tengah-tengah pada titik 0 dan ini membuktikan taburan data adalah normal.

Bagi mengesan kehadiran *outlier* atau nilai ekstrim penyelidik telah melihat kepada graf *Scatterplot*. Didapati nilai *standard residual* minimum adalah -3.541 dan nilai maksimum adalah 3.694 dan ini menunjukkan ada sedikit taburan *residual* yang melebihi 3.3 dan kurang daripada -3.3. Namun begitu menurut Pallant (2016) sekiranya jumlah sampel adalah besar maka masalah *outlier* boleh diatasi. Manakala Chua (2014) masalah *outlier* boleh diatasi dengan menetapkan nilai 3 sisihan piawai dalam arahan *casewise diagnostics* dalam SPSS.

Justeru itu, sebagai tambahan penyelidik merujuk kepada jadual *casewise diagnostics* di mana jadual ini menunjukkan maklumat mengenai kes yang mempunyai nilai *residual* melebihi 3.3 atau kurang daripada -3.3. Bagi menunjukkan taburan yang normal hanya 0.6 peratus sahaja daripada kes ini luar dari julat ± 3.3. Didapati hanya 3 kes daripada jadual *casewise diagnostics* menunjukkan nilai *residual* luar daripada julat yang ditetapkan. Bagi memeriksa sama ada kes ini mempunyai pengaruh yang tidak wajar kepada keputusan model secara keseluruhan, penyelidik menyemak nilai *Cook's Distance*. Menurut Pallant (2016) jika kes tersebut mempunyai nilai yang lebih daripada 1 ia menunjukkan ada masalah. Didapati nilai maksimum *Cook's Distance* adalah 0.67 dan ini menunjukkan ia tidak ada masalah. Justeru itu, daripada analisis yang dilakukan penyelidik berpandangan analisis regresi boleh dilakukan.

Selain itu, penyelidik juga turut memastikan sama ada terdapat masalah *multicollinearity* atau sebaliknya. Ini dapat dilakukan dengan melihat kepada nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tolerance dan *Variance inflation factor* (VIF) yang terdapat dalam jadual *Coefficient*. Jika nilai *Tolerance* sangat kecil iaitu kurang daripada 0.10 (<0.10), ia menunjukkan bahawa korelasi berganda antara variabel adalah tinggi dan ini menandakan terdapat masalah *multicollinearity*. Selain itu, jika nilai VIF lebih dari 10 (VIF >10) juga menunjukkan terdapat masalah *multicollinearity* antara variabel (Hair & rakan, 2013).

Daripada analisis yang dilakukan jadual *Coefficient* menunjukkan semua nilai *Tolerance* variabel bebas adalah lebih daripada 0.10 (> 0.10) dan nilai VIF pula kurang daripada 10 (VIF <10). Ini menunjukkan tidak ada masalah *multicollinearity* antara variabel.

Jadual 4.32 dan 4.33 menunjukkan keputusan analisis regresi berganda langkah demi langkah (*Stepwise*) yang melibatkan tiga variabel bebas ke atas variabel bersandar iaitu pembentukan sikap positif dalam kalangan murid mata pelajaran SRT sekolah menengah harian di Negeri Kelantan terhadap pelaksanaan PBD. Didapati ketiga-tiga variabel bebas menunjukkan korelasi dan sumbangan yang signifikan (p<0.05) terhadap jumlah varian pembentukan sikap positif murid dalam melaksanakan PBD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.32 Analisis Regresi Berganda (*Stepwise*) Bagi Variabel Bebas yang Mempengaruhi Pembentukan Sikap Positif Murid Dalam Melaksanakan PBD

Variabel (X)	B	Beta (β)	Nilai-t	Sig.	R	R^2	Sumbangan (%)
Tanggungjawab	1.598	.608	17.223	.000	.608	.370	37.0
Tanggungjawab	1.218	.463	12.996	.000	.685	.685	68.50
Input Pengetahuan	.587	.347	9.744	.000			
Tanggungjawab	1.089	.414	11.370	.000	.701	.492	49.20
Input Pengetahuan	.423	.250	6.186	.000			
Input Kefahaman	.282	.196	4.743	.000			
Konstant	16.369		7.664	.000			

Jadual 4.33 Analisis Varians

Variabel (X)	Sumber	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai-F	Tahap Signifikan (p)
Tanggungjawab	Regresi	6478.851	1	6478.851	296.618	.000
	Residual	11052.260	506	21.842		
Tanggungjawab Input Pengetahuan	Regresi	8227.815	2	4113.907	223.310	.000
	Residual	9303.295	505	18.422		
Tanggungjawab Input Pengetahuan Input Kefahaman	Regresi	8625.284	3	2875.095	162.708	.000
	Residual	8905.826	504	17.670		
	Jumlah	17531.110	507			

Berdasarkan Jadual 4.32 dan 4.33 keputusan analisis data dengan menggunakan program SPSS menunjukkan bahawa secara signifikan ketiga-tiga variabel peramal, iaitu tanggungjawab dalam pelaksanaan pentaksiran ($\beta = .414$, $t = 11.37$, $p < .05$), input pengetahuan ($\beta = .250$, $t = 6.19$, $p < .05$) dan input kefahaman ($\beta = .196$, $t = 4.74$, $p < .05$) merupakan faktor kepada pembentukan sikap positif murid dalam melaksanakan PBD. Penyelidik menolak hipotesis nol dan melaporkan bahawa secara keseluruhan, ketiga-tiga variabel peramal itu menyumbang sebanyak 49.2 peratus ($r = .70$)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perubahan varians dalam pembentukan sikap positif murid dalam pelaksanaan PBD [F (3, 504) = 162.71, p < .05].

Hasil analisis menunjukkan bahawa signifikan, tanggungjawab dalam pelaksanaan pentaksiran (β = .608, t = 17.22, p < .05) sendiri menyumbang sebanyak 37.0 peratus (r = .61) perubahan varians dalam pembentukan sikap positif murid dalam pelaksanaan PBD [F(1, 506) = 296.62, p < .05]. Manakala kombinasi kedua-dua variabel tanggungjawab dalam pelaksanaan pentaksiran (β = .463, t = 13.00, p < .05) dan input pengetahuan (β = .463, t = 13.00, p < .05) pula menyumbang sebanyak 68.50 peratus (r = .66) perubahan varians dalam pembentukan sikap positif murid dalam pelaksanaan PBD [F(2, 505) = 223.31, p < .05)].

Oleh yang demikian sumbangan keseluruhan tiga variabel bebas yang signifikan terhadap pembentukan sikap positif murid dapat dibentuk melalui persamaan regresi berikut:

$Y = 16.369 + 1.09X_1 + 0.42\ X_2 + 0.28X_3 + 0.70$

Di mana;

Y = Pembentukan sikap positif murid

X_1 = Tanggungjawab murid dalam pelaksanaan pentaksiran

X_2 = Pengetahuan murid

X_3 = Kefahaman murid

Konstant = 16.369

Ralat = 0.70

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada persamaan regresi di atas, maka hipotesis nol ketiga (Ho3) ditolak. Analisis regresi menggunakan kaedah *stepwise* mendapati tiga variabel mempunyai korelasi dan memberi kesan serta menyumbang kepada pembentukan sikap positif murid dalam melaksanakan PBD iaitu tanggungjawab murid dalam melaksanakan pentaksiran, pengetahuan dan kefahaman murid.

4.8 Kesimpulan

Bab empat telah memberi jawapan bagi kesemua tujuh soalan kajian dan sub soalan kajian dengan terperinci mengikut setiap komponen penilaian input, proses dan hasil jangka pendek serta kekangan dalam pelaksanaan PBD. Analisis deskriptif dan inferensi yang dijelaskan telah berjaya menyelesaikan persoalan kajian yang dikemukan dalam bab satu. Penyelidik telah memberi penerangan yang terperinci bagi menentukan semua soalan kajian dijawab dengan tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini memfokuskan kepada penghuraian tentang ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, kesimpulan, implikasi dan cadangan, sumbangan kajian, dan cadangan kajian lanjutan. Dalam ringkasan kajian, penyelidik akan menjelaskan sedikit latar belakang kajian yang merangkumi penyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian, kerangka konsep kajian, kaedah kajian. Sampel kajian, instrumen kajian yang digunakan, kaedah pengumpulan data dan kaedah menganalisis data yang digunakan dalam kajian ini. Manakala bahagian perbincangan, penyelidik akan membincangkan dapatan kajian dengan berasaskan teori dan kajian lepas yang berkaitan serta implikasinya kepada sistem pendidikan negara kita. Bagi kesimpulan pula, penyelidik akan membuat rumusan kajian secara keseluruhan. Untuk membolehkan penambah baik dilakukan dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam mata pelajaran Sains Rumah Tangga, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan bagi membantu pihak yang terlibat. Akhir sekali, penyelidik turut mengemukakan dan membincangkan cadangan kajian lanjutan bagi membantu penyelidik lain yang berminat untuk mengkaji hal yang berkaitan dengan PBD terutama dalam kurikulum mata pelajaran SRT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Ringkasan Kajian

Sistem pendidikan negara kita yang selama ini hanya berteraskan kepada peperiksaan semata-mata telah mendorong murid belajar dan menghafal untuk lulus peperiksaan sahaja. Menurut Ruslina Omar (2002) pengetahuan yang diterima melalui kaedah ini tidak akan kekal dan murid boleh lupa apa yang dipelajari sebaik tamat peperikasaan. Tambah beliau lagi kejayaaan dalam peperiksaan tidak menggambarkan kejayaaan sebenar penguasaan sesuatu kurikulum.

Menyedari hakikat tersebut KPM telah melakukan satu transformasi dalam sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan dengan memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam PPPM 2013-2025 (KPM 2012). Pentaksiran Berasaskan Sekolah mempunyai dua bahagian iaitu akademik yang mengandungi dua komponen iaitu Pentaksiran Pusat (PP) dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan bahagian bukan akademik yang juga mengandungi dua komponen iaitu Pentaksiran aktiviti jasmani, sukan kokurikulum (PAJK) dan Pentaksiran Psikometrik (PPsi) merupakan suatu sistem pentaksiran alternatif yang merupakan hasil kajian KPM terhadap sistem pentaksiran dan penilaian sedia ada dalam usaha menjadikan pentaksiran tidak terlalu berorientasikan peperiksaan. Kaedah pentaksiran ini dilaksanakan dalam semua mata pelajaran sekolah rendah dan menengah rendah bagi tujuan memantapkan kualiti pendidikan negara.

Pentaksiran Bilik Darjah bagi mata pelajaran SRT Tingkatan Empat telah diperkenalkan selama 3 tahun, maka satu penilaian awal secara keseluruhan perlu dilaksanakan terutama dari aspek input, proses dan hasil jangka pendek. Maklumat ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah penting sebagai maklum balas kepada pelaksana iaitu guru dan murid untuk tujuan penambah baik.

Oleh yang demikian, kajian ini merupakan satu kajian yang dijalankan bagi menilai pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT dalam kalangan guru dan murid mata pelajaran SRT di sekolah menengah harian di Negeri Kelantan bagi tujuan penambah baik dengan menggunakan model penilaian Stake *Countenance*.

Model penilaian Stake *Countenance* yang diperkenalkan oleh Stake (1967) digunakan dalam kajian ini. Kesesuaian model yang berorientasikan pelanggan menerangkan dan menjelaskan bagaimana kajian penilaian kurikulum boleh memberi maklumat tentang pelaksanaan kurikulum tersebut bagi tujuan penambah baik. Dalam konteks kajian ini penyelidik memberi tumpuan terhadap tiga komponen dalam model Stake *Countenance* iaitu input (*antecedents)*, proses (*transactions*) dan hasil jangka pendek (outcomes).

Dalam kajian ini menyelidik menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Bagi tujuan mendapatkan data penyelidik menyediakan dua set soal selidik iaitu set soal selidik guru dan set soal selidik murid yang diedarkan kepada 45 orang guru mata pelajaran Sains Rumah Tangga dan 569 orang murid mata pelajaran SRT Tingkatan Empat di semua sekolah menengah harian di Negeri Kelantan yang menawarkan Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) SRT.

Pemilihan sampel adalah menggunakan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) bukan kebarangkalian kerana tidak terdapat perbandingan dalam demografi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang diuji seperti yang dicadangkan oleh Creswell (2012). Penentuan sampel adalah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Sampel kajian ini keseluruhannya adalah seramai 614 orang.

Asas pembinan konstruk adalah berdasarkan kepada tinjauan literatur dan kajian lepas. Item soal selidik yang dibentuk adalah ubah suai daripada soal selidik yang digunakan oleh Jamil (2002), Mohd Najib (2011), Ura (2012), Gunasegaran (2014) , Noraini & Zamri (2016) dan Ramlah (2016) serta Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran mata pelajaran SRT Tingkatan Empat (DSKP, 2015) yang dijadikan sebagai panduan asas dalam membina instrumen soal selidik. Selain itu penyelidik juga merujuk kepada pakar dalam bidang mata pelajaran SRT.

Bagi tujuan kesahan soal selidik yang dibina, penyelidik merujuk kepada empat orang panel pakar yang mempunyai kepakaran dalam bidang SRT, mata pelajaran Sains SRT dan bahasa bagi kesahan muka dan kesahan kandungan. Bagi mengukuhkan lagi kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang digunakan, penyelidik juga melaksankan kajian rintis ke atas 10 orang guru dan 30 orang murid mata pelajaran SRT di Negeri Perak. Didapati kesahan kriteria soal selidik guru adalah antara 0.230 hingga 0.959 dan soal selidik murid antara 0.302 hingga 0.741 menghampiri 1.00 dan ini menunjukkan kesahan yang tinggi (Gay & Airasian 2012). Nilai indeks kebolehpercayaan bagi setiap aspek soal selidik guru adalah antara 0.673 hingga 0.950 dan soal selidik murid adalah antara 0.773 hingga 0.866, boleh diterima pakai seperti yang dicadangkan oleh Sekaran & Bougie (2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik mengedar soal selidik secara bersemuka kepada setiap responden dan mengumpul kembali borang selidik yang telah lengkap diisi oleh responden. Sebanyak 45 soal selidik diedarkan kepada sampel guru dan sebanyak 569 soal selidik diedarkan kepada sampel murid. Namun, hanya 508 soal selidik murid berjaya dikumpul kembali.

Analisi data dilaksanakan dengan menggunakan program SPSS versi 24.0 yang melibatkan analisis statistik deskriptif dan statistik inferensi. Analisis statistik deskriptif digunakan melalui pengiraan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menjelaskan profil responden dan menjawab persoalan kajian. Manakala analisis statistik inferensi digunakan bagi mengenal pasti variabel yang menyumbang kepada peningkatan pengetahuan, peningkatan kemahiran dan pembentukan sikap positif terhadap pelaksanaan PBD. Analisis regresi berganda menggunakan teknik langkah demi langkah (*stepwise*) digunakan bagi mendapatkan nilai sumbangan R^2 (peratus) setiap variabel peramal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Bagi memudahkan perbincangan tentang penilaian pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT dalam kalangan guru dan murid sekolah menengah harian di Negeri Kelantan, penyelidik menghuraikan mengikut urutan beberapa sub topik. Perbincangan dimulakan dengan penghuraian tentang tahap input, proses dan hasil jangka pendek serta tahap kekangan pelaksanaan PBD. Akhir sekali dibincangkan tentang variabel yang menyumbang kepada peningkatan pengetahuan guru peningkatan kemahiran guru dan pembentukan sikap positif murid dalam melaksanakan PBD bagi mata pelajaran SRT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1 Tahap Penilaian Input Pelaksanaan PBD

Sesuatu kurikulum yang berjaya dilaksanakan dengan lancar bergantung kepada input atau sumber yang disediakan. Input merupakan persediaan awal yang perlu ada dalam melaksanakan sesuatu kurikulum merujuk kepada Model Stake *Countenance* (1967). Input yang terlibat dalam penilaian pelaksanaan PBD ini ialah pengetahuan asas guru yang melibatkan aspek yang dalam teori pentaksiran yang dicadangkan oleh Asri (2007) iaitu Aras Taksonomi Bloom dan Jadual Spesifikasi Ujian serta aspek yang dicadangkan oleh Ramlah (2016) iaitu Standard Prestasi, kaedah pemarkahan dan etika penilaian. Penyelidik membuat penambahan kepada teori yang dicadangkan oleh Ramlah (2016) dengan memasukkan aspek pengetahuan dan kefahaman murid serta kemudahan dan sumber di peringkat input.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1.1 Guru

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru mata pelajaran SRT mempunyai pengetahuan asas yang tinggi berkaitan dengan Standard Prestasi. Pentaksiran Bilik Darjah yang menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran sebagai panduan dalam mengukur tahap pencapaian murid menggunakan sistem band iaitu bermula band 1 hingga band 6. Ini menunjukkan bahawa guru mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam membina dan menggunakan item yang sepadan mengikut tahap Standard Prestasi band 1 hingga 6 yang hendak ditaksir terhadap murid mereka. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan kajian Ramlah (2016) yang menjalankan kajian terhadap 1295 orang guru sekolah rendah di empat buah negeri iaitu Pahang, Selangor, Kedah dan Melaka yang mendapati guru sekolah rendah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai pengetahuan yang tinggi berkaitan Standard Prestasi. Pengetahuan asas guru berkaitan Standard Prestasi adalah penting bagi memastikan guru membina dan menggunakan item yang sah bagi mentaksir murid mereka mengikut standard prestasi yang dikehendaki. Penggunan item yang bertepatan dengan standard prestasi dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kualiti penilaian murid (Petkovska & rakan 2010).

Standard Prestasi yang digunakan dalam PBD memberi panduan kepada guru dalam mencapai objektif pengajaran dan murid serta ibu bapa dalam mencapai matlamat pembelajaran mereka. Ini kerana tahap prestasi murid membolehkan guru dan murid serta ibu bapa membuat penilaian dan refleksi terhadap pencapaian mereka dan ini membolehkan mereka mengambil tindakan yang sewajarnya dalam meningkatkan lagi prestasi pengajaran dan pembelajaran masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengetahuan asas guru berkaitan Aras Taksonomi Bloom adalah tinggi. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian Ramlah (2016) yang menunjukkan bahawa guru mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam membina item mengikut Aras Taksonomi Bloom bermula dari aras yang paling rendah iaitu aras pengetahuan, aras kefahaman, aras aplikasi, aras analisis, aras sintesis dan aras penilaian dengan tepat. Najib (2011) menyatakan bahawa pengetahuan guru dalam penggunaan Aras Taksonomi Bloom bukan sahaja penting dalam membina item tetap juga penting dalam merancang pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana Taksonomi Bloom juga digunakan bagi menentukan objektif pengajaran am dan objektif pengajaran khusus semasa merancang sesi pengajaran dan pembelajaran. Penentuan objektif pengajaran am dan khusus yang tepat oleh guru bagi mencapai matlamat pengajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran akan memudahkan proses pentaksiran dijalankan semasa dan selepas pengajaran. Justeru itu, pengetahuan guru berkaitan aspek tersebut adalah sangat penting.

Nilai min 3.78 bagi pengetahuan asas guru berkaitan JSU seperti cara membina JSU, Kandungan JSU, penentuan topik, agihan topik dan penentuan bilangan item menunjukkan interpretasi yang tinggi. Dapatan kajian ini sedikit bercanggah dengan dengan dapatan kajian Suriana (2013) yang juga menunjukkan pengetahuan asas guru dalam aspek pembinaan JSU adalah sederhana. Pembinaan JSU adalah merupakan syarat wajib bagi guru dalam merancang pentaksiran murid. Ini kerana pembinaan JSU dapat mengelakkan guru dari membina item ujian tanpa perancangan dan juga dapat meningkatkan tahap keobjektifan dan kesahan isi pengujian dan pengukuran. Justeru itu, guru seharusnya mempunyai pengetahuan asas yang tinggi dalam pembinaan JSU.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini juga menunjukkan pengetahuan asas guru berkaitan dengan kaedah pemarkahan adalah tinggi. Dapatan kajian ini sedikit bertentangan dengan dapatan kajian Ramlah (2016) yang mendapati tahap pengetahuan guru berkaitan kaedah pemarkahan adalah pada tahap sederhana. Pengetahuan guru yang tinggi dalam melaksanakan pentaksiran menggunakan kaedah pemarkahan analitik dan holistik dapat membantu guru memilih kaedah pemarkahan yang sesuai dan bertepatan dengan objektif pembelajaran. Dalam melaksanakan pentaksiran guru harus mengelak dari membuat penilaian yang kabur dan tidak jelas. Ini bertujuan untuk membolehkan guru membuat diagnostik atau rawatan pemulihan sekiranya terdapat pelajar yang belum menguasai topik pembelajaran dan masih lemah dalam bidang tersebut. Kebolehpercayaan pentaksiran boleh dipertingkatkan dengan menggunakan pelbagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah pemarkahan yang membantu mengurangkan ralat dalam membuat pentaksiran (Shamsina 2013).

Justeru itu, pemilihan kaedah pemarkahan secara analitik atau holistik sepenuhnya adalah tidak wajar kerana ia akan menyebabkan guru membuat pentaksiran yang tidak adil terhadap murid mereka. Dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah pelbagai instrumen digunakan bagi mengukur pencapaian murid. Oleh itu, pemilihan kaedah pemarkahan secara analitik dan holistik adalah wajar dan ia mestilah disesuaikan dengan jenis instrumen dan tujuan pentaksiran dilaksanakan.

Bagi aspek pengetahuan asas guru berkaitan etika penilaian, kajian ini mendapati guru mata pelajaran SRT mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam aspek tersebut. Dapatan ini menunjukkan guru mata pelajaran SRT melaksanakan aktiviti PBD dengan penuh beretika dan bertanggungjawab mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan dan Bahagian Perkembangan Kurikulum.

Bagi memastikan pelaksanaan pentaksiran dijalankan oleh guru secara beretika dan telus, KPM telah membentuk jawatan kuasa jaminan kualiti yang melibatkan aktiviti pementoran, penyelarasan, pemantauan dan pengesanan sama ada di peringkat dalaman yang melibatkan Guru Kanan Mata Pelajaran, Guru Cemerlang, Ketua Panitia, Jurulatih Utama dan guru yang dilantik oleh pengetua atau jawatan kuasa PBS dan peringkat luaran yang melibatkan pegawai dari Lembaga Peperiksaan, Jabatan pelajaran Negeri dan Jabatan pendidikan Daerah (LPM, 2012). Melalui aktiviti jaminan kualiti ini, pentaksiran dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan ini membolehkan semua pihak terutama ibu bapa boleh mendapatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maklumat pentaksiran anak mereka dengan tepat dan ini memberi keadilan kepada murid.

Etika penilaian merupakan satu aspek yang penting dalam melaksanakan pentaksiran. Menurut Ramlah (2016) dalam melaksanakan pentaksiran sering kali timbul konflik antara guru dan pentadbir dalam memberi band yang tinggi kepada murid sedangkan guru yang melaksanakan pentaksiran ke atas murid tersebut merasakan bahawa murid tersebut tidak layak mendapatkan band yang dicadangkan kerana murid tersebut tidak mampu untuk mencapai kriteria yang telah ditetapkan.

Manakala, Rasooli & rakan (2018) berpendapat tanpa etika akan wujud kepincangan di dalam sistem pentaksiran. Pandangan ini adalah selari dengan pandangan Green & rakan (2007) yang berpandangan bahawa pentaksiran yang dijalankan secara tidak beretika akan memyebabkan berlakunya kepincangan dalam pentaksiran dan pentaksiran yang dilakukan tidak dapat mengukur pengetahuan dan kebolehan murid yang sebenar dengan tepat.

Dapatan kajian menunjukkan tahap kemudahan dan sumber dari segi kecukupan dan kekondusifan adalah tinggi. Dapatan ini sedikit berbeza dengan dapatan kajian Noorzeliana (2016) yang mendapati kemudahan sumber yang sangat penting dalam pelaksanaan PBS seperti internet dan komputer adalah hampir tiada disediakan di sekolah sedangkan hampir semua guru menyatakan capaian internet di sekolah adalah penting bagi guru dalam mencari bahan-bahan berkaitan PBS.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Ramlah (2016) juga menunjukkan terdapat kekurangan dalam penyediaan bahan rujukan dan kemudahan pencetakan bahan pentaksiran di sekolah. Tambah beliau lagi keadaan ini memaksa guru menanggung kos mencetak bahan untuk aktiviti pentaksiran di luar.

Kemudahan, kesesuaian, kecukupan dan kekondusifan sumber yang disediakan merupakan perkara yang sangat penting dalam pelaksanaan kurikulum yang hendak dijalankan. Justeru itu, sokongan pihak pentadbir dan pengurusan sekolah dalam menyediakan bahan dan kemudahan yang mencukupi banyak membantu guru dalam melaksanakan PBD dengan lancar.

5.3.1.2 Murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengetahuan dan Kefahaman murid dalam melaksanakan pentaksiran adalah sangat penting. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan dan kefahaman murid dalam melaksanakan PBD adalah tinggi. Dapatan ini bercanggah dengan dapat kajian Noraini & Zamri (2016) yang menyatakan tahap pengetahuan dan kefahaman murid dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah sederhana.

Teori pembelajaran Konstruktivisme menyatakan murid membina pengetahuan tentang apa dipelajari dengan cara mengaitkannya dengan pengetahuan atau pengalaman sedia ada masing-masing. Menurut teori ini terdapat beberapa prinsip asas iaitu pengetahuan dibina oleh murid, setiap murid memiliki idea dan pengetahuan asas, proses pembinaan pengetahuan melibatkan aspek sosial dan guru merupakan fasilitator

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam pembinaan pengetahuan murid. Justeru itu, pengetahuan sedia ada murid mata pelajaran SRT berkaitan pelaksanaan pentaksiran banyak membantu dalam melaksanakan PBD dengan lancar bagi membolehkan mereka menjadi murid yang berkualiti.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak seperti Kementerian Pendidikan, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Lembaga Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Daerah, pentadbir sekolah, guru mata pelajaran dan murid untuk sentiasa merancang dan membuat penambah baik dari segi pengetahuan asas, kefahaman dan kemudahan bagi memastikan tahap input pelaksanaan PBD sentiasa berada pada tahap yang sepatutnya bagi membolehkan PBD berjalan dengan lancar dalam mencapai matlamatnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Tahap Penilaian Proses Pelaksanaan PBD

Pelaksanaan PBD dapat berjalan dengan lancar atau sebaliknya adalah bergantung kepada aktiviti yang terlibat dalam pelaksanaan pentaksiran seperti aktiviti membuat perancangan, mentadbir ujian, menganalisis evidens dan mengaplikasi maklumat pentaksiran serta membuat perekodan dan pelaporan. Selain itu tanggungjawab murid juga merupakan faktor yang melancarkan pelaksanaan PBD.

5.3.2.1 Guru

Bagi memastikan sesuatu program kurikulum berjalan dengan lancar dan seterusnya membuahkan suatu kejayaan, perkara asas yang perlu dititik beratkan adalah membuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perancangan. Dalam membuat PBD adalah penting bagi seseorang guru membuat perancangan mengikut penjajaran konstruk yang terkandung dalam kurikulum, standard yang ditetapkan serta aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian bagi memastikan pentaksiran yang dirancang selaras dengan objektif pengajaran dan pembelajaran supaya proses pengajaran berada pada tahap yang optimum ke arah pencapaian matlamtanya (Biggs, 2003).

Menurut Biggs (2003) penjajaran objektif pengajaran dengan aktiviti pengajaran akan menghasilkan proses pentaksiran yang baik. Ini bermakna sekiranyan guru mematuhi dan mengikuti prinsip membuat penjajaran awal di peringkat perancangan di mana guru menentukan standard pembelajaran yang dikehendaki, Standard Prestasi yang perlu dicapai dan merancang aktiviti pembelajaran yang sesuai mengikut standard pembelajaran yang telah ditetapkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), nescaya dapat menghasilkan satu sesi pengajaran dan pembelajaran yang sempurna dan ideal. Seterusnya menghasilkan pentaksiran yang menyeluruh dan benar mewakili objektif pembelajaran yang hendak dicapai.

Dapatan kajian ini menunjukkan tahap membuat perancangan sebelum melakukan pentaksiran dalam kalangan guru mata pelajaran SRT adalah sangat tinggi. Ini bermakna guru SRT sentiasa merujuk kepada standard pembelajaran dan standard prestasi dalam merancang aktivi pembelajaran yang sesuai bagi murid mereka. Dapatan kajian ini sedikit bercanggah dengan dapatan kajian Ramlah (2016) yang mendapati tahap guru dalam membuat perancangan pelaksanaan pentaksiran adalah sederhana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nilai min 4.46 bagi aktiviti pelaksanaan PBD berkaitan aspek mentadbir ujian adalah sangat tinggi. Ini menunjukkan guru sentiasa memastikan pentadbiran ujian dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Ramlah (2016) yang menyatakan guru memberi perhatian yang penting dalam mentadbir ujian dengan mewujudkan persekitaran yang selesa untuk murid menduduki ujian pentaksiran dan menggalakkan semua murid menghadirkan diri dalam sesi pentaksiran yang dilaksanakan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti menganalisis eviden dan mengaplikasi maklumat pentaksiran berada pada tahap yang sangat tinggi. Ini menyokong dapatan kajian Ramlah (2016) di mana kajian beliau menunjukkan guru menggunakan maklumat daripada pentaksiran yang dijalankan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah mereka. Selain itu maklumat daripada pentaksiran yang dijalankan juga digunakan bagi membantu murid meningkatkan motivasi dan pembelajaran mereka. Menurut Suzana (2015) dalam kajiannya terhadap 447 orang guru Pra Sekolah di Negeri Kedah turut mendapati tahap penggunaan maklumat pentaksiran oleh guru juga berada pada tahap yang sangat tinggi. Beliau menyatakan guru menggunakan maklumat daripada pentaksiran untuk memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran mereka terutamanya dari segi pemilihan bahan pengajaran dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai.

Dapatan kajian membuktikan bahawa guru membuat perekodan dan pelaporan hasil pentaksiran dengan baik. Ini ditunjukkan dengan nilai min 4.47 yang memberi interpretasi yang sangat tinggi. Perekodan yang baik dan lengkap serta sistematik akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membolehkan guru memberi maklum balas yang tepat dan pantas sekiranya diperlukan oleh pihak pentadbir dan ibu bapa. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Ramlah (2016) yang menyatakan guru membuat perekodan menggunakan SPPBS sebaik sahaja tamat melakukan sesuatu pentaksiran ke atas murid. Tambah beliau lagi aktiviti perekodan ini memudahkan guru membuat pelaporan dengan cepat pada bila-bila masa yang diperlukan terutamanya jika maklumat tersebut dipohon oleh ibu bapa.

5.3.2.2 Murid

Tanggungjawab murid dalam melaksanakan PBD adalah sangat penting bagi memastikan proses pentaksiran dilaksanakan mengikut perancangan bagi mencapai objektif pengajaran. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap tanggngjawab murid dalam melaksanakan PBD adalah sangat tinggi. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Gunasegaran (2014) yang menjalankan kajian ke atas murid Mata Pelajaran Vokasional Landskap dan Nurseri di Semenanjung Malaysia mendapati murid melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik dalam melaksanakan pentaksiran kompetensi bagi mata pelajaran tersebut.

Menurut Russell & Airasian (2011) apa sahaja aktiviti yang dilakukan oleh guru akan mempengaruhi murid dan ia akan memberi kesan kepada guru dan seterusnya kembali kepada murid. Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat adalah amat penting bagi guru memahami aktiviti dalam pelaksanaan pentaksiran dan murid memahami

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tanggungjawab mereka dalam melaksanakan pentaksiran bagi membolehkan pentaksiran dilaksanakan secara berkesan bagi mencapai matlamat pelaksanaannya.

5.3.3 Tahap Hasil jangka Pendek Pelaksanaan PBD

5.3.3.1 Guru

Matlamat pelaksanaan PBD adalah untuk mendapat maklum balas berkaitan perkembangan pembelajaran murid dan keberkesanan pengajaran supaya maklumat daripada pentaksiran tersebut boleh digunakan untuk merancang tindakan susulan sama ada semasa pengajaran dan pembelajaran atau selepas pengajaran dan pembelajaran (BPK, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menunjukkan hasil daripada pelaksanaan PBD selama tiga tahun telah berjaya meningkatkan pengetahuan guru dalam melaksanakan pentaksiran dengan nilai min 3.60 yang menunjukkan tahap peningkatan pengetahuan yang tinggi. Ini menunjukkan pengetahuan guru dalam beberapa aspek seperti membuat pentaksiran semasa dan selepas aktiviti pengajaran dan pembelajaran, membuat jangkaan untuk pencapaian prestasi murid dengan jelas, merancang kerja rumah serta projek jangka panjang untuk pentaksiran, mengemaskini rekod prestasi murid, menggunakan maklumat hasil pentaksiran untuk merancang dan mengubah suai pengajaran, berkongsi maklumat pentaksiran dengan rakan guru untuk tujuan pembangunan akademik dan pembangunan emosi murid secara berterusan adalah tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu, terdapat aspek yang perlu diberi perhatian iaitu aspek membuat pentaskiran sebelum aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menunjukkan tahap peningkatan pengetahuan yang sederhana. Dapatan kajian ini telah menyokong dapatan kajian Ramlah (2016) yang menunjukkan pengetahuan guru dalam membuat pentaksiran sebelum dan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah sederhana.

Kajian ini mendapati peningkatan kemahiran guru dalam pelaksanaan PBD adalah berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan guru mahir dalam mentadbir dan mentafsir ujian. Selain itu, guru juga mahir dalam menggunakan prosedur penggredan murid yang sah serta mahir dalam menggunakan hasil pentaksiran sama ada untuk membuat keputusan mengenai pembelajaran secara individu, merancang pengajaran, memperbaiki pengajaran, menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai, berkomunikasi dengan murid, ibu bapa serta pnetadbir mengenai keputusan pentaksiran, mengenal pasti kaedah pentaksiran yang tidak beretika dan menggunakan Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian yang dijalankan oleh Aniza & Zamri (2015) yang mendapati tahap kemahiran guru dalam pelaksanaan pentaksiran sekolah adalah tinggi.

Kajian yang dijalankan oleh Christoforidou & rakan (2014) telah membuktikan bahawa kemahiran guru yang tinggi dalam melaksanakan pentaksiran dapat membantu guru dalam mempelbagaikan teknik pentaksiran di mana dapat menghasilkan maklumat yang tepat berkaitan prestasi murid. Justeru itu, guru seharusnya mempunyai kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan pentaksiran bagi membantu pembelajaran murid lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.3.2 Murid

Dapatan kajian menunjukkan tahap pembentukan sikap positif murid terhadap pelaksanaan PBD adalah sangat tinggi. Ini membuktikan murid mata pelajaran SRT menghadirkan diri dalam mengikuti pembelajaran, sentiasa memmbuat latihan dan membuat PBD, membuat latihan menjawab soalan mata pelajaran SRT dengan baik bagi tujuan mendapatkan band yang baik, menyiapkan tugasan yang diberi dalam masa yang ditetapkan, merancamg aktiviti sebelum melaksanakan tugasan, membuat aktiviti pembelajaran bersama rakan sama ada secara perbincangan atau perbentangan dan segera memperbaiki hasil kerja yang telah disemak oleh guru bagi mencapai band yang lebih baik. Selain itu murid mata pelajaran SRT menggunakan bahan rujukan dan laman web ketika membuat PBD serta seronok membuat pentaksiran kerana dapat mempelajari benda baharu dan topik yang disentuh dalam PBD meningkatkan kualiti hidup mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1985) menyatakan individu yang terlibat dalam sesuatu perubahan program menyedari implikasi tindakan mereka sebelum memutuskan untuk terlibat atau tidak dengan program tersebut. Oleh itu, setiap tindakan yang dilakukan oleh individu tersebut mempunyai sebab dan dilakukan dalam keadaan sedar. Oleh itu, penyelidik berpendapat kesedaran murid tentang kelebihan PBD dalam membantu meningkatkan kualiti pembelajaran mereka telah menghasilkan sikap positif mereka terhadap pelaksanaan PBD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.4 Tahap Kekangan dalam Melaksanakan PBD

Kekangan utama yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PBD adalah kekangan dari aspek masa yang menunjukkan tahap yang tinggi. Kajian ini mendapati guru tidak cukup masa untuk mengajar teori dan kemahiran yang terkandung dalam kurikulum mata pelajaran SRT. Selain itu, guru turut menghadapi masalah dalam membuat semua modul mata pelajaran SRT dan kerja amali kerana aktiviti amali menuntut masa yang panjang sedangkan masa yang diperuntukan hanya 160 minit seminggu. Pentaksiran murid secara individu menuntut guru memberi tumpuan kepada setiap murid di dalam kelas. Ini menuntut masa yang panjang kerana guru perlu memberi perhatian kepada setiap murid melalui aktiviti pentaksiran yang melibatkan aktiviti pemerhatian yang kadang-kadang menyebabkan guru membuat aktiviti pentaksiran secara rawak dan secara berkumpulan. Ini menyukarkan guru untuk mengesan kelemahan murid dan memberi bimbingan kepada murid kerana bilang murid yang ramai. Dapatan kajian ini selari dengan dapat kajian Suzuk & Ogan-Bekiroglu (2012) yang turut mendapati masalah yang sama dalam melaksanakan PBD iaitu bilangan murid yang ramai, ruang yang sempit, kekurangan kemudahan, kekurangan masa, kurang motivasi murid, keadilan, penggredan dan masalah struktur kurikulum yang disediakan.

Faktor kekangan dari aspek pelaksana iaitu guru seperti guru kurang menguasai kaedah PBD, guru sukar menyesuaikan diri dengan kurikulum mata pelajaran SRT terutamanya guru bukan opsyen dan guru kurang menguasai isi kandungan modul mata pelajaran SRT berada pada tahap yang rendah.. Dapatan ini sedikit berbeza dengan dapatan kajian Fook & rakan (2013) yang menyatakan guru mempunyai keyakinan yang sederhana dalam melaksanakan Pentaksiran Sekolah bagi mata pelajaran geografi dan sejarah. Kajian Ramlah (2016) turut menunjukkan kurang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keyakinan guru dalam membina instrumen, kurang pengetahuan dan kurang latihan merupakan masalah dalam pelaksanaan Pentaksiran Sekolah dalam kalangan guru sekolah rendah.

Selain itu, faktor pentadbiran turut menjadi kekangan kepada guru dalam melaksanakan pentaksiran dengan nilai min 2.62 yang menunjukkan interpretasi sederhana. Kerja pentadbiran seperti pengurusan kelas dan pegawai sukan sama ada di peringkat sekolah atau luaran menganggu masa guru dalam melaksanakan pentaksiran. Selain itu kurang sokongan rakan sejawat, pentadbir dan pegawai pendidikan daerah atau negeri turut menjadi penghalang kepada guru dalam melaksanakan pentaksiran dengan berkesan. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Ura (2012) yang menyatakan pihak pentadbiran kurang memberi sokongan kepada guru dalam menyediakan kemudahan dan bahan yang mencukupi untuk melaksanakan pentaksiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faktor murid seperti murid kurang berminat dengan mata pelajaran SRT, murid sering ponteng sekolah, murid sering menganggu proses pengajaran dan pembelajaran, murid lambat menyempurnakan tugasan dan motivasi murid yang rendah menunjukkan tahap halangan yang rendah dalam pelaksanaan PBD. Dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Gunasegaran (2014) yang mendapati faktor halangan utama guru dalam pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional Landskap dan Nurseri adalah motivasi murid yang rendah, murid sering ponteng sekolah dan murid lambat menyiapkan tugasan atau projek yang berada pada tahap yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa masa merupakan kekangan utama kepada guru dalam pelaksanaan PBD yang boleh membantut pencapaian matlamat pelaksanaan pentaksiran. Justeru itu bagi memastikan objektif dan matlamat pentaksiran tercapai, kekangan tersebut perlu diberi penekanan dalam usaha penambah baik pelaksanaan PBD.

5.3.5 Variabel yang Menyumbang kepada Pencapaian Hasil Jangka Pendek dalam Pelaksanaan PBD

Matlamat pelaksanaan PBD adalah untuk penambah baik pengajaran guru dan pembelajaran murid secara keseluruhan (BPK, 2018). Memandangkan pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT mula dilaksanakan pada tahun 2017 dan baru menjangkau tempoh tiga tahun pelaksanaan, maka penyelidik hanya menilai hasil jangka pendek pelaksanakan PBD dari aspek peningkatan pengetahuan guru, peningkatan kemahiran guru dan pembentukan sikap positif murid.

Melalui analisis regrasi berganda langkah demi langkah yang dijalankan, didapati terdapat satu variabel daripada 10 variabel bebas telah menujukkan korelasi dan sumbangan yang signifikan terhadap jumlah varians pengetahuan guru. Variabel bebas tersebut adalah aktiviti membuat perancangan. Variabel ini adalah peramal yang mempunyai korelasi dan sumbangan sebanyak 19.70% (R^2 = 0.197) terhadap peningkatan pengetahuan guru dalam melaksanakan PBD. Berdasarkan dapatan kajian ini boleh dirumus bahawa variabel bebas ini berupaya menjadi penyumbang atau peramal kepada peningkatan pengetahuan guru dalam melaksanakan PBD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian juga membuktikan bahawa aspek pengetahuan asas guru berkaitan dengan kaedah pemarkahan memberi sumbangna signifikan terhadap peningkatan kemahiran guru dalam melaksanakan PBD dengan peratus sumbangan sebanyak 47% ($R^2 = 0.47$). Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Anuar & Nelson (2017) yang menunjukkan bahawa guru yang mempunyai pengetahuan asas yang tinggi tentang bidang pengajaran sesuatu mata pelajaran berupaya meningkatan kemahiran guru dalam menyampaikan pengajaran. Kajian Ramlah (2016) juga turut mendapati pengetahuan asas guru yang tinggi menyumbang kepada peningkatan kemahiran guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Sekolah.

Bagi aspek pembentukan sikap positif murid terhadap pelaksanaan PBD, keputusan analisis regrasi berganda langkah demi langkah (*stepwise*) yang melibatkan tiga variabel bebas ke atas variabel bersandar pembentukan sikap positif murid terhadap pelaksanaan PBD mendapati kesemua variabel bebas berkenaan telah menunjukkan korelasi dan sumbangan yang signifikan terhadap jumlah varians pembentukan sikap positif murid terhadap pelaksanaan PBD. Variabel tersebut ialah tanggungjawab murid, pengetahuan murid dan kefahaman murid yang mempunyai korelasi dan sumbangan sebanyak 49.20% terhadap peningkatan sikap positif guru. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Noraini & Zamri (2016) yang menyatakan pengetahuan dan kefahaman murid yang tinggi terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah akan meningkatkan motivasi intrinsik murid dan seterusnya akan menghasilkan sikap positif murid terhadap pelaksanan pentaksiran.

Secara keseluruhannya bagi memastikan pelaksanaan PBD boleh dibuat penambah baik dari masa ke semasa bagi tujuan ke arah pencapaian matlamatnya, maka boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibuat kesimpulan bahawa komponen pengetahuan asas guru seperti kaedah pemarkahan, pengetahuan murid, kefahaman murid, aktiviti pelaksanaan pentaksiran seperti membuat perancangan dan tanggungjawab murid merupakan variabel yang telah dikenal pasti memberi sumbangan yang signifikan terhadap peningkatan pengetahuan guru, peningkatan kemahiran guru dan pembentukan sikap positif murid terhadap pelaksanaan PBD yang mampu menambah baik pengajaran guru dan pembelajaran murid secara keseluruhan.

5.4 Kesimpulan Kajian

Berdasarkan dapatan dan perbincangan di atas kajian ini dapat disimpulkan bahawa tahap pelaksanaan PBD berdasarkan kepada tiga fasa iaitu input, proses dan hasil jangka pendek berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan asas guru berkaitan pelaksanaan PBD, pengetahuan murid dan kefahaman murid serta kemudahan dan sumber di peringkat input adalah tinggi, di peringkat proses tahap aktiviti pelaksanaan PBD guru adalah berada pada tahap sangat tinggi manakala tahap proses tanggungjawab murid juga berada pada tahap sangat tinggi dan di peringkat hasil jangka pendek tahap peningkatan pengetahuan guru, tahap peningkatan kemahiran guru dan tahap pembentukan sikap positif murid berada pada tahap tinggi.

Kekangan utama guru melaksanakan PBD adalah dari aspek masa. Diikuti dengan kekangan aspek pentadbiran, aspek pelaksana iaitu guru dan akhir sekali aspek murid mata pelajaran SRT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat satu variabel bebas telah menunjukkan korelasi dan sumbangan yang signifikan terhadap jumlah varians peningkatan pengetahuan guru. Variabel bebas aktiviti membuat perancangan dalam melaksanakan pentaksiran adalah peramal yang mempunyai korelasi dan sumbangan sebanyak 19.70%.

Terdapat satu variabel bebas telah menunjukkan korelasi dan sumbangan yang signifikan terhadap jumlah varians peningkatan kemahiran guru. Variabel bebas pengetahuan asas guru berkaitan kaedah pemarkahan adalah peramal yang mempunyai korelasi dan sumbangan sebanyak 47.0%.

Kesemua variabel bebas iaitu tiga variabel bebas telah menunjukkan korelasi dan sumbangan yang signifikan terhadap jumlah varians pembentukan sikap positif murid. Variabel bebas input pengetahuan murid, input kefahaman murid dan proses tanggungjawab murid dalam melaksanakan pentaksiran adalah peramal yang mempunyai korelasi dan sumbangan sebanyak 49.20%.

5.5 Implikasi dan Cadangan Penambah Baik Pelaksanaan PBD Mata Pelajaran SRT

Kajian ini telah memberikan satu penilaian yang jelas dan lengkap berkenaan pelaksanaan PBD yang bermatlamat untuk menambah baik pengajaran guru secara keseluruhan (BPK, 2018). Justeru itu, dapatan yang diperoleh ini mempunyai beberapa implikasi yang telah dikenal pasti.

Pertama, berdasarkan kepada dapatan kajian tahap input kemudahan dan sumber secara keseluruhan menunjukkan tahap yang tinggi. Namun begitu, terdapat beberapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aspek dalam input kemudahan dan sumber masih berada pada tahap yang sederhana seperti kecukupan dan kekondusifan kemudahan dan sumber serta kemudahan bahan rujukan untuk membina item yang berkesan. Begitu juga dalam aspek peruntukan kewangan untuk menjalankan aktiviti PBD masih berada pada tahap yang sederhana. Justeru itu, sekiranya tidak ada tindakan yang sewajarnya diambil oleh pihak pentadbir sekolah dan guru mata pelajaran SRT, nescaya matlamat pelaksanaan PBD untuk menambah baik pengajaran guru dan pembelajaran murid secara keseluruhan tidak dapat dicapai.

Kedua, dapatan kajian juga memberi petunjuk bahawa guru menghadapi kekangan masa dalam melaksanakan pentaksiran yang berkesan. Masa yang terhad diperuntukan kepada guru bagi melaksanakan PBD memberi kesan kepada guru dalam pengajaran teori, amal dan kemahiran. Oleh itu, untuk mengatasi kelemahan yang dibincangkan, berikut diberikan beberapa cadangan bagi membolehkan Pelaksanaan PBD berjaya mencapai matlamatnya.

Pertama, memperbaiki kemudahan prasarana dan sumber terutamanya sumber rujukan untuk pembinaan item yang berkesan bagi membolehkan guru mata pelajaran SRT membuat rujukan dengan mudah dan pantas.

Kedua, peruntukan masa yang lebih bagi mata pelajaran SRT perlu diberikan. Masa yang diperuntukan untuk mata pelajaran tersebut selama 160 minit seminggu tidak cukup bagi guru untuk melaksanakan pengajaran teori, pengajaran amali, membuat modul dan melaksanakan PBD dengan lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, kesemua implikasi ini memberi manafaat bukan sahaja kepada guru mata pelajaran SRT yang bertindak sebagai pelaksanan malah kepada pelajar dan pentadbir yang merupakan tunjang utama dalam pelaksanaan PBD.

Justeru itu, penyelidik mencadangkan pelaksanaan PBD diteruskan dengan mengambil kira cadangan penambah baik yang dikemukan dalam usaha mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran guru serta kualiti murid mata pelajaran Sains Rumah Tangga.

5.6 Sumbangan Kajian

Dapatan kajian penilaian pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT bagi sekolah menengah harian ini telah dapat memberi sumbangan kepada pelaksanaan pentaksiran seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6.1 Sumbangan Kepada Penambah baik Pelaksanaan PBD Terhadap Guru dan Murid Mata Pelajaran SRT

Matlamat pelaksanaan PBD atau pada awalnya dikenali sebagai Pentaksiran Sekolah adalah untuk membantu guru memperbaiki pengajaran secara keseluruhannya (BPK, 2018). Kajian ini mendapati tahap peningkatan pengetahuan dan peningkatan kemahiran guru terhadap pelaksanaan pentaksiran adalah tinggi dan pembentukan sikap positif murid terhadap pelaksanaan pentaksiran juga tinggi. Ini menunjukkan matlamat pelaksanaan PBD hampir tercapai sepenuhnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu, didapati masih terdapat kelemahan dalam aspek membuat pentaksiran sebelum aktiviti pengajaran dan pembelajaran di mana guru menunjukkan tahap peningkatan pengetahuan yang sederhana. Pengenal pastian kelemahan ini membolehkan pihak pentadbir dan pengurusan sekolah serta guru mata pelajaran SRT membuat penambah baik dalam pelaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT bagi mencapai matlamat pelaksanaannya.

5.6.2 Sumbangan Kajian Kepada Instrumentasi

Penyelidikan ini secara tidak langsung telah memberi sumbangan dari aspek instrumentasi yang boleh digunakan oleh penyelidik lain pada masa akan datang dalam membuat kajian penilaian pelaksanaan PBD terutamanya kepada penyelidik yang berminat menggunakan model penilaian Stake *Countenance*. Instrumen ini merangkumi tiga fasa penting yang melibatkan fasa input (*antecedents*), fasa proses (*transactions*) dan fasa hasil jangka pendek (*outcomes*).

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen ini juga telah diuji dan kesemua konstruk di dalam instrumen ini adalah berguna bagi menilai tahap pelaksanaan PBD terutamanya bagi kurikulum mata pelajaran SRT.

5.7 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik yang hanya menjelaskan perjalanan pelaksanaan PBD dalam kalangan guru dan murid mata pelajaran SRT di sekolah menengah harian di Negeri Kelantan sahaja. Maka kajian ini mempunyai batasannya yang tersendiri iaitu hanya berdasarkan kepada persepsi guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mata pelajaran SRT dan murid mata pelajaran SRT. Justeru itu, bagi melengkapkan gambaran tentang pelaksanaan PBD secara keseluruhan, beberapa cadangan kajian lanjut boleh dijalankan pada masa hadapan. Kajian ini adalah seperti berikut:

1. Kajian ini hanya dijalankan di sekolah Menengah Kebangsaan Harian di Negeri Kelantan. Oleh itu dicadangkan kepada penyelidik seterusnya agar mengembangkan kajian pada populasi yang lebih besar kepada sampel yang lebih besar dan luas melibatkan semua sekolah yang menawarkan mata pelajaran SRT di seluruh Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak agar dapatan kajian dapat digeneralisasikan.
2. Kajian ini dijalankan hanya untuk mengenal pasti hasil jangka pendek sahaja memandangkan pelaksanaan PBD bagi kurikulum mata pelajaran SRT masih lagi baharu iaitu baharu tiga tahun diperkenalkan. Justeru itu, kajian boleh diteruskan bagi melihat hasil jangka masa pertengahan (4 -5 tahun) dan impak.
3. Reka bentuk kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan dan soal selidik sebagai instrumen kajian. Adalah dicadangkan kepada penyelidik akan datang agar menjalankan kajian penilaian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui kaedah analisis dokumen dan temu bual dengan lebih mendalam. Oleh itu, lebih banyak maklumat yang akan diperoleh untuk mengetahui secara lebih mendalam bagaimanakah PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT dilaksanakan di sekolah menengah.
4. Kajian ini menggunakan Model Penilaian Stake *Countenance*. Maka dicadangkan kepada penyelidik akan datang menggunakan model penilaian seperti CIPP dan lain-lain model penilaian dalam aspek penilaian kurikulum dan seterusnya boleh memberi cadangan kepada pihak pelaksana kurikulum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.8 Penutup

Secara keseluruhannya, kajian ini telah dapat menilai pelaksanaan PBD dalam mata pelajaran SRT dari aspek input (*antecedents*), proses (*transactions*) dan hasil jangka pendek (*outcomes*). Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan asas guru berkaitan pelaksanaan PBD diperingkat input adalah tinggi, di peringkat proses aktiviti pelaksanaan sangat tinggi dan di peringkat hasil jangka pendek adalah tinggi.

Manakala tahap pengetahuan dan kefahaman murid di peringkat input adalah tinggi, di peringkat proses tanggungjawab murid dalam pelaksanaan pentaksiran dalah sangat tinggi dan di peringkat hasil jangka pendek juga sangat tinggi.

Oleh itu, Model Stake *Countenance* telah membantu penyelidik dalam membuat penilaian dalam setiap peringkat bagi menentukan perjalanan perlaksanaan PBD dalam kurikulum mata pelajaran SRT bagi sekolah menengah harian.

Penilaian input, proses dan hasil jangka penek ini dapat memberi maklumat kepada pihak sekolah, guru mata pelajaran SRT dan murid mata pelajaran SRT untuk melihat kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan PBD untuk tujuan penambah baik pada masa hadapan.

Oleh itu, adalah dicadangkan PBD bagi mata pelajaran SRT diteruskan dengan mengambil kira cadangan penambah baik dalam usaha mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran guru dan kualiti murid mata pelajaran SRT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abdul Fatah Abdul Malik & Mohd Majid Konting. (1993). *Memahami penyelidikan pendidikan: Satu pengenalan* (Edisi ke-4). Fakulti Pengajian Pendidikan, Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Abubakar Aminu Boyi. (2019). Vocational/Technical Education in Nigeria: An Indispensable Tool for Resolving National Conflicts and Economic Development. *International Journal of Innovative Research in Social Sciences and Strategic Management Techniques,* 6 (1), 23-33.

Afinde Othman. (2016). *Pengetahuan, kemahiran dan amalan guru membina item kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam instrumen pentaksiran pembelajaran.* Tesis Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Ainon Muhammad. (1997). *Memahami Psikologi Berfikir*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Ajzen, I. (1985). *From intentions to actions: A theory of planned behavior*. In J. Kuhi & J. Beckmann (Eds.), Action. Control: From cognition to behavior (pp. 11-39). Heidelberg: Springer.

Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational behavior and human decision processes, 50*(2), 179-211.

Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Peraturan-peraturan dan Kaedah-kaedah terpilih: (hingga 25hb Januari 2008). Petaling Jaya, Selangor: International Law Book Services.

Alkin, M. C. (2004) *Evaluation roots: Tacing Theorists' view and influences*. Thousand Oaks, CA: Sage

Allport, G. W. (1935). *A Handbook of Social Psychology.* (pp. 798-844). Worcester, MA, US: Clark University Press.

American Federation of Teachers, W., D.C.;, National Council on Measurement in Education, W., D.C.; , & National Education Association, W., D.C. (1990). *Standards for Teacher Competence in Educational Assessment of Students.* (ED323186). Washington, D.C.: American Federation of Teachers National Council on Measurement in Education. National Education Association.

Anuar Ahmad & Nelson Jinggan. (2017). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik,* 3(2),1-11.

Anderson, L. W., & Postlethwaite, T. N. (2007). Program evaluation: large-scale and small-scale studies. In T. I. I. f. E. P. (IIEP) (Ed.). Paris

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Anizah Ahmad & Zamri Mahmod. (2015) Tahap kemahiran guru Bahasa Melayu sekolah menengah dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah berdasarkan jantina, opsyen dan tempat mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(1):18-29

Ary, D., Jacobs, L. C., Irvine, C. K. S., & Walker, D. (2018). *Introduction to Research in Education*. Boston, MA: Cengage Learning.

Asnul Dahar Minghat, Nor Fadila Amin, Ruhizan M.Yasin, & Ramlee Mustapha. (2012). *Pembinaan indikator kelestarian pendidikan teknikal dan vokasional sekolah menengah harian melalui kajian delphi*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA, The Zon Regency by The Sea, Johor Bahru.

Asnul Dahar Minghat, Ruhizan M. Yasin, Kamalularifin Subari, & Muhammad Khair Noordin. (2013a). *Strategi Kelasterian Pembangunan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV)*. Paper presented at the 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013) KSL Hotel & Resort, Johor.

Asnul Dahar Minghat, Ruhizan M. Yasin, Kamalularifin Subari, & Noordin, M. K. (2013b). *Strategi Kelasterian Pembangunan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV)*. Paper presented at the 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education.

Asri Selamat. (2007). *Amalan pentaksiran pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah menengah bestari Negeri Johor Darul Takzim*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.

Agus. (2012). Definisi menurut para ahli: Pengertian tanggungjawab. Dicapai pada 3/1/2020 daripada http://www.definisimenurutparaahli.com/pengertian-bertanggung-jawab-dan-contohnya/

Azizi Yahaya. (2001). *The using of model context, input, process and products (CIPP) in learning programs assessment*. Paper presented at the International Conference on Challenges and Prospects in Teacher Education, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Azizi Yahaya, Jamaluddin Ramli, Shahrin Hashim. (2007). Sejauh manakah model Stufflebeam (KIPP) boleh membantu dalam penilaian program pembelajaran?. Dicapai daripada http://eprints.utm.my/id/eprint/2256/

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). *Panduan Pentaksiran Bilik Darja*h. Putrajaya, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Mata pelajaran Sains Rumah Tangga Tingkatan 4.* Putrajaya, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah*. Putrajaya, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Baharom Mohamad, Fazlina Yunus, Mohamad Johdi Salleh & Mohamad Yusof Abdullah. (2010). Kepimpinan autentik dalam pendidikan teknik dan vokasional politeknik. *Malaysian Educational Dean's Council Journal* 6:35-48.

Becker, G. S. (2009). *Human capital: A theoretical and empirical analysis, with special reference to education*. Chicago: University of Chicago press.

Bentley, W. H. (1977). *Administering the successful vocational education program*. New York: Parker Pub. Co.

Berk, R. A. (1979). The Construction of Rating Instruments for Faculty Evaluation. *The Journal of Higher Education, 50*(5), 650-669. doi:10.1080/00221546.1979.11779999

Bernard, H. R. (2013). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Thousand Oak, California: SAGE Publications.

Biggs, J. (2003). Aligning teaching for constructing learning. *Higher Education Academy*, 1(4).

Black, P., & Wiliam, D. (2018). Classroom assessment and pedagogy. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice, 25*(6), 551-575. doi:10.1080/0969594X.2018.1441807

Blackburn, B. R. (2017). *Rigor and Assessment in the Classroom*. New York: Routledge.

Bloom, B.S., Engelhart, M.D., Furst, E., Hill, W.H. & Krathwohl, D.R. (1956). *Taxonomy of educational objectives: Handbook I cognitive domain*. United States of America: Longman Group Limited.

Che Aleha Ladin. (2015). *Pentaksiran berasaskan sekolah pendidikan seni visual sekolah menengah*.Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Christoforidou, M., Kyriakides, L., Antoniou, P., & Creemers, B. P. (2014). Searching for stages of teacher's skills in assessment. *Studies in Educational Evaluation,* 40, 1-11.

Chua Yan Piaw. (2014). *Statistik penyelidikan lanjutan: Ujian regresi, analisis faktor dan analisis SEM* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: McGraw-Hill.

Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2017). *Research Methods in Education* (8th ed.). New York: Routledge.

Conrad, Clifton, & Wilson, R. F. (1985). *Academic Program Reviews: Institutional Approaches, Expectations, and Controversies. ASHE-ERIC Higher Education Report No. 5, 1985.* Dicapai daripada Washington, DC: https://eric.ed.gov/?id=ED264806

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Creswell. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th ed.). Boston MA: Pearson.

Creswell, & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). Thousand Oaks, California: Sage publications.

Deepwell, F. (2002). Towards Capturing Complexity: an interactive framework for institutional evaluation. *Educational Technology & Society, 5*(3).

Denison, E. F., & Stein, H. (2012). *The Sources of Economic Growth in the United States and the Alternatives Before Us*. United States: Literary Licensing, LLC.

Deutscher, V., & Winther, E. (2018). Instructional sensitivity in vocational education. *Learning and Instruction, 53*, 21-33. doi: https://doi.org/10.1016/j.learninstruc.2017.07.004

Doll, R. C. (1995). *Curriculum Improvement: Decision Making and Process*. Boston: Allyn & Bacon, Incorporated.

Donaldson, S. I. (2007). *Program Theory-Driven Evaluation Science: Strategies and Applications*. London, United Kingdom: Taylor & Francis.

Dunham, D. B. (1989). Vocational education in the secondary school: The case for continuation. *Economics of Education Review, 8*(1), 69-74.

Education Act 1961, Federation of Malaya Act of Parliament No. 43 of 1961. (1961). Kuala Lumpur: Govnt. Press

Bruce B. F. (2018). The SAGE Encyclopedia of Educational Research, Measurement, and Evaluation. Thousand Oaks, California: Sage.

Faizah. (2019). Pengenalan BPTV. Kementerian Pendidikan Malaysia. Dicapai daripada https://www.moe.gov.my/korporat/bahagian-dan-unit/bahagian-pendidikan-dan-latihan-teknikal-vokasional

Faridah Mariani Johari, Widad Othman, Hairul Nizam Ismail, & Zainudin Isa. (2014). *Isu dan Cabaran Pelaksanaan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di Sekolah Menengah Harian, Malaysia*. Paper presented at the PDE Professional Development in Education Conference, Park Hotel Bandung.

Fatima, G., Malik, M., Abid, U., & Dur-e-Nayab. (2016). Early Childhood Special Education Program at the Outcome Phase: An Evaluation from Stake's Countenance Model Perspective. *Bulletin of Education and Research*, 38(2).

Field, A. (2013). *Discovering Statistics Using IBM SPSS Statistics* (4th ed.). Thousand Oaks, California: SAGE Publications.

Finch, C. R., & Crunkilton, J. R. (1999). *Curriculum Development in Vocational and Technical Education: Planning, Content, and Implementation* (5th ed.). Boston: Allyn and Bacon.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fitzpatrick, J. L., Sanders, J. R., & Worthen, B. R. (2017). *Program Evaluation: Alternative Approaches and Practical Guidelines.* (4 edition ed.). Boston, MA: Pearson.

Fitzpatrick, J. L., Sanders, J. R., & Worthen, B. R. (2011). *Program Evaluation: Alternative Approaches and Practical Guidelines* (4th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson.

Fives, H., Barnes, N., Buehl, M. M., Mascadri, J., & Ziegler, N. (2017). Teachers' Epistemic Cognition in Classroom Assessment. *Educational Psychologist,* 52(4), 270-283. doi:10.1080/00461520.2017.1323218

Fook Yuen Chan, Gurnam Kaur Sidhu, Alinah Mohd Radzi, Parmjit Singh & Rizal Md Yunus. (2013). *Keyakinan guru sejarah dan geografi dalam pelaksanaan kerja kursus*. Dicapai pada 20/1/20101 daripada https://www.semanticscholar.org/paper/Penilaian-kemahiran-guru-sejarah-dan-geografi-dalam-Chan-Sidhu.

Fournier, D. M. (1994). Reviewed Work: The Program Evaluation Standards: How to Assess Evaluations of Educational Programs. [The Program Evaluation Standards: How to Assess Evaluations of Educational Programs, The Joint Committee on Standards for Educational Evaluation]. *Journal of Educational Measurement, 31*(4), 363-367.

The Fourth Malaysia Plan (FMP) (Rancangan Malaysia Ke-4, RME) 1981-1985 (1980). Dicapai daripada https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RM4.pdf

Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2014). *How to Design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw-Hill Education.

Fullan, M. G. (2007). Change the terms for teacher learning. *The Learning Professional,* 28(3), 35.

Fullan, M. G. (2015). *The New Meaning of Educational Change* (5th ed.). New York: Teachers College Press.

Fullan, M. G. & Pomfret, A. (1977). Research on Curriculum and Instruction Implementation. *Review of Educational Research,* 47(2), 335-397. doi:10.3102/00346543047002335

Fullan, M. G. (2000). The three stories of education reform. *Phi Delta Kappan,* 81(8), 581-584.

Fullan, M. G. (1992). *Successful School Improvement: The implementation perspective and beyond*. Buckingham, United Kingdom: McGraw-Hill Education.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. (2012). *Educational research : competencies for analysis and applications* (10th ed.). United States of America: Pearson Education, Inc.

Gay, L. R. (1991). *Educational Evaluation and Measurement: Competencies for Analysis and Application* (2nd ed.). London: Macmillan.

Ghazali @ Hassan Sulaiman & Abdul Said Ambotang. (2017). Pengaruh Pendidikan Asas Vokasional terhadap Kebolehkerjaan Murid Sekolah Menengah Harian di Sabah. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 26*(1)*, 211-236.

Gondikit, J. (2018). The Evaluation of Post PT3 Program Using Stake's Countenance Model. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH),* 3(4), 109-118.

Gredler, M. E. (1996). *Program Evaluation*. United States: Merrill.

Green, S. K., Johnson, R. L., Kim, D.-H., & Pope, N. S. (2007). Ethics in classroom assessment practices: Issues and attitudes. *Teaching and Teacher Education, 23*(7), 999-1011. doi:http://doi.org/10.1016/j.tate.2006.04.042

Gronlund, N.E. (1971). *Measurement and evaluation in teaching*. 2nd Edition. New York: The Macmillan Company.

Gunasegaran A/L Raman. (2014). *Penilaian pelaksanaan mata pelajaran vokasional-landskap dan nurseri (MPV-LN) di peringkat sekolah menengah di semenanjung Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.

Haddad, W. D. (1979). Educational and Economic Effects of Promotion and Repetition Practices. Staff Working Paper No. 319.

Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2013). *Multivariate Data Analysis* (7th ed.). London, United Kingdom: Pearson Education Limited.

Hamilton, D. (1976). *Curriculum evaluation*. Cambridge, United Kingdom: Open Books Publishing Ltd.

Hardy, M. A., & Bryman, A. (2009). *Handbook of Data Analysis*. Thousand Oaks, California: SAGE Publications.

Harlen.W. (1980). *Values and evaluation in education*. London: Harper.

Hayes, N. (2000). *Doing Psychological Research: Gathering and Analysing Data*. Philadelphia: Open University Press.

Heinrich, H. W., D., P., & Ross. (1980). *Industry Accident Prevention A Safety Management Approach*. New York: Mc Graw Publisher.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hunt, D. P. (2003). The concept of knowledge and how to measure it. *Journal of intellectual capital*, 4(1), 100-113.

Syed Talib Hussain, Shen Lei, Tayyaba Akram, Muhammad Jamal Haider, Syed Hadi Hussain, & Muhammad Ali. (2018). Kurt Lewin's change model: A critical review of the role of leadership and employee involvement in organizational change. *Journal of Innovation & Knowledge, 3*(3), 123-127.

Irwan Rosleh. (2019). *Tranformasi PTV ke arah melahirkan modal insan kelas pertama.* Universiti Teknologi Malaysia. Dicapai daripada https://eprints.utm.my/id/eprint/14920/

Jackson, S. L. (2015). *Research Methods and Statistics: A Critical Thinking Approach*. Boston. MA: Cengage Learning.

James, D., Schraw, G., & Kuch, F. (2019). Assessment & Evaluation in Higher Education Using the margin of error statistic to examine the effects of aggregating student evaluations of teaching. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 44(7), 1042-1052. doi:10.1080/02602938.2019.1570482

Jamil Ahmad (2002). *Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: Satu penilaian.* Tesis Ijazah Kedoktoran Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Joan, S. J. (2013). *An Evaluation of the Implementation of Aspects of the Revised Jamaican Primary Science Curriculum and Enactment of Professional Development*. Dicapai daripada https://www.mona.uwi.edu/soe/sites/default/files/soe/uploads/Volume%202%20No%203%20June%202013.pdf

Lauglo, J & Lillis, K. (1988). *Vocationalizing Education an International Perspective*. London: Pergamons Books Ltd.

Kamisah Osman, Zanaton Iksan & Lilia Halim. (2007). Sikap terhadap sains dan sikap saintifik di kalangan pelajar sains. *Jurnal Pendidikan Malaysia| Malaysian Journal of Education, 32*.

Kellogg, W. K. (2004). W.K. Kellogg Foundation Logic Model Development Guide. Dicapai pada 3/1/2020, daripada Association of American Colleges and Universities http://www.aacu.org/node/5682

Kementerian Pelajaran Malaysia, *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (Laporan Kabinet)*. (1979). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). *Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Vokasional*. Di capai daripada https://www.moe.gov.my/images/kpm/pemberitahuan/2014/articlefile_file_003631.pdf

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Krathwohl, D. R. (2002). A Revision of Bloom's Taxonomy: An Overview. *Theory Into Practice, 41*(4), 212-218. doi:10.1207/s15430421tip4104_2

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and PBDychological measurement,* 30(3), 607-610.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya, Kuala Lumpur.

Lawton, D. (2014). *Theory and Practice of Curriculum Studies*. London: Routledge.

Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2009). *Pengurusan dan pengendalian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Sekolah Rendah*. Putrajaya, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2011). *Pengurusan dan pengendalian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Sekolah Rendah*. Putrajaya, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2012). Panduan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Putrajaya. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Levin, R. I., & Rubin, D. S. (1994). *Statistics for management*. Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025. Dicapai daripada http://www. moe. gov. my.

Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2011). *Apa yang anda perlu tahu tentang Pentaksiran Bilik Darjah*. Putrajaya, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Maharam Mamat, Dayana Daiman, Rahani Mohd Musa, Nur Athirah Irham, Wong Kok Mun & Yong Voon Yau. (2019). Kebolehpekerjaan Graduan Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat, Selangor. Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara 20(1): 46-63. https://doi.org/10.17576/malim-2019-2001-05.

